

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET)**

---

**SHAH ALAM, 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

## **6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani  
**Pelapor Perbahasan**

\

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat belas pada 6 November 2019 dimulakan dengan bacaan Doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** Doa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Salam Sejahtera, Selamat Pagi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang berhormat sekalian pagi ini kita ada lawatan delegasi Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 12 yang hadir seramai 38 orang yang diketuai Puan Rohani. Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Taratai. Tidak hadir. Seterusnya Yang Berhormat Templer. Tidak hadir. Seterusnya Yang Berhormat Kuang. Tidak hadir. Seterusnya Yang Berhormat Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Soalan Kota Damansara yang 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PELABURAN DALAM BIDANG AERO ANGKASA ( KAWASAN SUBANG )**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah yang telah berjaya dan/atau akan dilaburkan?
- b) Apakah syarikat-syarikat yang telah terlibat dan berapa jumlah pelaburan tersebut telah di buat ?
- c) Apakah mekanisme yang telah di gunakan untuk memastikan bahawa pelaburan tersebut akan berjaya?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa program dalam membantu Industri Ekonomi Digital seperti Program Selangor Online 100 And Apps 100 anjuran Selangor ITE Commerce Council, SITEC yang mana program ini membantu usahawan kecil dan usahawan sederhana Selangor untuk mengembangkan perniagaan mereka daripada kaedah tradisional ke arah perniagaan digital. Melalui program ini mereka diberi peluang untuk memasarkan produk atau perkhidmatan perniagaan mereka melalui platform atas talian terbesar di negara seperti Lazada, Shopee dan Youbeli.com.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Setiap tahun seramai 100 usahawan di Negeri Selangor akan dilatih dan diberi pendedahan berkenaan dengan dunia perniagaan digital. Sepanjang tempoh daripada tahun 2015 hingga 2019 sebanyak 120 kelas dan program telah dijalankan oleh SITEC di mana program-program ini memberi latihan dan pendedahan kepada usahawan mengikut modul-modul yang telah ditetapkan seperti asas perniagaan online, pengurusan produk, pemasaran secara digital dan perkara-perkara lain yang penting dalam perniagaan secara atas talian. Juru latih yang akan mengendalikan kelas pula adalah dari kalangan pakar daripada industri. Di samping itu, SITEC telah mewujudkan SITEC Academy atau laman web untuk semua orang mempelajari tentang perniagaan digital secara maya. Kesemua bahan-bahan daripada kelas, latihan dan program yang telah diadakan seperti video dan *slide presentation* akan dimuat naik ke laman web SITEC Academy di mana sesiapa sahaja boleh mempelajari tentang perniagaan secara atas talian di mana-mana dengan mudah. Ia boleh di layari di [www.sitecacademy.com](http://www.sitecacademy.com) untuk mengikutinya. Lebih daripada 100 video dan *slide presentation* di muat naik ke laman web ini. Semua program yang di anjurkan ini dianjurkan secara percuma di mana usahawan-usahawan boleh diikutinya dan ia diadakan sepanjang tahun. Dari tahun 2015 sejak program ini dilaksanakan sebanyak 575 usahawan telah mengikuti program ini di mana anggaran GMV atau dengan izin *Gross Merchant Value* daripada hasil jualan usahawan ini secara atas talian adalah sejumlah RM41 juta. Dalam menghargai usahawan digital ini pula SITEC telah menganjurkan Anugerah Malaysia Top Ecommerce Merchant Award setiap tahun sejak tahun 2016. Anugerah ini bukan sahaja menghargai peniaga atas talian malah mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan peniaga tersebut sepanjang tempoh anugerah ini diadakan. Di mana peniaga yang layak mengikuti anugerah ini akan mengadakan kempen jualan secara atas talian dalam tempoh yang di tetapkan dan daripada itu mereka akan dinilai dari segi jumlah tempahan, jualan dan menguruskan web dan produk yang menarik. Sejak ia diwujudkan dari tahun 2016 lebih daripada RM120 juta jumlah GMV atau dengan izin *Gross Merchant Value* telah berjaya dihasilkan oleh lebih daripada 400 usahawan yang terpilih untuk memasuki Anugerah Top Ecommerce Merchant Award ini.

Kemunculan ekonomi digital akan mewujudkan peluang baru untuk aktiviti-aktiviti perniagaan dan keusahawanan di mana melaluinya akan dapat membuka jalan baru untuk usahawan-usahawan berkembang sama ada dalam negara ataupun luar negara. Ia akan membuka peluang pekerjaan baru dalam memenuhi hasrat perniagaan digital seperti pekerja yang mahir dalam pengurusan laman web ataupun dengan izin *website* dan pemasaran digital. Di samping itu juga sektor perniagaan digital juga akan menjadi lebih baik dari segi pembangunan infrastruktur teknologi dan logistik negara dan ramai tenaga mahir yang diperlukan dalam proses pembangunan tersebut. Daripada jumlah usahawan digital dan syarikat setaraf berjaya dilahirkan melalui program-program SITEC setiap syarikat ini akan mewujudkan peluang pekerjaan baru untuk memacu perniagaan mereka ke arah digital di mana setiap syarikat ini akan mewujudkan antara 3 hingga 10 peluang pekerjaan dan daripada jumlah 575 usahawan dan 60 syarikat ini anggaran lebih daripada 3,000 peluang pekerjaan baru telah berjaya diwujudkan. Daripada program-program seperti Selangor Online 100, Program Apps 100, Selangor Accelerator Programme (SAP), Top Ecommerce Merchant Award sepanjang tempoh 2015 hingga 2019 telah berjaya menghasilkan ekonomi impak sebanyak RM200.00 dalam *Gross Merchant Value*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.



**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya rasa soalan saya ini lebih menjurus kepada Industri Aero Angkasa. Subang dan saya harap Yang Berhormat EXCO dapat melihat semula soalan tersebut cuma saya ada satu soalan tambahan. Semalam kita dengar bahawa pengangguran di Negeri Selangor telah mencapai hampir 100 ribu kalau di ikut angka semalam kalau ikutkan yang disampaikan oleh Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan. Jadi soalan tambahan saya ialah untuk sektor Aero Angkasa ini sendiri berapakah jumlah pekerja yang telah berjaya memasuki sektor Aero Angkasa dan juga yang telah diberhentikan dari syarikat tersebut dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Itu soalan tambahan saya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Untuk makluman Yang Berhormat Kota Damansara sebenarnya jumlah pelaburan daripada Aero Angkasa ini adalah sebanyak RM91.5 juta di kawasan Subang dan syarikat-syarikat yang terlibat adalah Aerotech Sdn. Bhd., Upeca Aerotech Sdn. Bhd. dan Airjet Sdn. Bhd. dengan jumlah seperti yang saya sebutkan tadi RM91.5 juta. Itu adalah pelaburan asal mereka. Sementara itu pertanyaan berkenaan dengan angka 5 tahun kebelakangan ini saya perlukan notis, saya belum jadi genius lagi. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan Balakong nombor 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : BADAN PENGURUSAN BERSAMA FLAT (JMB)**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat banyak pangsapuri atau flat tiada JMB atau JMB kurang aktif. Tiada penduduk yang berminat menubuhkan JMB baru dan kutipan yuran penyelenggaraan tidak memuaskan. Hal ini menimbulkan kesukaran untuk menjalankan segala urusan. Apakah tindakan akan diambil demi menyelesaikan masalah ini?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Yang Berhormat Tuan Speaker soalan ini sudah dijawab bersekali dengan soalan 22.

**TUAN SPEAKER :** Baik. Seterusnya Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Assalamualaikum. Terima kasih Tuan Speaker, soalan Sungai Burong nombor 35.

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENGGANTIAN PAIP AIR LAMA**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jarak paip air lama yang siap diganti dan baki yang masih belum diganti serta kos perbelanjaan keseluruhan?
- b) Nyatakan kadar peratusan *Non Revenue Water* (NRW) terkini di Selangor?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong. Tuan Speaker Sungai Burong ingin mengetahui berhubung berkaitan penggantian paip air lama berapa siap diganti dan berapa masih belum diganti serta kos perbelanjaan keseluruhan. Bagi program penggantian paip sepanjang 438 kilo meter telah dikenal pasti pada tahun 2016 dan telah dilaksanakan projek berkenaan penggantian berkenaan setakat ini sepanjang 365.16 kilometer telah siap diganti manakala baki 72.84 meter akan siap secara berperingkat-peringkat sehingga pertengahan tahun 2020. Dalam masa yang sama juga setiap tahun dikenal pasti juga keperluan paip lain yang perlu diganti dan bagi tahun 2019 sepanjang 168 lagi kilometer lagi telah dikenal pasti dan sedang dalam peringkat reka bentuk dan tenda. Jumlah peruntukan keseluruhan program penggantian paip tahun 2016 hingga 2019 adalah sebanyak 526 juta. Untuk soalan berhubung dengan isu *Non Revenue Water* atau air tidak terhasil NRW sehingga kini setakat Ogos 2019 berada pada tahap 28.67% yang merupakan satu pencapaian sangat baik bagi air Selangor. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker. Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER :** Ya Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Saya ada satu soalan tambahan untuk Yang Berhormat. Berapa lama projek untuk menggantikan paip air lama ini akan habis. Maksudnya projek ini bila akan selesai.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan. Sebagaimana yang saya telah sebut pada sidang yang lepas dan juga sebelum itu dalam program yang lain disebutkan dalam isu penggantian paip ini, kita mempunyai panjang paip yang sangat tinggi, sangat panjang lebih dari sekitar 6,00 kilometer bagi AC paip dan ke banyakkannya penggantian paip ini melibatkan *Abestos Cement* iaitu AC paip dan program penggantian paip ini akan berterusan dan akan di buat berperingkat-peringkat dan masanya mesti lah lama dengan kita memberikan keutamaan kepada paip-paip yang ikut yang mengikut statistik yang merupakan kawasan-kawasan yang terdedah kepada kebocoran ataupun yang tinggi.

Jadi dengan kekangan kewangan dan juga keperluan untuk melaksanakan untuk mengurangkan NRW ini jadi kita mengambil langkah-langkah sedemikian dan kita juga

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

perlu ingat bahawa kerja-kerja untuk meningkatkan ataupun mengurangkan NRW, *Non Revenue Water* ini bukan sahaja melibatkan penggantian paip juga melibatkan juga penggantian alat-alat komponen lain dalam bekalan air termasuk juga vaf dan sebagainya. Jadi kos yang banyak, modal yang banyak yang diperlukan bagi menggantikan dan Air Selangor Kerajaan Negeri di bawah Air Selangor akan mengambil langkah-langkah terbaik mengikut kewangan kita yang ada bagi memastikan bahawa program berterusan bagi memperbaiki mutu bekalan air akan ditingkatkan dan dalam masa yang sama juga memastikan NRW akan berkurangan. Sasaran kita 1% setiap tahun pengurangannya tetapi kita dapati dalam keadaan sekarang ini amat baik melebihi 1% daripada sasaran kita. Sekian.

**Y.B. TUAN AZMIZAN BIN ZAMAN HURI :** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Subang jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya hendak tanya sama ada Air Selangor sudi untuk pertimbangkan dalam untuk pembangunan baru sama ada kita boleh letakkan syarat supaya mereka iaitu pemaju diminta untuk mengganti paip yang usang di kawasan persekitaran pembangunan baru mereka. Sama seperti jalan jika mereka hendak tambah unit maka mereka kena tambah infra sama juga dengan air. Adakah Air Selangor sudi mempertimbangkan cara ini.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ada pelbagai langkah-langkah yang kita kenal pasti yang boleh membantu antaranya yang disebut oleh Yang Berhormat Subang Jaya tadi tapi kita kena faham sebarang langkah yang diambil ini melibatkan kos dan kalau pemaju yang akan terlibat melaksanakan ini maka kos akan diserap dalam harga rumah itu. Jadi kita perlu buat kajian dengan teliti dan satu lagi yang kita sedang pertimbangkan di bawah Negeri Selangor ini sudah tiba masanya kita melaksanakan utiliti koridor atau *corridor utility* di mana salah satu masalah yang besar ialah bila penggantian ini melibatkan kesesakan lalu lintas dan sebagainya. Dan kita sedang meneliti supaya disediakan lebih awal koridor ini supaya pelaksanaan sebagai utiliti termasuk paip *laying* atau penanaman paip ini akan memberikan kesan yang minimum kepada trafik. Ini antara perkara yang kita sedang pertimbangkan untuk dilaksanakan.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 36.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT (N14 RAWANG)**

#### **TAJUK : PROGRAM PENGASINGAN SAMPAH**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan pengasingan sampah?

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

- b) Apakah anggaran kos yang boleh dijimatkan lepas melaksanakan pengasingan sampah?
- c) Apakah halangan untuk pelaksanaan pengasingan sampah?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Yang Berhormat Rawang.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk membuat dasar dan undang-undang berkaitan pengasingan sampah. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah menyiapkan draf Rang Undang-Undang (RUU) Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor di mana pengasingan sampah adalah salah satu elemen di dalam enakmen tersebut. Hasrat ini juga telah dimaklumkan kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memohon rundingan perkara ini. Sebagai langkah awal sementara draf RUU tersebut dibincangkan ke peringkat seterusnya, PBT Negeri Selangor telah mula melaksanakan program-program pengasingan sisa atau program kesedaran di kawasan masing-masing contohnya program pengasingan bahan kitar semula di rumah dan pengasingan sisa gerai-gerai atau pasar PBT.

Tiada kajian terperinci berkenaan penjimatan kos selepas pengasingan sampah dilaksanakan. Namun, sekiranya program pengasingan sampah dilaksanakan di seluruh kawasan PBT, dijangka penjimatan boleh mencapai sehingga 10% hingga 20% daripada kos perbelanjaan pelupusan sampah PBT. Isu utama pengasingan sampah ialah kesedaran penduduk itu sendiri. Penduduk dilihat kurang berminat untuk melaksanakan pengasingan sampah walaupun terdapat usaha-usaha melalui kempen kesedaran, promosi dan sebagainya dilaksanakan di pelbagai peringkat. Berdasarkan tinjauan rambang dan pemerhatian antara sebab utama mengapa kurangnya sambutan di kalangan penduduk untuk melaksanakan pengasingan sampah ini adalah kerana mereka menganggap sistem imbuhan atau *reward* sistem sedia ada tidak berbaloi dan kurang menarik. Penduduk juga enggan membuat pengasingan kerana mereka tidak mahu mengeluarkan kos tambahan bagi membeli plastik yang berbeza warna atau tong sampah yang berbeza tujuan bagi membuat pengasingan sampah.

Bagi peringkat Kerajaan Persekutuan berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam SWCorp hanya 10% daripada 1.25 juta kediaman bertingkat di negeri-negeri yang tertakluk di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 Akta 672 iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka, Perlis, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Johor yang melaksanakan pengasingan sisa pepejal di punca meskipun akta ini telah dikuatkuasakan sejak 1 Jun 2016. Melalui Akta 672 ini Kerajaan Persekutuan telah mewajibkan pengasingan sisa pepejal. Malah di dalam Akta ini juga telah terdapat peruntukan advokasi di mana penduduk yang gagal mengasingkan sampah ini boleh dikenakan denda maksimum sehingga RM1,000.00.

Walaupun akta ini telah dikuatkuasakan impaknya dilihat masih rendah. Bagi memastikan kejayaan inisiatif pengasingan sampah di punca ini Kerajaan Negeri akan membuat kajian lebih terperinci dan mengkaji modul-modul pengasingan sampah yang telah berjaya dilaksanakan di negara-negara lain supaya dapat diadaptasi dan dilaksanakan di negeri Selangor.

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Pada tahun 2017, Kerajaan Barisan Nasional memang pernah melaksanakan pengasingan sampah tapi gagal. Cuma kita nampak isunya mungkin salah satu adalah pendidikan, kedua adalah kontraktor tidak bersedia untuk melaksanakan tugas tersebut. Nak tanya Kerajaan Negeri Selangor berkenaan dengan kontraktor tersebut adakah kontraktor dah bersedia untuk melaksanakan pengasingan sampah.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Bagi soalan ini saya setuju sangat dengan cadangan atau pandangan daripada Yang Berhormat Rawang bahawa pendidikan harus diadakan di semua peringkat supaya di dapat diasingkan di punca. Untuk kontraktor sebenarnya kontraktor KDEB telah melaksanakan pengasingan sampah satu pusat telah ditubuhkan di kawasan MPK dan sekiranya tak salah setiap hari ia dapat mengumpul atau mengasingkan 20 tan sampah yang boleh di kitar semula di pusat itu sendiri sahaja. Dan satu kajian atau 1 study sedang dibuat oleh Majlis Bandaraya Shah Alam untuk menggariskan satu *Master Plan* atau Pelan Induk bagi pengurusan sampah sisa pepejal. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Saya menyokong dari segi pendidikan amat penting. Kalau boleh di peringkat awal untuk menggalakkan generasi akan datang melupuskan sampah cara yang baik. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan program di peringkat sekolah-sekolah supaya memberikan pendidikan awal kepada murid-murid sekolah menjalankan aktiviti-aktiviti pengasingan sampah di peringkat awal. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Ini adalah satu cadangan yang baik daripada Sungai Burong. Sungai Burong jarang bagi cadangan yang begitu positif terima kasih kepada Sungai Burong. Ini memang satu cadangan yang baik. Pendidikan atau kerjasama di peringkat sekolah telah diadakan oleh PBT dan ada kemungkinan masih tidak mencukupi. Usaha ini akan diteruskan lagi. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih. Soalan saya untuk Yang Berhormat Kinrara adalah adakah Kerajaan Negeri akan menilai satu proses yang dipanggil dengan izin *Extended Producers Responsibility (EPR)* di mana sebagai contoh pengilang air mereka buat botol air dan mereka diberi tanggungjawab untuk kutip botol air mereka kerana bila saya lihat baru-baru ini satu mesin yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri untuk membersihkan Sungai Klang saya nampak kebanyakan sisa yang dikutip itu adalah sisa botol air. Sekarang tidak ada beg plastik. Tak banyak tapi botol air.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Perbincangan awal telah diadakan bersama Masstech berkenaan isu ini. Botol plastik (*Drinking bottle*) dan juga bagi kilang tayar. Tayar juga merupakan satu cabaran yang besar di mana kita perlu menangani masalah ini. Saya

## **6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

setuju sangat dengan pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan kerana ini akan melibatkan bidang kuasa di peringkat Kerajaan Pusat sekali. Maka perundingan haruslah ada bersama Kerajaan Pusat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik. Tak hadir. Taman Medan. Hadir.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Sabar.

Anak teruna memikul papan,  
Papan dibelah menjadi dua,  
Soalan no. 38,  
Mohon dijawab Yang Amat Berhormat Sungai Tua.

**TUAN SPEAKER :** Lain kali terus bagi soalan ya. Jangan buat pantun.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI (N33 TAMAN MEDAN)**

#### **TAJUK : MASJID PENGURUSAN JAIS**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah matlamat pelaksanaan pentadbiran masjid yang diletakkan di bawah pengurusan JAIS?
- b) Apakah pelaksanaan perkara tersebut tidak menyalahi undang-undang yang sedia ada?
- c) Adakah benar pemilihan masjid untuk diurus pentadbiran oleh JAIS hanya membabitkan masjid berdana tinggi kadarnya?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Nanti jadi pertandingan berbalas pantun. Terima kasih Speaker dan Taman Medan. Untuk menjawab soalan ini marilah kita merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Seksyen 2, Seksyen 96, Seksyen 100 hingga 103. Dalam seksyen-seksyen ini dijelaskan secara terperinci apakah dia peranan dan fungsi Majlis Agama Islam dan juga bagaimana pentadbiran masjid dan surau di dalam negeri Selangor diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam. Seksyen 2 mentafsirkan majlis sebagai Majlis Agama Islam Negeri Selangor. Seksyen 96 menyebutkan bahawa majlis menjadi pemegang amanah tunggal bagi masjid dan tanah yang berkaitan dengannya. Maknanya yang berkaitan masjid dan kompaun masjid secara keseluruhan yang diwartakan sebagai rumah ibadah orang Islam adalah terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri Selangor.

Justeru berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan masjid sebenarnya adalah hakikatnya adalah terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Dengan membaca artikel-artikel dan seksyen-seksyen yang saya sebutkan tadi adalah jelas bahawa matlamat pengurusan masjid di



## **6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

bawah Jabatan Agama Islam adalah pentadbiran yang ideal dan sempurna kalau dapat diuruskan semua tapi pada ketika ini ia hanya tertumpu di hampir 50 buah masjid yang melibatkan masjid-masjid Diraja yang dilibatkan majlis-majlis daerah dan masjid-masjid terpilih yang dirasakan perlu terutamanya yang berdepan dengan situasi pengurusan yang kritikal dan sebagainya yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam. Dengan pelaksanaan ini yang saya kira tidak melanggar mana-mana peraturan kesalahan saya percaya ia akan dapat mengurangkan risiko politik masjid atau keadaan kurang senang dalam masjid dan menimbulkan suasana yang harmoni di kalangan umat Islam yang ingin beribadat di masjid dan sekali gus memenuhi titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang mahukan masjid menjadi ruangan yang positif yang menjadi ruangan yang tidak politikal kepada masyarakat dan penduduk tempatan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Soalan tambahan. Saya ingin menarik perhatian tentang jawapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Tua. Dalam soalan yang dikemukakan, saya menyebut bertanya tentang apakah pentadbiran masjid ini hanya membabitkan masjid berdana tinggi kerana ada dakwaan sedemikian. Kalau kita lihat dari segi realitinya yang ada memiliki kapasiti sumbangan-sumbangan dan juga simpanan yang begitu berjumlah besar dipilih. Seperti mana ada di kawasan Taman Medan ada dua masjid yang dipertikaikan oleh anak kariah masjid itu sendiri. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Kedudukan dana bukan menjadi justifikasi dan perbandingan ataupun menjadi kriteria yang ditetapkan untuk pengambil alihan. Kita tetapkan di dalam masjid yang sewajarnya diuruskan dengan terbaik. Masjid Negeri sebagai contoh, Masjid Daerah sebagai contoh. Masjid-masjid yang telah diisytiharkan sebagai Masjid Diraja sebagai contoh. Ini yang kita letakkan dahulu dan kemudian pada tahun lepas kita telah menambah 10 buah masjid di dalam masjid-masjid di Negeri Selangor yang merupakan masjid-masjid kariah. Ini diletakkan kepada kawasan-kawasan masjid yang tidak mendapat menuntaskan ataupun pertikaian terhadap pelantikan-pelantikan Nazir Pengerusi Masjid dan Ahli Jawatankuasa Masjid. Jadi ia di ambil alih dan kalau nak diikutkan dalam enakmen ini yang sewajarnya ia sepatutnya ditadbir dan diurus keseluruhan oleh Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam sebagai Pelaksana dengan itu kita dapat memastikan mereka-mereka yang dilantik ini dapat bebas daripada tindakan politik dan dapat ikut perintah-perintah yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan terutamanya Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam Pentadbiran Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya difahamkan bahawa ada masjid di bawah selenggaraan pihak JKR. Maknanya pembersihan berkala melibatkan pembangunan masjid. Adalah ini betul dan bagaimanakah cara untuk kita disenaraikan di bawah penyelenggaraan tersebut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Setakat ini ada beberapa masjid yang sememangnya mendapat pembiayaan terus daripada segi utiliti dan sebagainya. Masjid-masjid itu ialah Masjid Negeri, Masjid Daerah dan Masjid Diraja. Secara keseluruhannya

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

saya lupa angkanya. Saya akan sampaikan nanti berapa banyak. Kita ada 9 daerah, kita ada 1 Masjid Negeri dan tapi ada beberapa Masjid Diraja, saya kena detailkan selepas ini. Dan ini semua memang di bawah kawalan keseliaan kerajaan sepenuhnya. Maknanya ada dana yang telah ditetapkan pada tiap-tiap tahun. Yang lain-lain diuruskan melalui pengurusan masjid sama ada melalui dana kutipan dan sebagainya yang diuruskan oleh masjid. Kalau yang dimaintain atau yang diselenggarakan oleh JKR itu saya percaya ia adalah Masjid-masjid Daerah atau Masjid Diraja yang telah dipilih oleh Jabatan Agama Islam. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Ramal.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan 39.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR (N26 SUNGAI RAMAL)**

#### **TAJUK : SUMBER AIR MENTAH**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menubuhkan agensi penguatkuasa khas untuk memantau dan mencegah sumber air agar bekalan air bersih dalam negeri tidak tercemar?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Sungai Ramal. Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) merupakan agensi pengurusan sumber air Negeri Selangor yang merupakan agensi ulung dan perintis kepada pengurusan sumber air dalam negeri. Dengan adanya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, LUAS dilengkapi dengan peruntukan perundangan dan penguatkuasaan untuk melaksanakan tanggungjawab serta fungsinya dengan berkesan.

LUAS bermula daripada arahan Jemaah Menteri pada tahun 1997 yang meminta Kementerian Pertanian, seterusnya Kerajaan Negeri supaya mengkaji cadangan bagi menubuhkan satu badan untuk menguruskan sungai dan sumber air secara bersepadu dengan mengambil Sungai Selangor sebagai Projek Perintis dan Sungai *Thames* di United Kingdom sebagai model pelaksana.

Sehubungan dengan itu, penyelarasan peranan dan bidang kuasa antara agensi Kerajaan Negeri dan persekutuan telah dibuat bagi memastikan tidak wujud sebarang pertindihan fungsi dan tanggungjawab serta melancarkan perjalanan badan ini. Lalu LUAS ditubuhkan melalui kelulusan Dewan Undangan Negeri Selangor yang bersidang pada 9 April 1999. Penubuhan LUAS ini dilengkapi dengan sebuah enakmen iaitu Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

LUAS dipertanggungjawab untuk memastikan sumber air negeri, termasuk lembangan sungai, air bumi dan permukaan, tasik, kolam dan bekas lombong, serta pesisiran pantai



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Negeri Selangor supaya sentiasa berada di dalam keadaan terpelihara. Fungsi dan tanggungjawab ini dilaksanakan oleh LUAS melalui pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) dan juga pendekatan Pengurusan Pantai Bersepadu (ICM). Bagi melaksanakan fungsi-fungsi LUAS, pendekatan yang telah digunakan adalah Pelan Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai (IRBM) dan juga Pelan Pengurusan Bersepadu Pantai (ICM). Aktiviti-aktiviti yang LUAS jalankan melalui pendekatan ini adalah:-

1. Pelesenan dan caj abstraksi sumber air.
2. Kebenaran bertulis bagi aktiviti-aktiviti pengubahan sumber
3. Pelesenan pelepasan atau kemasukan bahan pencemar.
4. Pelesenan Navigasi jalan air pedalaman.
5. Pelesenan pelencongan air bagi jana kuasa elektrik.

LUAS diperkasakan dengan peruntukan perundangan dan penguatkuasaan berdasarkan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999. 17 fungsi utama LUAS berdasarkan Enakmen dapat dirumuskan kepada :-

1. Menyelaras perhubungan dan kerjasama pelbagai agensi dalam negeri;
2. Menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, pelan dan projek kerajaan;
3. Menjaga kepentingan negeri dalam hal ehwal sumber air;
4. Pengawalseliaan melalui perlesenan mengenai sebarang kegiatan dan aktiviti yang berhubungan dengan sumber air;
5. Pengawalseliaan melalui penguatkuasaan;

LUAS juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor bagi menyelaras tindakan kecemasan secara segera dan bersepadu dengan semua pihak terlibat. Jawatankuasa ini juga memastikan semua pihak iaitu ahli-ahli Jawatankuasa mematuhi prosedur dan melaksanakan tindakan jangka masa panjang diambil dengan menyediakan segala kemudahan infrastruktur yang berkaitan bagi menangani masalah tumpahan minyak atau bahan pencemar lain. Jawatankuasa akan menyelaras tindakan kecemasan secara bersepadu dan jangka masa segera dengan semua pihak terlibat semasa kejadian kecemasan berlaku. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHEW :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHEW :** Terima kasih Tuan Speaker. Ini hal mencegah sumber air sentiasa bersih dan dipantau. Saya difahamkan di negeri-negeri seperti Negeri China, setiap sungai ada ketuanya. Macam setiap kampung di Malaysia ada ketuanya. Apakah pandangan untuk memantau, untuk mencegah dan sebagainya, apa pandangan DUN Sungai Tua.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Sesuai dengan Sungai Pelek jadi lepas ini jadi Ketua Sungai-sungai Selangor. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek, *insyaAllah* sebenarnya, Sungai Burong (Dewan ketawa). Sungai Air Tawar, Sungai Burong, Sungai Panjang, Sungai Pelek semua sungai dekat sebelah sana, Sungai Pelek seorang sebelah

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

sini. Terima kasih, Yang Berhormat (Dewan ketawa dengan riuh). Lupa nama DUN sendiri (Dewan ketawa dengan riuh sekali).

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR :** Sungai yang paling tua, Sungai Tua.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ok, nama DUN sendiri pun boleh lupa (Dewan ketawa). Yang Berhormat sekalian, saya jawab dengan jelas. Langkah ini sudah ada apabila kita mengujudkan *friends or river* atau pun sahabat sungai dalam bentuk sukarela. Namun begitu, saya boleh pertimbangkan cadangan-cadangan tersebut supaya pemantauan terhadap sungai ini dapat dilihat dalam tempoh yang lebih *routine* dengan izin atau pun lebih mendalam di peringkat akar umbi supaya ia tidak berlaku masalah pencemaran-pencemaran yang menyebabkan kesan kepada sumber air dalam Negeri Selangor. Dan ini memang saya telah mengarahkan sebenarnya pihak LUAS dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi yang terakhir atau 2 yang terakhir. Kita dah mengarahkan pihak LUAS untuk mengadakan pertemuan dengan semua jabatan. Bagaimana pengawalan dan juga bagaimana *monitory* atau pun kawalan dan pemantauan terhadap sumber-sumber air seperti sungai terutamanya Sungai Selangor, Lembangan Sungai Langat yang menyalurkan air-air dan sumber air dalam Negeri Selangor. Cadangan Sungai Pelek boleh diterima, *insyaAllah* kita akan cuba bawa. Dan ia bukanlah pelik sangat walaupun nampak pelik, dan kita boleh kemukakan nanti untuk cadangan jika wajar dilaksanakan terutamanya apabila melibatkan kos. Ketua Kampung, PWB, ketua sungai pula lepas ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Ramal.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR :** Sebab berminat dengan sungai. Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya air ini adalah satu kepentingan negeri, negara melibatkan kemudaran yang besar kepada rakyat. Ia satu isu penting dan saya faham tadi, peranannya yang dimainkan oleh LUAS itu sangat besar untuk menjaga dan memelihara sungai. Tapi kita juga lihat banyak insiden berlaku di mana sungai tercemar baru-baru ini disebabkan oleh angkara dan tangan manusia ini. Jadi saya berfikir bahawa dengan itu untuk sudut penguatkuasaan perlu ada taring kepada agensi seperti LUAS ini pun. Dan LUAS tidak ada macam JPJ, jadi dia tidak hadapi macam TOTO, dia perlukan polis. So, dalam kes sungai-sungai yang tercemar ini pun, sumber air kita ini perlu dipelihara dengan pasukan penguat kuasa yang kuat, sebab itu saya bercadang tindakan kerajaan mungkin memulakan dengan satu pasukan penguat kuasa terdiri dari pelbagai agensi kerajaan tapi dalam satu pasukan yang khas yang boleh bertindak pantas untuk mengatasi masalah pencemaran ini, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Sungai Ramal. Sememangnya ini adalah satu keputusan atau pun keputusan akhir yang kita harapkan. Namun di peringkat sekarang ini memang kuasa pendakwaan dan sebagainya terletak di bawah Jabatan Alam Sekitar. Namun di bawah Enakmen LUAS kita boleh menekankan kompaun-kompaun tertentu dan cas-cas tertentu terhadap pencemaran atau pun penggunaan sumber air yang tidak dilesenkan atas kebenaran-kebenaran yang tertentu. Kita memang ada penguat kuasa di peringkat Lembaga Urus Air Selangor, tapi sebagaimana yang kita ada memang ia agak terhad kerana sebenarnya fungsi Lembaga Urus Air ini masih lagi menjadi *regulator* terhadap penstrukturan, terhadap penggunaan air di dalam Negeri Selangor. Kalau ingin menjadi sebuah Jabatan yang selengkapnya patut dia jadi Lembaga. Kalau ia ingin

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

berfungsi dengan fungsi agensi dan sebagainya mungkin kita kena melihat dengan lebih terperinci supaya ada kerja harian yang boleh dilaksanakan. Walaupun dalam bentuk Lembaga sebenarnya kita telah berfungsi ya, sebab kita ada beberapa penguat kuasa yang dilaksanakan atau pun yang harus menjalankan tugas untuk memantau sumber-sumber air dalam Negeri Selangor, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya Sungai Burong, satu sungai lagi ya, Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker ya soalan tambahan. Oleh sebab masalah pencemaran sering berlaku terutamanya yang melibatkan kawasan-kawasan air ya kebelakangan ini, adakah Kerajaan bercadang untuk memastikan bahawa terdapat satu kawasan zon atau pun *buffered* bagi pengisytiharan kawasan-kawasan terutamanya pembinaan kilang-kilang atau pun kilang-kilang yang sedia ada yang boleh mencemarkan itu ya, dapat di elakkan daripada supaya menyebabkan pencemaran ini dapat dielakkan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Sungai Burong. Dalam peraturan yang sedia ada kita sudah mempunyai *reserved*, *reserved* itu 50 meter daripada pertengahan sungai dan *reserved* ini memang disediakan oleh di bawah kawalan Jabatan Pengairan dan Saliran dan sememangnya LUAS. Kalau ikut daripada kebenaran LUAS, setiap kebenaran-kebenaran merancang, LUAS harus mengeluarkan komentar dan juga pandangan mereka terhadap mana-mana pembangunan. Dan setakat ini LUAS begitu konsisten tidak akan membenarkan atau pun memberikan komen negatif terhadap bangunan serta struktur yang dibina di *reserved-reserved* sungai. Yang berlaku adalah Sungai Burong, adalah sebahagiannya, premis kilang dan bangunan dan struktur yang dibina memang di *reserved* sungai dan perlu di ambil tindakan. Dan sebab itu pihak Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang tegas pada ketika ini termasuk usaha kita untuk menangani kilang-kilang haram yang dibina bukan hanya di pinggir sungai apatah lagi di tebing-tebing sungai yang kita akan laksanakan dengan tegas mulai akhir tahun 2020 setelah kita memberikan masa yang cukup panjang, 10 tahun lebih kepada kilang-kilang ini untuk membetulkan kedudukan mereka atau pun menjustifikasi kedudukan mereka mengikut terma-terma kedudukan dan enakmen tanah atau pun Akta Tanah atau pun Enakmen Tanah Negara dan sebagainya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Dah selesai dengan bab sungai, saya jemput Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 40.

### PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LIM YI WEI (N35 KAMPUNG TUNKU)

#### TAJUK : PROGRAM 3W (WOMEN, WELFARE, WELLNESS)

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan Karnival 3W yang telah dianjurkan pada tahun 2019 dan apakah jumlah perbelanjaan untuk setiap Karnival 3W?

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

b) Apakah KPI Karnival tersebut dan adakah ia dicapai?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku. Sehingga kini, sebanyak 9 Karnival 3W telah dianjurkan melibatkan 9 Pihak Berkuasa Tempatan. Baki 3 penganjuran lagi akan diadakan pada bulan November dan Disember 2019 yang akan dianjurkan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Daerah Hulu Selangor. Kos penganjuran bagi setiap Karnival 3W adalah berjumlah RM100,000.00 dan kos keseluruhan bagi penganjuran dua belas (12) Karnival 3W adalah berjumlah RM1.2 juta. Kos penganjuran ini adalah melibatkan kos logistik, media, promosi, hadiah dan sebagainya.

Program Karnival 3W adalah penambahbaikan kepada program Karnival Sihat Selangor di mana program ini menggabungkan ketiga-tiga portfolio di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga. Objektif utama karnival 3W adalah untuk mengumpul, menyampai dan menyebarkan maklumat berkaitan program dan aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri dan persekutuan terutama program di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan dan Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor.

Karnival 3W turut mendidik rakyat, membudayakan amalan hidup sihat dengan mendapat maklumat penjagaan kesihatan sebelum mendapat risiko penyakit. Dalam masa yang sama ia memberi peluang kepada masyarakat untuk yang mengetahui kemudahan kebajikan yang ditawarkan kepada golongan yang layak serta menggalakkan penglibatan kaum wanita sebagai ratu di dalam keluarga memastikan kesihatan keluarga di tahap yang baik.

Karnival 3W ini telah mendapat sambutan yang agak menggalakkan daripada rakyat Negeri Selangor di mana kehadiran pengunjung yang dicatatkan secara purata di setiap PBT adalah seramai 3,000 orang. Karnival ini turut disiarkan dan dikomersialkan di laman-laman media sosial bagi menarik minat pengunjung. Setiap hantaran di laman sosial berkaitan Karnival 3W ini juga telah mendapat reaksi yang positif daripada pengguna laman sosial. Program ini akan terus dinilai dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar mencapai objektif yang telah ditetapkan.

**TUAN SPEAKER :** Ya Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Soalan tambahan, terima kasih Tuan Speaker. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas penganjuran yang cukup berjaya. Namun saya ingin tanya kerana ia dilakukan bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan, adakah mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan pula memberi janji untuk memperkasakan wanita misalnya dari segi menyediakan bandar selamat atau menjalankan aktiviti pemerksaan wanita, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat Kampung Tunku, sebenarnya kita tidak ada perjanjian dengan PBT. Namun kita tetap akan menggalakkan semua agensi kerajaan untuk mengurus perdanakan penglibatan wanita di dalam semua aktiviti mereka.

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : WIFI SMART SELANGOR**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk WiFi Smart Selangor pada tahun 2017, 2018 dan 2019.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang memohon Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP Fund) bagi menampung kos perbelanjaan WiFi Smart Selangor? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Tuan Speaker dan juga Ahli Berhormat Kuala Kubu Baharu. So, jumlah pembayaran yang dibayar di biyai oleh Menteri Besar Selangor Incorporated MBI kepada syarikat-syarikat pengendalian perkhidmatan servis *provide* SP Projek Perkhidmatan Percuma Awam Wifi Smart Selangor dari Januari 2017 sehingga September 2019 adalah seperti berikut. Pada tahun 2017 sejumlah RM10,765,158.02 telah dibayar. Pada tahun 2018 sejumlah RM12,551,601.29 dan pada tahun 2019 pada Januari sehingga September sebanyak RM6,457,109.77. iaitu jumlah pembayaran pada tahun Januari 2017 sehingga September 2019 sejumlah RM29,773,869.08.

So menjawab soalan kedua, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah meluluskan permohonan lesen *network facility provide UTM FB* dan *network service provide SNP* kepada *Smart Sel*. Hanya pada Julai 2019 iaitu tahun ini, so memandangkan *Smart Sel* masih baru menerima lesen-lesen tersebut. *Smart Sel* masih belum memenuhi syarat-syarat asas untuk memohon Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP Fund) daripada SKMM. Semasa adalah sangat komited memainkan peranan dalam menjayakan visi dalam Kerajaan Negeri Selangor untuk merealisasikan impian Selangor untuk menjadi sebuah negeri pintar atau *Smart State* menjelang 2025.

So, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) telah pun meluluskan permohonan lesen USP dan SNP pada tahun 2019 sebagai pemegang lesen USP dan SNP pihak *SmartSel* adalah diwajibkan menyumbang ke dalam dana tersebut berasaskan pendapatan terakhir terkumpul *Internet Rebenew* setiap tahun. Selepas memenuhi beberapa pra syarat yang ditentukan. Menurut dokumen communication dan multimedia (*universal service provision 2012*) (PUA.419/2002 - pendapatan mininium yang menyumbang kepada dana tersebut adalah pendapatan tahunan terkumpul *net avinew* RM2 juta dan ke atas. Cara kebersihannya hanya syarikat-syarikat yang telah menyumbang mohon dana tersebut. Akan tetapi pihak *Smart Sel* masih dalam proses pengkajian tidak akan adakan

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

perbincangan dengan MCMC berkenaan cadangan permohonan dana USP untuk menampung kos perbelanjaan Wifi Smart Selangor. Sekian. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Bharu

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih kepada Tuan Speaker, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah ini bermakna Kerajaan Negeri sendiri tidak boleh memohon USP Fund ini iaitu Pemberian Perkhidmatan Sejahtera, hanya boleh melalui syarikat dia? atau Syarikat yang tadi dalam jawapannya, syarikat yang menyumbang kepada dana ini?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Ya, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Ya, sebab memang lesen baru diberi kepada SmartSel kita tidak lagi menyumbang MCMC, so kita tidak ada hak untuk menerima sumbangan ini lagi. So, kita masih belum ke tahap itu. Jika kita telah sumbang kepada MCMC kita boleh mohon Fund itu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya ingin bertanya, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN HAIRUMAINI BINTI HAJI OMAR :** Saya ingat nak bangkit juga tapi Yang Berhormat Speaker tidak bagi tadi. Tapi saya hendak sebut sedikit juga, kalau berani berani kahwinlah dua, soalan saya no.42.

### PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR (N07 BATANG KALI)

#### TAJUK : KAWASAN PELANCONGAN DUN BATANG KALI

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan pusat hentian di lokasi pelancongan khususnya jalan utama ke Genting Highland bagi bas persiaran supaya pelancong dapat membeli produk IKS tempatan?
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

**TUAN SPEAKER:** Ini kalau dah berani terpulang, tapi jangan bagi-bagi pantun.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor melalui MDHS telah mengenal pasti cadangan untuk mewujudkan satu pusat hentian pelancongan dan barang IKS daerah. Mengikut cadangan asal yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Kebudayaan pada awal tahun ini lokasi yang dikenal pasti ialah Pusat Niaga Serendah dengan keluasan keseluruhan kawasan tersebut iaitu 2.54 ekar dan tersedia 24 unit



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

kedai perniagaan dengan keluasan setiap gerai 10 kaki x 15 kaki, manakala status tanah yang diwartakan ialah berstatus Gerai Majlis sedia ada. Lokasi ini adalah dilihat sangat strategik sebagai pusat hentian barangan IKS daerah Hulu Selangor ia nya terletak di laluan utama daripada Kuala Lumpur dan Rawang *By Pass* menghala ke Genting Highland dan utara tanah air, yang mampu menarik bas transit dan persiaran yang membawa pelancong tempatan dan luar negara sewaktu di dalam perjalanan ke Genting Highland serta ke kawasan-kawasan Kuala Kubu Bharu dan Bukit Fraser. Anggaran jumlah pelancongan tahunan pelancongan yang berkunjung di sini dianggarkan melebihi 60 ribu orang pelancong mengikut ketibaan bas sebanyak 1500 buah bas persiaran. Manakala pendapatan kasar hasil belanja daripada pelancongan pula dianggarkan adalah melebihi RM4 Juta setahun dengan mengambil kira perbelanjaan pelancong yang datang berbelanja antara RM50 hingga RM60 seorang. Adalah dianggarkan juga bahawa perbelanjaan sebanyak RM500 000.00 akan diperuntukkan untuk menaik taraf dan membaik pulih kemudahan infrastruktur kawasan ini dan melengkapkannya dengan papan tanda pelancongan yang bersesuaian dan menarik minat orang ramai ke tempat ini. Pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menyiapkan pusat hentian pelancongan dan barangan IKS daerah ini dengan kadar segera dan menjangka ianya mula beroperasi suku tahun 2020 bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2020. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN HAIRUMAINI BINTI HAJI OMAR :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Ini satu cadangan yang sangat di alu-alukan lah! Selain daripada itu, sama ada kerajaan berhajat atau mencadang untuk mengajak pihak Genting Berhad bagi menyumbang sedikit kepada kawasan Batang Kali bagi mengadakan konsep yang sama atau yang lebih baik lagi, di jalan masuk ke Genting. Hulu Yam, Genting misalnya untuk produk-produk IKS atau masyarakat di situ mengeluarkan hasil-hasil mereka. Mungkin pihak Genting oleh menyumbang, boleh berbincang dengan kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini kita belum ada apa-apa lagi cadangan untuk *delecate* dengan genting tetapi ada satu juga, ada satu dua cadangan yang di bawa masuk pihak swasta untuk menaik taraf kawasan-kawasan yang berhampiran dengan jalan-jalan pergi ke Genting Highland. Insyaallah kalau diizinkan saya akan cuba berhubung dengan Genting untuk mendapatkan pandangan mereka. Dan, sekiranya mereka bersetuju kita akan teruskan cadangan yang Yang Berhormat war-warkan tadi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Soalan nombor 43

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**TAJUK : EAST COAST RAIL LINE (ECRL)**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila beri maklumat terkini tentang projek ECRL khasnya landasannya di Negeri Selangor.
- b) Berapa stesen akan dibangunkan di Selangor? Apakah manfaat projek ini untuk Kerajaan dan rakyat Selangor?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan. Tuan Speaker, Bukit Lanjan bertanyakan berhubung dengan maklumat terkini tentang ECRL ataupun *East Coast Rail Line* iaitu Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) iaitu laluan kawasan di dalam Negeri Selangor.

Projek Laluan Rel Pantai Timur atau ECRL merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang akan melalui sebahagian kawasan di dalam Negeri Selangor apabila penjajaran semula laluan diputuskan setelah rundingan semula diperingkat Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China serta pihak *China Communications Construction Company Ltd.* (CCCC). X berapa bagus nama ya *pro-name* CCCC - diadakan.

Berdasarkan kajian teknikal yang dijalankan di antara pemilik projek yang dilantik Kerajaan iaitu Malaysia Rail Link (MRL) dan CCCC, perubahan jajaran ECRL melibatkan jajaran di antara Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor iaitu di *West Port*. Jajaran baru ECRL tidak akan melalui kawasan sensitif di Negeri Selangor iaitu Permatang Kuartza di Gombak.

Selain itu, jajaran baru dari Mentakab ke Pelabuhan Klang akan melalui daerah Jelebu, Negeri Sembilan juga berjaya mengurangkan kuantiti kerja-kerja rawatan tanah dan bilangan terowong serta laluan bertingkat yang perlu dibina sekaligus mengurangkan kos keseluruhan projek.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan jajaran baru yang dicadangkan ECRL hanya melibatkan sebuah stesen di dalam Negeri Selangor iaitu di Jenjarom dan di sebuah stesen iaitu di penghujung West Port/Pelabuhan Klang.

Walau bagaimanapun, pihak MRL perlu membentangkan semula cadangan projek ini setelah jajaran yang diperlukan telah dikenalpasti untuk dipertimbangkan di peringkat Kerajaan Negeri sebelum pelaksanaan bermula. Jadi proses menyelesaikan jajaran terakhir itu masih belum sempurna dan mereka perlu membentangkan semula nanti kepada Kerajaan Negeri untuk yang *final*.

Pelaksanaan projek ini mampu memberi manfaat secara tidak langsung kepada rakyat dan negeri Selangor terutamanya dalam melengkapkan rangkaian pengangkutan di Negeri Selangor. Dan dalam masa sama menggalakkan atau merencanakan pertumbuhan ekonomi setempat serta mempertingkatkan pembangunan ekonomi negeri khususnya pelaburan di dalam sektor-sektor perindustrian di sepanjang jajaran yang terlibat.



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Dan perlu difahami juga bahawa MRL atau ECRL ini bukan sahaja melibatkan pengangkutan, juga melibatkan pengangkutan dari segi barangan. Jadi akan membantu juga dari segi pengangkutan barang ke Pelabuhan Klang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan susulan saya adalah berkenaan tentang satu stesen yang pada awalnya telah digezatkan kalau saya tidak silap kepada projek ini ECRL iaitu sebelah Gombak. Kerana landasan awal ataupun landasan asal adalah melalui Gombak. Kampung Cincin, Permatang Kuarza dan sebagainya. Jadi, apa akan terjadi kepada *stesen* yang diperuntukkan tapak tersebut. Tapi pada masa yang sama saya ingin ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah memperjuangkan untuk menyelamatkan jajaran dan juga kawasan sensitif alam sekitar seperti di Gombak.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Itu yang saya sebutkan tadi, itu jajaran yang awal dan memang melalui Gombak, dan stesennya di Gombak dikenal pasti tetapi bila selaku bantahan ataupun, ya bantahan daripada Kerajaan Negeri kerana Permatang Kuarza ini adalah satu tempat yang agak unik untuk Negeri Selangor. Jadi telah diubah jajaran, jadi stesen tidak lagi di Gombak, dan kita masuk daripada Negeri Sembilan melalui Beranang, Negeri Selangor dan terus ke Jenjarum dan berakhir di *West Port*. Dan saya difahamkan setakat ini ialah stesennya hanya satu iaitu di Jenjarom dan di *West Port* itu dimaklumkan adakan ada *free breeze* bagaimana yang ada di Terengganu itu untuk menyeberangi kawasan air di kawasan berkenaan. Ini merupakan cadangan yang dibentangkan dan belum final dan akan nanti apabila sudah ada keputusan peringkat akhir akan dibentang semula kepada Kerajaan Negeri untuk kita pertimbangkan seterusnya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku. Banting. Banting. Banting

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Sudah hijrah, Tuan Speaker. Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku selalu sinonim dahulu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Dengan kepala yang bersilau-silau. Terima kasih. Saya bertanya memandangkan tadi di sebut dua tiga kali kawasan jenjarum dan saya hendak bertanya berkenaan dengan pembentangan yang di bawa oleh MRL itu sudah kali sudah dibentangkan? Dicadangkan, bila pula mereka membentangkan maklumat terperinci kepada MMKN ataupun MTES? Dan apakah pula tarikh yang jangkaannya untuk mereka membentangkan permohonan mereka kepada Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran Kuala Langat supaya rakyat atau Majlis Daerah boleh membuat persiapan untuk memudahcarakan projek ini. Sekian.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Setakat saya berada dalam mesyuarat dalam MMKN ini baru kali pertama dibentangkan di Majlis Mesyuarat Ekonomi Selangor

## **6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

oleh pihak MRL dan mereka menjanjikan membentangkan semula apabila selesai penajaran terakhir mereka, yang saya rasa belum lagi, maknanya belum siap lagi lah! maknanya kita menunggu pembentangan mereka berikutnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Bharu

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 44.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LEE KEE HIONG (N06 KUALA KUBU BAHARU)**

#### **TAJUK : RANGKA KERJA BANDAR RENDAH KARBON (LCCF)**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan PBT yang berjaya mendapat pengiktirafan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) di Selangor?
- b) Nyatakan kaedah-kaedah pengurangan karbon yang diwujudkan oleh PBT di Selangor dan keberkesanannya.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu. Yang membangkitkan isu Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon *LCCF (Low Carbon City Framework)*. So, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sepuluh (10) PBT ya, 10 daripada dua belas (12) PBT di Selangor yang berjaya mendapatkan pengiktirafan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) di Selangor iaitu yang pertama, MBSA, MBPJ, MPK, MPSJ, MPS, MPAJ, MPKJ, MPSP, MDKL dan MDHS. Hanya dua (2) PBT yang belum mendapatkan pengiktirafan iaitu Majlis Daerah Kuala Selangor dan juga Majlis Daerah Sabak Bernam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon dan keberkesanan antaranya adalah seperti berikut, yang pertama melibatkan elemen bangunan iaitu Program Penjimatan Tenaga dan juga Sistem Pengumpulan dan juga penggunaan semula air hujan iaitu SPAH. Yang kedua, melibatkan elemen pengangkutan, penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan, dan juga penggunaan kenderaan *electric bus*. Yang ketiga, yang melibatkan elemen Alam Sekitar, iaitu Program Penanaman pokok dan juga Program *Zero Waste*, pengasingan sampah di rumah dan yang keempat, elemen infrastruktur yang melibatkan pemasangan lampu LED dan juga penyediaan laluan basikal dan lain-lain lagi. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya Nombor 45.

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : SUMBANGAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai suatu pendekatan yang lebih berkesan dalam menangani permohonan kepada ADUN untuk menyalurkan sumbangan penyelenggaraan infrastruktur sekolah di bawah Kementerian Pendidikan? Sumbangan melalui peruntukan ADUN adalah terhad berbanding penyelesaian melalui peruntukan yang diselaraskan oleh Kementerian atau ICU.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Hulu Kelang. Tuan Speaker, tujuan ataupun hasrat murni kerajaan untuk bantuan sekolah-sekolah yang telah kita laksanakan semenjak beberapa tahun yang lalu atau dua penggal yang lalu adalah bertujuan untuk memastikan sekolah-sekolah dapat dibantu ataupun sekolah-sekolah yang dapat diuruskan di dalam negeri Selangor dapat diuruskan dengan sempurna. Kebetulan mengikut Jadual Sembilan (9) Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa sekolah adalah di bidang kuasa Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Persekutuan namun pihak Kerajaan Negeri menyalurkan dan melebarkan sokongan kita kepada sekolah-sekolah bukan bantuan penuh. Sebab itu, bantuan-bantuan dikhususkan kepada SJKC, SJKT dan sekolah-sekolah jenis Sekolah Agama Rakyat kerana kita percaya di dalam ruangan pendidikan ini yang diduduki oleh ramai pelajar-pelajar kita dan anak-anak kita memerlukan sokongan-sokongan terutamanya infrastruktur dan juga program-program pendidikan untuk mereka. Justeru, Kerajaan Negeri masih lagi kekal kepada polisi tersebut walaupun telah berubah kerajaan di Putrajaya, kita percaya ia masih lagi memerlukan tanggungjawab daripada pihak Kementerian Pendidikan untuk memenuhi keperluan sekolah-sekolah yang diperlukan kerana ia di bawah bidang kuasa, tanahnya diletakkan di bawah kuasa PTP dan ia dibina oleh pihak Kementerian sendiri, terima kasih.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Semalam dalam perbahasan oleh Hulu Kelang adanya menyebut RM60 juta yang cuba didapatkan daripada Kementerian Pendidikan. Adakah Yang Berhormat boleh usahakan *value* tersebut dan akhirnya dapat diagihkan kepada ADUN-ADUN untuk usaha penyelenggaraan sekolah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** *InshaAllah*, kalau sampai kepada pihak Kerajaan, Kerajaan akan salurkan mengikut keutaman. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak sebutkan mengikut *Good Governance*, akhirnya kita akan perlu salurkan mengikut jabatan. Kita ada jabatan yang mempunyai kemahiran teknikal seperti JKR dan sebagainya namun pihak Ahli Dewan Negeri saya percaya patut terlibat untuk melihat manakah

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

keperluan-keperluan dan cadangan-cadangan namun keperluan-keperluan teknikal harus melalui keputusan-keputusan jabatan seperti Jabatan Kerja Raya mahupun badan-badan yang mempunyai kemahiran ikhtisas untuk menilai suatu nilai projek dan sebagainya. Justeru, *InshaAllah*, pihak-pihak Ahli Dewan Negeri akan disalurkan tapi bukan per DUN, tapi melihat kepentingan sekolah-sekolah yang terlibat. Pihak Kerajaan Negeri sebenarnya telah berikhtiar, kita mempunyai baki lebih kurang RM6 ke RM7, RM12 ke RM13 juta tiap-tiap tahun untuk membayar hutang kepada Kerajaan Persekutuan. Kita cuba untuk *convert* wang tersebut untuk membaik pulih sekolah namun permohonan kita setakat ini tidak mendapat *respond* yang positif dari pihak Kementerian kalau kita dapat itu, sudah pasti kita boleh salurkan di pihak sekolah-sekolah namun kita akan sentiasa berusaha termasuk melihat dalam Rancangan Malaysia Ke-12 sebagaimana dalam Program Libat Urus yang melibatkan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan tambahan berkenaan dengan sumbangan penyelenggaraan infrastruktur sekolah. Kita sedia maklum antara sekolah-sekolah yang di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri adalah sekolah-sekolah agama dan juga sekolah-sekolah menengah agama, Sekolah Agama Menengah. Bagaimanakah sebenarnya saluran sumbangan ataupun saluran bantuan ini disalurkan sama ada melalui Pejabat ADUN ataupun melalui jabatan? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Sungai Panjang. Kita mempunyai Jabatan Agama Islam dan Bahagian Pendidikan di Jabatan Agama Islam. Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam lah yang akan meneliti serta menilai sekolah-sekolah agama dan juga sekolah-sekolah menengah agama dan Maahad Tahfiz, di bawah Maahad Tahfiz Integrasi (MITS) yang diuruskan di bawah Jabatan Agama Islam, itu di bawah jabatan. Yang dibantu ini adalah Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Agama Rakyat tidak langsung di bawah Jabatan Agama Islam, ia dianggap sebagai sekolah bantuan separa daripada nilai-nilai tertentu dan ia disalurkan kepada PIBG ataupun Lembaga Pengurusan Sekolah bukan melalui Pejabat DUN tetapi pihak DUN hanya menyampaikan kepada sekolah-sekolah yang terbabit dan permohonan juga disalurkan melalui Pusat Khidmat Masyarakat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya Nombor 46.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PRESTASI ANAK SYARIKAT / GLC SELANGOR**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor mana yang paling banyak menyumbang dalam bentuk kewangan kepada Kerajaan Negeri?
- b) Apakah perniagaan yang dijalankan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor itu?
- c) Adakah anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kpi yang tersendiri?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih, Jeram. Untuk secara terperinci sumbangan yang telah disampaikan oleh pihak Anak Syarikat Kerajaan Negeri, adalah bernilai RM58 juta. MBI menyumbang RM20 juta, PKNS menyumbang RM15 juta, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) RM6 juta, PNSB menyumbang RM6 juta, Kumpulan Perangsang menyumbang RM5 juta, PKPS menyumbang RM3 juta dan Worldwide menyumbang RM30 juta, walaupun kita hanya menasaskan sekitar RM50 juta sumbangan Anak Syarikat kepada akaun Tabung Wang Disatukan Kerajaan Negeri pada tahun ini, *Alhamdulillah* kita dapat mencapai kutipan sehingga RM58 juta untuk kutipan daripada Anak Syarikat Kerajaan Negeri. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, untuk soalan kedua, sudah pasti sektor dan bidang yang diceburi oleh pihak Anak Syarikat Kerajaan ini adalah sektor-sektor strategik yang memerlukan keterlibatan langsung Kerajaan untuk memastikan pembinaan sesuatu projek dan keperluan itu tidak dikawal sepenuhnya oleh pasaran yang menyebabkan kepada tekanan kepada rakyat. Antaranya PKNS, PKNS terlibat dengan pembinaan bandar-bandar baru dan perumahan dan banyak kawasan-kawasan perumahan yang dibina juga melibatkan kawasan untuk Perumahan Kos Rendah dan juga untuk Perumahan Separa atau Golongan Menengah dan kalau orang tanya apakah Golongan Menengah tidak mendapat apa-apa? Sebenarnya mereka juga turut mendapat sedikit suntikan melalui projek-projek yang dibina daripada PKNS mahupun PNSB dan beberapa syarikat yang lain seperti Worldwide. Worldwide pula terlibat, sebagai contoh, dalam bidang tenaga. Mereka terlibat dengan IPP (*Independent Power Provider*) yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pada ketika ini, mereka begitu aktif cuba untuk memastikan tertubuhnya *Waste to Energy Plant* yang kita cuba wujudkan di Jeram dan sedang berbincang dengan pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terutamanya berkenaan dengan *rate* dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam masa yang sama, Worldwide juga terlibat dalam beberapa bidang cabaran perniagaan lain seperti *property*, yang pernah mereka ceburi pada ketika ini. PKPS terlibat dalam bidang pertanian, menyubur serta menyemarakkan bidang pertanian, projek yang saya sebutkan semalam tentang *rock melon* adalah di bawah tanah PKPS khususnya di kawasan *Fruit Valley*, selain daripada menanam durian *Musang King*, selepas ini *Musang King* juga wujud di negeri Selangor. PNSB terlibat dalam bidang insurans dan juga *property* dan pada ketika ini, pihak Kerajaan Negeri menyarankan agar PNSB terlibat secara langsung dalam bidang aeroangkasa kerana setelah 62% bidang aeroangkasa bertapak di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri tidak mempunyai apa-apa arms yang boleh mendapatkan nilai langsung daripada projek-projek aeroangkasa di dalam Negeri Selangor. KSSB adalah satu badan khas untuk pengkuarian dan pengorekan pasir di Negeri Selangor yang kita tubuhkan pada tahun 2008 dan sasaran kita untuk mengutip

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

lebih RM100 juta, nilai royalti telah kita capai beberapa tahun yang lalu. Manakala MBI mempunyai jajaran syarikat yang pelbagai dan syarikat-syarikat ini kita susun dan kita atur supaya memberikan nilai tambah kepada hasil Kerajaan Negeri sebagaimana yang kita catatkan sama ada melalui sumbangan terus yang kita dapat capai ataupun melalui projek-projek CSR yang dilaksanakan pada ketika ini termasuk menyumbang kepada pasukan bola sepak dan juga kepada beberapa program yang kritikal di dalam Kerajaan Negeri Selangor, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang (C) tadi, Yang Amat Berhormat belum jawab lagi iaitu adakah kita mempunyai KPI untuk anak-anak syarikat ini, dan saya nak tanya adakah RM58 juta ini sudah memadai ya, memandangkan pandangan peribadi saya sendiri, anak-anak syarikat ini berpotensi untuk menyumbang lebih banyak untuk membantu Kerajaan Negeri sebenarnya. Adakah RM100 juta merupakan satu *target* yang tinggi sekiranya kita jadikan ia sebagai satu KPI? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Jeram. Saya lupa jawab soalan (C), terima kasih Jeram. Sudah pasti pencapaian serta *target-target* itu akan ditetapkan oleh GLC masing-masing. GLC masing-masing akan menetapkan KPI masing-masing. PKNS mempunyai jaringan anak-anak syarikat. Kalau ditanya tadi berkenaan, semalam dibangkitkan sebagai contoh, adakah kita mempunyai syarikat yang terlibat dalam bidang *health industry* ataupun perubatan, yang kita ada tapi kita lambat berbanding Kumpulan Perubatan Johor. Kita baru tubuhkan tahun 2016 atau tahun 2015 dan walaupun baru terlambat kita sedang bina dua (2) atau tiga (3) hospital antaranya di Rawang pada ketika ini dan juga kita sudah mempunyai 17 klinik. Dan KPI-KPI itu memang ditetapkan oleh *parents*, dengan izin, ataupun kalau MBI, MBI akan melihat keseluruhan, PKNS akan lihat secara keseluruhan dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat, sebenarnya nilai yang patut diberikan itu sepatutnya lebih. Kalau kita lihat MBI dan seluruh Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri, aset dan *value* nya, MBI sahaja *value* nya, saya percaya *more than RM30 million*. PKNS, saya rasa *worth more than RM50 billion* atau *RM40 billion, that is PKNS* dan badan-badan yang lain PKPS dan sebagainya mempunyai *worth of value of assets* yang bukan semestinya adalah *cash* ya, tetapi pada ketika ini, sebenarnya daripada tahun 2015 kita sudah mula menstrukturkan semula. Antara kekangan yang saya boleh sebutkan ialah, ada antara beberapa Anak Syarikat ini mempunyai kekangan dividen. Sebagai contoh, KDEB mempunyai syarikat yang besar dan sekarang KDEB terlibat secara langsung dengan industri yang melibatkan air. Di bawah KDEB ia mempunyai syarikat yang begitu potensi iaitu Syarikat Perangsang, yang nilai sumbangannya adalah boleh mencecah puluhan juta ataupun jutaan Ringgit Malaysia. Tetapi kerana Kumpulan KDEB mempunyai *burden-burden* tertentu sebelum ini, dividen itu tidak dapat melonjak kepada MBI yang boleh disampaikan di peringkat Kerajaan Negeri dan kita telah selesai sekarang di mana kita menstrukturkan semula syarikat ini supaya tidak ada kekangan dividen yang sampai. Dalam masa yang sama, di pihak MBI juga, kita mewujudkan SPV iaitu *Special Purpose Vehicle* yang mana unit-unit ini tidak sangat berorientasi keuntungan tetapi ingin menggerakkan sesuatu. Sebagai contoh, *Smart Selangor Delivery Unit*, unit yang ditubuhkan di bawah MBI pada ketika ini, nilai, *change*,



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

perniagaan dan sebagainya, belum mendatangkan keuntungan walaupun potensinya sangat besar dan kerana kita ingin menggerakkan dan pada ketika ini, Kerajaan meletakkan beberapa dana untuk menggerakkan perniagaan dan juga asas perniagaan mereka walaupun disumbangkan oleh pihak MBI. Antaranya adalah RMSB, pada suatu ketika dahulu dan kemudian YAWAS. RMSB adalah SPV yang ditubuhkan untuk menyalurkan Skim Mesra Usia Emas, TAWAS, YAWAS dan beberapa program-program yang lain. Jadi, kalau kita lihat spektrum Anak Syarikat ini pelbagai, ada yang jadi SPV yang belum menjana keuntungan, ada yang memang dikhususkan untuk tidak menjana keuntungan lagi dan ada yang sudah matang dan sudah layak untuk menjana keuntungan tetapi strukturnya kita sedang susun. Suatu ketika dahulu, kita ingin wujudkan DIG, inilah keseluruhan tetapi kerana menimbulkan beberapa persepsi negatif, kita aturkan kembali supaya persepsi-persepsi ini dapat dikurangkan dan sekarang ini hampir selesai keseluruhan penstrukturannya kerana ada fokus tertentu bagi Anak-anak Syarikat, kita tidak mahu semua menjadi *Property Developer*, banyak sebelum ini, *almost all* jadi *Property Developer*. Worldwide jadi *Property Developer*, PNSB *Property Developer*, PKNS *Property Developer*, di bawah PKNS ada lagi beberapa Kumpulan *Property Developer* dan sekarang kita sedang aturkan spesifik itu ditumpukan di dalam bidang-bidang tertentu dan bukan hanya mengejar kepada keuntungan sebaliknya bidang-bidang strategik yang diperlukan oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar. Tak hadir.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI :** Saya menggunakan Peraturan Tetap 24 (2) untuk Soalan 47 ini, untuk dijadikan soalan.

**TUAN SPEAKER :** Saya tak benarkan. Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan Nombor 48.

### PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI (N51 SIJANGKANG)

#### TAJUK : ISU SISA ELEKTRONIK (E-WASTE)

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap sisa elektronik (E-Waste)?
- b) Apakah kaedah sistem pelupusan yang diamalkan di Selangor untuk melupuskan sisa elektrik (E-Waste) tersebut?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang, untuk makluman, untuk Tuan Speaker saya memohon untuk menjawab soalan, bersekali dengan

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Pertanyaan Mulut No.153 daripada Yang Berhormat Banting, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sisa elektronik atau pun E-Waste "E-Waste" adalah perkakas elektronik elektrik yang rosak, tidak berfungsi atau lama atau pun usang seperti TV, PC, penghawa dingin, mesin basuh dan peti sejuk. Bagi "E-Waste" yang berpunca dari industri perkilangan, ianya dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual) 2005 di mana pengurusannya perlu mengikut peraturan tersebut daripada penghasilan hingga ke pelupusannya.

Manakala bagi "E-Waste" yang dihasilkan daripada isi rumah, ianya digalakkan untuk dilupuskan di pusat-pusat kitar semula yang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak swasta. E-Waste yang dikumpulkan di pusat kitar semula akan dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS. Peraturan mengenai kawalan ke atas "E-Waste" isi rumah ini sedang dirangka oleh JAS.

Untuk menjawab soalan kedua Di Malaysia E-Waste disenaraikan sebagai buangan terjadual mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Bagi buangan "E-Waste" yang dihasilkan dari industri perkilangan ianya akan dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS. Di Negeri Selangor terdapat sebanyak 21 premis pemerolehan kembali yang dilesenkan untuk mengendalikan buangan "E-Waste" secara separa dan 2 premis menjalankan kemudahan pemerolehan kembali 'E-Waste" secara penuh.

Sistem pelupusan buangan sisa elektrik (E-Waste) yang diamalkan di Selangor pada masa ini bagi E-Waste dari isi rumah adalah melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak swasta. Setiap PBT telah mengenalpasti Pusat Kitar Semula di kawasan masing-masing, di mana Pusat Kitar Semula ini akan bertindak sebagai pusat pengumpulan (collection center) bagi buangan E-Waste yang diterima daripada orang ramai. Buangan E-Waste ini kemudian akan diambil oleh premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan kitar semula. Sekian.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih, saya dimaklumkan tempoh hari ada sebuah kilang di kawasan perindustrian di Olak Lempik yang mengendalikan mengoperasikan pelupusan E-Waste secara haram apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri atau pun pihak Kerajaan Persekutuan terhadap operasi sebegini, terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Kalau kita dapati kilang itu menjalankan aktiviti kitar semula E-Waste yang haram kita akan melalui PBT akan menyita kilang itu dan pada masa yang sama JAS akan menggunakan peraturan yang sedia ada iaitu kita mengenal pasti apakah bentuk E-Waste yang mereka jalankan aktiviti so kita ambil tindakan undang sedia ada iaitu kalau kita dapati bersalah dia akan dihadap ke mahkamah dengan denda 500,000.00 ringgit atau pun penjara 5 tahun atau pun kedua-duanya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan



**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**TUAN SPEAKER :** Banting

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih, Tuan Speaker soalan saya ke 153 juga berkenaan dengan soalan ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, kena tinggal tambahan juga aduan bahawa tapak pembuangan sampah elektronik secara besar besaran secara pukal yang sering kala yang dilaporkan pernah berlaku di kawasan Daerah Kuala Langat di kawasan-kawasan pertanian di tempat-tempat yang tidak ada orang duduki di tempat yang tidak ada pemantauan dan sebagainya apakah yang kita perlu lakukan di peringkat Kerajaan Negeri dan tempatan supaya kita boleh mengesan mereka yang melakukan kesalahan ini dan membawa mereka ke muka pengadilan kerana pembuangan yang dalam bentuk yang pukal secara besar besaran ini memang akan memberi kesan yang sangat teruk kepada alam sekitar, khususnya kita sedia maklum terdapat E-Waste yang memang tidak boleh dikitar semula dan memerlukan kos treatment rawatan yang sangat-sangat tinggi dan oleh sebab itu kita tidak boleh bahawa terdapat mereka yang tidak bertanggungjawab walau pun mereka berlesen melakukan pembuangan secara haram seperti ini. Sekian, terima kasih saya mohon jawapan.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Banting, setiap PBT main peranan sangat penting untuk menangani isu ini sebenarnya pembuangan sampah ini bukan dari portfolio saya di bawah portfolio PBT tapi apa yang berlaku sekarang pada zaman kita akan menerima 5G so banyak kita akan dapati banyak handphone akan absolute pada masa akan datang so tidak dapat digunakan lagi so kita akan menghadapi beribu atau pun berjuta handphone yang akan dibuang jadi kita memang ada rancangan untuk kita pastikan pengendalian E-Waste seperti handphone itu. Yang mana bilangannya menjangka berjuta-juta, kerajaan telah pun menerima cadangan daripada pihak swasta jadi mereka bercadang untuk mengadakan satu pusat iaitu pusat tempat untuk kitar semula E-Waste ini kerana pusat untuk mengendalikan kitar semula E-Waste ia melibatkan kos yang amat tinggi, E-Waste handphone melibatkan kalau kita boleh kitar semula kita bukan dapat untuk mengatasi toksik yang ada dalam handphone tapi dia juga boleh extract terima dapat juga benda-benda bahan yang di mana emas pun ada, longkang sebagainya. Jadi ini satu industry yang sangat penting sangat-sangat menguntungkan jadi kita menerima cadangan daripada kilang-kilang dari luar negara untuk mengadakan kitar semula E-Waste di Malaysia jadi kita sedang merangka tempat untuk mereka sebab kita nak kumpulkan semua, kilang-kilang di satu tempat dan mereka pastikan di charge dan juga mereka ada satu tempat ada mesin penapisan udara supaya udara yang bebaskan itu bebas daripada toksik. Sebab itu kita masih dalam rangka untuk mencadang dan juga mengenalpasti tempat yang mana untuk melibatkan mereka di satu tempat jadi itu usaha yang sedang kita jalankan jadi kita harapkan nanti Yang Berhormt Banting supaya sabar dan kita akan membuat yang terbaik untuk cara mengendalikan E-Waste ini, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Permatang

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no.49

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROGRAM BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini penerima bantuan tersebut mengikut DUN dan nyatakan jumlah penerima bantuan yang gagal mencapai tahap yang ditetapkan Kerajaan Negeri?
- b) Berapa lamakah masa yang diambil untuk meluluskan sesuatu permohonan?
- c) Adakah peruntukan akan ditambah bagi program ini bagi tahun 2020?

**Y.B. GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Tuan Speaker, sepertimana semua sedia maklum Program Bantuan BluePrint Pembasmi Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankam Tetap Pembedayaan dan Pembangunan Sosial Ekonomi, program ini bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan atau peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat atau individu berpendapatan di bawah RM1500 sebulan atau berpendapatan seisi rumah di bawah RM3000. Terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan atau mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan adalah program bantuan yang dilaksanakan mengikut daerah di mana program di mana borang permohonan perlu dikemukakan ke Pejabat Daerah Tanah untuk diproses berdasarkan rekod jumlah permohonan yang diluluskan dan telah berjaya menerima mesin atau peralatan bagi tahun 2019 adalah seramai 422 orang, ia melibatkan peruntukan yang telah disalurkan ke 9 buah daerah sebanyak RM1,613,750.00 manakala jumlah penerima bantuan yang diluluskan dan gagal bagi tahun 2019 mengikut daerah Gombak jumlah yang lulus 20, jumlah permohonan yang gagal 24, Hulu Selangor jumlah yang lulus (46) jumlah gagal (20), Kuala Langat jumlah lulus(58) jumlah gagal (21), Hulu Langat jumlah lulus(480) jumlah gagal (32), Klang jumlah yang lulus (32) gagal (7)Kuala Selangor yang lulus (29) gagal (13), Petaling yang lulus (16) gagal (5) Sabak Bernam yang lulus (75) gagal (46), Sepang lulus (98) gagal (32) maka jumlah yang lulus adalah (422) gagal (200) jumlah keseluruhan permohonan adalah (622), Tuan Speaker mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan akan dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Februari dan bulan Julai namun begitu pemilihan kali kedua adalah tertakluk kepada baki peruntukan sedia ada berhubung dengan beberapa tempoh masa yang diambil untuk meluluskan sesuatu permohonan Sekseyen Sektoral, Unit Perancang Ekonomi Selangor berpegang kepada piagam pelanggan iaitu memproses permohonan Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan iaitu dokumen lengkap di dalam tempoh tiga bulan untuk makluman Yang Berhormat Permatang mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Kali Pertama tahun 2019 untuk sembilan daerah telah diadakan pada 11 Februari sehingga 22 Februari 2019 dan waran peruntukan bagi pembelian peralatan atau mesin telah disalurkan kepada Pejabat Daerah Tanah bermula pada 26 Mac hingga 18 Mei 2019. Selaras dengan tempoh piagam pelanggan tersebut untuk makluman Yang Berhormat juga proses untuk meluluskan permohonan bagi program ini dilakukan dengan begitu terperinci

## **6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

dan telus ianya adalah untuk memastikan pemohon yang bakal menerima bantuan ini adalah dari kalangan rakyat yang benar-benar layak sahaja. Bermula dengan proses siasatan yang dijalankan oleh Pejabat Daerah Tanah satu kertas kerja lengkap akan dibentangkan oleh Pejabat Daerah Tanah ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan untuk dipertimbangkan selepas itu Seksyen Sektor perlu teliti satu per satu borang permohonan termasuk dengan menghubungi setiap pemohon bagi membuat pengesahan peralatan atau mesin yang dipohon menyemak dokumen sokongan di borang permohonan meneliti setiap anggaran harga peralatan atau mesin dan memasukkan setiap data permohonan ke dalam sistem pangkalan data sebelum satu kertas kelulusan disediakan bagi penyaluran waran ke Pejabat Daerah Tanah untuk proses pembelian peralatan atau mesin. Segala proses tersebut adalah rumit dan terperinci namun ianya adalah satu keperluan dalam memastikan setiap permohonan di proses mengikut tatacara yang lengkap sejajar dengan objektif dan sasaran program bantuan ini.

Tuan speaker, berhubung dengan persoalan adakah peruntukan Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan akan ditambah pada 2020, Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Jawatankuasa Pembedayaan dan Pembangunan Sosial Ekonomi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana sudi meningkatkan dalam Ucapan Bajet pada yang baru-baru ini untuk bagi tahun 2020 telah menaikkan RM2.5juta telah pun dinaikkan. Selain daripada itu, bermula pada tahun 2020 Jawatankuasa ini merancang untuk melaksanakan pengupayaan pendapatan melalui penyediaan kursus kemahiran keusahawan secara berfasa khusus tersebut meliputi aspek pengurusan kewangan kaedah pemasaran secara online pensijilan pembungkusan produk, penjenamaan dan lain-lain. Ini bagi memastikan penerima-penerima bantuan bersedia untuk meningkatkan pendapatan diri dan peniagaan ke tahap yang lebih tinggi serta dapat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk bergelar usahawan mikro mahu pun usahawan di dalam talian pada masa akan datang.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Kandis

**Y.B TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan saya berkenaan adakah pihak Kerajaan ada memantau bantuan-bantuan yang diberikan kepada penerima kerana ada cerita tak sedap mengatakan ada yang menjual atau pun mesin itu terbiar tidak digunakan.

**Y.B. GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih kepada Sungai Kandis Yang Berhormat Sungai Kandis sebenarnya memang perkara ini telah berlaku seperti Yan Berhormat memaklumkan memang pernah berlaku maka pada tahun 2014 dan 2015 kita daripada UPEN Sektor telah mengadakan lawatan terkejut dan juga bersama dengan Pejabat Tanah kini perkara-perkara terdapat dielakkan dan kami mendapati 97% daripada pemohon yang menerima telah keluar daripada belunggu kemiskinan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 semua peringkat.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk menggulung. Dipersilakan Yang Berhormat Bandar Baru Klang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Air Tawar, Yang Berhormat Bukit Lanjan, Yang Berhormat Banting, Yang Berhormat Balakong dan Yang Berhormat Meru yang telah pun menyentuh isu-isu di bawah portfolio saya iaitu Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) . Tuan Speaker, bagi tahun 2018 sebanyak 241 projek perkilangan telah pun diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah 18.95 bilion ringgit, manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 sebanyak 132 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah 5.97 bilion ringgit. Nilai pelaburan yang dicatatkan ini adalah projek perkilangan yang diluluskan bagi tempoh setengah tahun 2019 jika dibandingkan dengan nilai pelaburan yang dicatatkan bagi tempoh sepanjang 2018. Kerajaan Negeri yakin nilai pelaburan berjumlah 2 digit akan mampu dicapai pada akhir tahun 2019. Ini berdasarkan beberapa cadangan projek lagi yang telah pun diterima oleh Kerajaan Negeri yang masih belum dimuktamadkan. Berdasarkan soal selidik oleh pihak MIDA sebanyak 90% daripada bilangan projek yang diluluskan pada tahun 2018 telah pun dilaksanakan. Secara dasarnya mana-mana cadangan projek yang diluluskan, disyaratkan perlu mendapatkan surat kelulusan penempatan projek di Negeri Selangor dalam tempoh 6 bulan dari tarikh projek tersebut diluluskan oleh MIDA. Selain itu sebanyak 241 projek perkilangan yang diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor pada tahun 2018 adalah projek perkilangan yang melibatkan sebanyak 138 projek baru dan sebanyak 103 projek merupakan projek pengembangan atau penambahan pelaburan yang sedia ada. Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor sentiasa memantau dan menjalinkan hubungan yang erat dengan syarikat-syarikat yang mendapat kelulusan projek perkilangan ini. Program dialog diadakan setiap 6 bulan dengan syarikat-syarikat yang telah mendapat kelulusan lesen perkilangan tersebut bagi mendapatkan maklum balas serta permasalahan yang dihadapi dan memantau status pelaksanaan projek. Isu-isu yang dibangkitkan akan dibentangkan di dalam mesyuarat penyelarasan yang diadakan setiap bulan di Invest Selangor untuk penyelesaian dan mampu dipantau secara berkala agar projek-projek yang telah diluluskan dapat direalisasikan dalam tempoh masa yang dijadualkan. Tuan Speaker, tanah seluas 80 ekar untuk hub Aero Angkasa di Subang yang dinyatakan dalam pembentangan bajet tahun 2019 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah dalam proses pembangunan oleh pihak Khazanah Malaysia. Namun begitu dalam masa yang sama pihak Invest Selangor bekerjasama rapat dengan pihak Malaysia Airport Holdings Berhad dalam mempromosikan Subang Aerotech Park yang berkeluasan 60 ekar yang merangkumi 50 ekar untuk *industrial aviation* dan *hi tech park* dan seluas 10 ekar untuk plot komersial. Proses pembangunan bermula pada pertengahan tahun 2015 dan ketika ini kawasan ini telah siap dibangunkan dengan kemudahan infra yang asas. Antara aktiviti industri yang difokuskan untuk kawasan tersebut adalah seperti dengan izin *manufacturing of aerostructure an aircraft parks* dan *engine and component of MRO* dan *hi tech persuasion engineering*. Pada masa ini syarikat senior Aerospace UPECA telah memulakan operasi di kawasan ini bagi mengeluarkan komponen kapal terbang untuk *airbus* dan *boeing*. Selain itu pihak MHB atau Malaysia Airport Holdings Berhad juga turut mengadakan projek usaha sama dengan pihak Boustead Projects Ltd untuk membangunkan *built to suit facilities* bagi menyediakan kemudahan prasarana pelaburan untuk industri aeroangkasa beroperasi di Subang.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Sehingga ini nilai pelaburan di kawasan ini adalah sebanyak 190 juta ringgit dan dijangkakan ia mampu menarik pelaburan berjumlah 1 bilion ringgit setelah projek pembangunan ini siap sepenuhnya kelak. Dalam memastikan industri aeroangkasa terus berkembang di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah meluluskan Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor beberapa minggu yang lalu yang akan dijadikan rujukan dalam Perancangan Pembangunan Industri Aeroangkasa di Negeri Selangor. Antara inisiatif yang telah digariskan dalam pelan tindakan tersebut adalah seperti pembangunan infrastruktur, pembiayaan, pendidikan dan latihan, perundangan, akses pasaran dan lain-lain inisiatif yang berkaitan seperti penyediaan kemudahan RND, mewujudkan badan penyelaras pendidikan dan sebagainya. Bagi menjawab soalan seterusnya iaitu bantuan dalam mengembangkan pasaran produk IKS dengan sukacita dimaklumkan dalam usaha membantu syarikat IKS di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah menyediakan medium ataupun platform yang boleh membantu usahawan-usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan dan pasaran ke peringkat antarabangsa melalui penyertaan usahawan-usahawan tempatan dalam pameran yang diadakan di dalam dan di luar negara seperti Program Selangor International Business Summit, Penang International Halal Expo 2019, Malaysia International Halal Showcase atau MIHAS 2019, The World Food and Beverages Great Expo atau Premium Food Show 2019 Japan, Hopack Hongkong 2019, Jakarta 2019 dan lain-lain di mana sebahagian kos penyertaan ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan Jawatankuasa Tetap Pelaburan Perindustrian dan Perdagangan dan IKS Negeri Selangor. Di samping penyertaan dalam pameran yang diadakan pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor juga turut membantu pihak syarikat untuk mengadakan pertemuan *business matching* bersama *potential buyers* sewaktu penyertaan di dalam program-program pameran di peringkat antarabangsa. Melalui program-program ini Kerajaan Negeri melalui SITEX juga menyediakan latihan kemahiran kepada usahawan-usahawan IKS yang berminat untuk memasarkan produk keluaran mereka secara atas talian atau dengan izin *online*. Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Invest Negeri Selangor menganjurkan Selangor International Business Summit yang merupakan program tahunan bagi Kerajaan Negeri. Melalui program ini pihak usahawan telah diberikan peluang untuk turut sama dalam mempamerkan produk keluaran mereka di bawah Pavillion Hijrah Selangor. Secara keseluruhannya Program Selangor International Business Summit sememangnya memfokuskan kepada industri IKS itu sendiri. Dia dapat dilihat dari ruang penyertaan pameran *Selangor International Expo, Persidangan-persidangan Asia Business Conference, Selangor Halal International Conference, Selangor International Culinary Festivals* dan pelbagai *pocket talk* yang lain sepanjang program berlangsung. Pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor sememangnya merantau semenjak dua atau tiga tahun yang lalu dan kita telah meningkatkan *engagement* kita dengan syarikat-syarikat yang berpangkalan di United Kingdom bagi memperkenalkan Negeri Selangor sebagai pemilihan destinasi pelaburan baru mereka. Ini telah dilakukan sejak dua atau tiga tahun yang lalu. Selain daripada program misi penggalakkan ke luar negara, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor turut mengadakan program-program seperti berikut :

1. Seminar atau Dialog bersama Industri dan Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar negara.
2. Program libat urus atau dengan izin *engagement* bersama Dewan Perniagaan Kedutaan Asing serta pihak industri.



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

3. Penganjuran dan penyertaan pameran dalam dan luar negara.
4. Penerbitan bahan-bahan promosi.

Secara dasarnya Kerajaan Negeri amat komited untuk kawasan industri yang kondusif di Negeri Selangor untuk menyediakan keselesaan pada para pelabur atau pun industri. Kerajaan Negeri melalui PBT telah mewujudkan IPMC atau *Industrial Park Management Community* di setiap PBT untuk menyediakan platform kepada pihak industri bagi menyampaikan permasalahan yang dihadapi. Mesyuarat IPMC diadakan setiap 3 bulan dan sebarang permasalahan yang disampaikan oleh pihak industri akan diambil tindakan oleh ejen teknikal yang berkaitan. Selain itu Kerajaan Negeri juga turut menepatkan kadar peratusan penyelenggaraan infra yang perlu disediakan oleh setiap PBT sebagai peruntukan yang disediakan khusus untuk menyelenggarakan kemudahan-kemudahan infra dalam kawasan perindustrian. Untuk isu-isu khusus di kawasan perindustrian Balakong adalah dimaklumkan bahawa perbincangan telah diadakan bersama pengilang-pengilang di kawasan itu dan mereka telah dinasihatkan untuk lebih proaktif dalam menangani masalah yang dihadapi oleh mereka dan keengganan mereka untuk memberikan *set back* atau sebagainya dan menyerah sebahagian daripada tanah mereka menjadi kekangan kepada pemutihan kawasan tersebut dan juga menyebabkan menjadi kekangan kepada pembangunan semula ataupun *upgrading* dengan izin infrastruktur di kawasan tersebut. Bukan sahaja kerajaan yang perlu mengambil tindakan, bukan sahaja pihak PBT yang perlu mengambil tindakan, tapi kita memerlukan kerjasama dari pihak IKS itu sendiri di kawasan Balakong ini. Sudah lama masalah mereka di bawa dan dibincangkan tetapi nampaknya tindakan yang lembap dari kawasan industri-industri di kawasan Balakong ini. Oleh itu kerajaan berharap wakil rakyat Balakong dapat melihat perkara ini membantu mereka, meningkatkan kesedaran mereka bahawa itu juga adalah tanggungjawab mereka untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker, proses kelulusan pembangunan yang diamalkan oleh PBT dan agensi teknikal ketikan ini telah dipermudahkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Selain itu bagi membantu projek-projek pelaburan, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor yang berperanan sebagai pemudah cara pelaburan turut menyediakan platform untuk membantu pihak pelabur menyelesaikan permasalahan yang dihadapi termasuk isu kelulusan pembangunan di mana isu tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Cadangan Projek Pembangunan yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh saya sendiri. Melalui mesyuarat penyelarasan ini agensi-agensi teknikal yang berkaitan akan memberikan pandangan dan ulasan bagi menyelesaikan isu yang berbangkit. Ini secara langsung dapat membantu mempercepatkan proses kelulusan serta jangka pembangunan sesuatu projek tersebut. Sekian sahaja Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya seterusnya terima kasih Yang Berhormat EXCO Bandar Baru Klang. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker, yang saya muliakan Yang Berhormat semua. Pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Kandis, Dusun Tua, Sijangkang, Sungai Ramal, Banting, Semenyih dan juga Sentosa serta Permatang yang telah pun menimbulkan beberapa isu yang berkaitan dengan STANCO Usahawan dan Luar Bandar. Bagi menjawab isu ini terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah pun membentangkan bajet yang besar kepada Jawatankuasa

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Tetap Usahawan kerana saya merasakan fokus kali ini adalah untuk menambah pendapatan kepada semua rakyat jadi isu pembangunan usahawan ini adalah isu yang penting. Jadi bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan terutama oleh Yang Berhormat Sungai Kandis, isu yang berkaitan apakah Hijrah Selangor ini, syariah *compliance* selaras dengan hasrat untuk menjadikan skim ini terus mendapatkan kepercayaan dan keyakinan kepada rakyat di negeri ini serta mengurus tadbir yang mempunyai nilai dan kualiti yang terbaik. Satu inisiatif telah diambil oleh Hijrah Selangor iaitu Hijrah Selangor dengan kerjasama pihak UNISEL yang diketuai oleh Professor Dr. Zaharuddin bin Abdul Rahman iaitu Professor Adjung UNISEL dibarisi dengan 5 orang penyelidik telah merancang membuat penyelidikan bagi menilai dan memberi cadangan penambahbaikan kepada pengurusan tadbir urus dan kawalan patuh syariah di dalam Hijrah Selangor. Beberapa elemen dan penumpuan dibentuk bagi menyenaraikan bentuk kajian dan penambahbaikan projek Hijrah Selangor. Antara proses operasi, produk dan juga tidak lupa patuh syariah, jadi *Insyah Allah* perkara ini dalam penelitian dan telah pun dihantar kepada pihak lembaga untuk meneliti perkara ini dan *Insyah Allah* akan diputuskan nanti. Bagi melihat trend terkini Yang Berhormat semua *GIG Economy* adalah merupakan modul keusahawan yang baru dan perlu diambil perhatian. *GIG Economy* bermaksud sistem pasaran bebas di antara sesuatu kontrak organisasi dengan pekerja bebas dalam tempoh jangka masa yang pendek. Perkataan *GIG* ini sendiri bermaksud satu tempoh jangka masa tertentu. Kalau dulu mungkin kita lebih faham ataupun lebih popular dengan sebut *freelance* dengan izin. Tapi sekarang ini lebih digunakan dengan istilah *GIG Economy* ataupun *GIG Entrepreneurship* untuk menunjukkan satu lagi bidang baru keusahawanan yang boleh diceburi oleh masyarakat dunia ataupun khususnya di negeri Selangor ini untuk menambah pendapatan ataupun membolehkan pekerjaan, maknanya ianya adalah fokus pasaran kerja yang kita katakan yang boleh kembali memberi perkhidmatan dalam konsep ini. Maknanya di luar pekerjaan formal. Jadi kita lihat sebagai contoh kerjaya yang boleh disumbangkan dan sebenarnya Kerajaan Selangor juga telah pun memulakan program ini di mana kita telah memberi beberapa dana usahawan yang menggalakkan *GIG Entrepreneurship* untuk dilaksanakan seperti Program-program taska di rumah, domestik helper dan cleaner, pengkeranian data secara sambilan ataupun secara jangka pendek, perkhidmatan penghantaran juga kita telah pun menggalakkan perkara ini. Jadi saya rasa ini trend baru yang kita semua kena maklum yang *GIG Economy* ini akan menjadi satu fokus kepada usaha ini. Sebab itu kalau kita lihat trend terkini 10 perkara ataupun 10 pekerjaan yang akan hapus di dunia ini di dalam tempoh singkat di antaranya adalah bidang-bidang perkeranian data dan juga pentadbiran.

Ini adalah antara perkara yang penting yang saya harapkan ianya akan Kerajaan Selangor sebenarnya komited untuk memelopori dan mempopularkan *GIG Economy* ini. Jadi salah satunya yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu program SIID yang akan dimulakan pada tahun hadapan. Pasti program SIID ini tidak semata-mata kita hanya memberi lesen motor kepada anak-anak muda tetapi ianya akan dibimbing dan akhirnya mereka akan boleh menjadi seorang yang boleh menjadi usahawan *GIG* yang sebenarnya yang akan menjamin kehidupan mereka masa panjang. Bukan masa pendek sahaja.

Jadi bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu Dana Usahawan Mikro Selangor yang pada dasarnya dilihat peruntukan sebanyak RM2.25 juta itu adalah diberikan ataupun diperuntukkan kuota. Tetapi pada tahun ini Yang Berhormat, di bawah stanco saya kita telah membuat beberapa penilaian di atas permohonan yang ada. Maknanya masyarakat

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

ataupun individu yang ingin memohon ini boleh memohon melalui Pejabat Daerah di bawah Dana Usahawan Mikro tetapi pada akhirnya kita akan membuat 3 kali penilaian ataupun kita akan buat soal jawab untuk tengok apakah kesesuaian Dana Usahawan Mikro yang kadang kala diberi semaksimum RM30 ribu ini adalah sesuai untuk diberikan. Jadi bila kita lihat proses itu berlaku pada bulan April, Julai dan September, dan bila kita lihat kuota yang telah diberi ini tidak tercapai maknanya permohonan tidak masuk ataupun masuk tetapi tidak layak jadi ada berbaki kita pindahkan permohonan ini tidak sahaja rigid masih lagi tidak boleh digunakan oleh daerah yang lain, tetapi kita akan apungkan kita gunakan kepada permohonan-permohonan mungkin daripada daerah lain tetapi mereka ini telah mencukupi kuota jadi kita akan manfaatkan kepada daerah-daerah yang lain. Sebab itu sekarang ini InsyaAllah dalam bulan September merupakan bulan terakhir untuk kita teliti semua permohonan sepanjang tahun, lebih itu kita akan apungkan dan akan agihkan kepada daerah lain untuk pastikan kuota ini sebenarnya adalah sistem untuk kita pastikan wujudkan permohonan itu diproses. Tetapi kalau ia tidak mencukupi ataupun tidak ada lebih kita akan agihkan secara yang baik InsyaAllah. Dan saya yakin tahun ini, tahun depan perkara ini akan dibuat lebih awal. Silakan Sijangkang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Yang Berhormat Batu Tiga, saya nak mendapat pandangan pada Yang Berhormat Batu Tiga, minta maaf sebab saya nak kembali kepada program subsidi lesen dan juga trend GIG Economy. Sebagaimana saya cadangkan, saya melihat isu RM350.00 sebagai subsidi untuk saya kira untuk anak-anak muda ataupun mungkin anak-anak muda yang tidak mempunyai akademik yang tinggi untuk mereka juga terlibat di dalam trend GIG Economy ini. Saya khuatir kalau hanya sekadar subsidi yang kita berikan dan mereka ini tidak berkemampuan untuk mengikuti kursus mendapatkan lesen yang saya kira pada hari ini RM750.00 – RM780.00 untuk mendapatkan lesen motor sahaja. Kalau lah ini dijadikan sebagai satu program yang secara pakej mungkin di bawah Hijrah dengan peruntukan-peruntukan ada di bawah Hijrah, bermakna kita berikan lesen kepada mereka di mana mereka terlibat dalam kerjaya GIG Economy tadi mungkin dengan pemain-pemainnya juga boleh memberikan sumbangan seperti *Grab Food* dan sebagainya. Dan mereka mendapat lesen dan mereka akhirnya menjadi kerjaya. Di samping itu, kita mungkin boleh berikan sedikit melalui Hijrah belikan motor ataupun syarikat pemain itu yang membelikan motor kepada mereka dan akhirnya menjadi kerjaya dan kita pantau. Saya kira ini mungkin ini boleh dijadikan sebagai satu program daripada zero kepada sesuatu yang anak muda kita boleh bantu dari *slow economy*. Apa pandangan Yang Berhormat Batu Tiga sebab saya ada bangkitkan dalam ucapan saya.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang, sebab itu permulaan itu saya sebut GIG Economy ini sebenarnya ataupun peruntukan RM350.00 itu bukan sekadar beri subsidi sahaja, memang kita akan pakejkan perkara ini supaya ada bimbingan dan sebagainya. Tapi cadangan daripada Yang Berhormat Sijangkang untuk memastikan ataupun untuk melihat supaya mereka anak-anak muda ini daripada mula kita bagi bantuan subsidi sebanyak RM350.00 dan akhirnya memiliki motosikal yang tersendiri saya rasa satu cadangan yang bagus sebab saya rasa ruang yang kita perlu bangunkan mereka bukan sekadar memberi subsidi. Sebenarnya untuk bangunkan mereka menjadi usahawan GIG yang boleh akhirnya dalam jangka panjang



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

boleh berdikari. Jadi itu adalah kesan atau perkara yang ingin saya sentuh tapi terlambatlah sebab saya sedang bercakap tentang Dana Usahawan tadi. Jadi akhirnya cerita tentang Dana Usahawan Mikro ini akhirnya kalau ikutkan RM350 ribu setiap daerah itu. Kalau semua mengambil RM350 ribu sebenarnya ia membolehkan 30 orang usahawan yang dapat. Tetapi kita lihat kadang-kadang ada yang mengambil ataupun ingin memohon kurang daripada jumlah tersebut jadi jumlahnya melebihi daripada 30 orang daripada satu daerah tapi sekarang keseluruhan kita ingin melihat supaya setahun kerajaan akan memastikan bilangan permohonan itu melebihi dan ia tidak hanya termaktub termasuk di dalam bidang-bidang pembuatan makanan, minuman dan sebagainya. InsyaaAllah kita akan pastikan juga dana usahawan ini diberikan kepada mereka yang terlibat di dalam *GIG Economy* terutama dalam bidang taska dan perkhidmatan pembersihan.

Jadi seterusnya, Tuan Timbalan Speaker, saya ingin bercakap tentang kursus-kursus. Ada Yang Berhormat yang menimbulkan tentang kursus-kursus keusahawanan yang dianjurkan. Dan prihatin semua supaya kursus-kursus ini dapat memberikan bimbingan on-line kepada mereka ataupun secara talian terus menggunakan manfaat IOT dan sebagainya. Saya sebenarnya di bawah stanco usahawan tahun ini kita telah pun dan mensasarkan sebanyak 11 bidang latihan yang boleh dikatakan setiap bulan ada satu dan ianya berbentuk secara berpusat di peringkat negeri dan dibuat di peringkat daerah. Izinkan saya membaca sedikit iaitu kursus-kursus di peringkat negeri. Kita telah pun melaksanakan Bengkel *Facebook Beginner And Technique asas photography into smartphone* untuk pemasaran pada 19.03.2019, Seminar peningkatan jualan melalui online iaitu revolusi perniagaan internet. Kita juga telah pun melaksanakan Bengkel *Advance Smartphone Photo And Videography Editing*, Kursus *Advance Facebook Marketing And Targeting Strategies*, dan kursus yang dianjurkan bersama dengan INSCAN iaitu melonjakkan jualan dengan pengesahan pasaran yang berkesan iaitu *product and market validation*. Begitu juga kita telah melaksanakan program-program yang kita lihat kursus strategi pemasaran *business modul canvas*, kursus teknik pemasaran *freeddeal marketing* dan *free line* dan terkini kursus pemasaran *online* untuk peniaga kecil dan *up town*. Ia ada sedikit berbeza dengan apa yang dilaksanakan oleh YM Bandar Baru Klang, kerana fokus kepada usahawan ataupun stanco usahawan yang saya kendalikan adalah usahawan mikro. Jadi kebanyakannya yang kita kendalikan adalah mereka yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan. Kita nak tingkatkan mereka supaya tidak lagi fokus kepada pasar malam, pasar pagi ataupun business kecil-kecilan di rumah, kita bawa mereka keseluruhannya untuk memahami apakah masa depan *business* yang mereka mesti mahu tidak mahu menceburi ataupun mengambil maklum tentang perkara ini supaya mereka tidak ketinggalan di dalam pembangunan usahawan ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya nak tanya, tadi Yang Berhormat nyatakan kursus-kursus yang diadakan ini. Jadi adakah kursus ini dibuat di satu tempat ataupun boleh dibawa setiap kawasan Adun-adun yang memohon di bawah peruntukan Yang Berhormat?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Kalau kita lihatkan, kursus yang dilakukan ini amat intensif. Ada yang satu hari dua malam, ada yang dua hari tiga malam, yang kalau kita lihat kalau dibuat di luar ia akan memakan kos yang sebanyak RM700.00 ke RM800.00 ada yang RM1000.00. Tetapi ini adalah program yang komitmen kerajaan yang kita mahu

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

dari RM20.00 hingga RM30.00 sahaja daripada komitmen dari penyertaan jadi kita buat secara berpusat sebenarnya. Walau bagaimanapun jika, Adun merasakan program-program itu sesuai dibuat di kawasan saya rasa kita boleh memudah cara membimbing dan memberikan nama-nama perunding yang boleh membawa kursus-kursus ini di kawasan tetapi buat masa ini kenalah guna peruntukan masing-masing. Sebab peruntukan yang ini khusus untuk mereka yang sebenarnya tracking tu telah ada. Bermula kita dah ada data kita ambil kita tingkatkan satu persatu. Itu penting supaya kita lihat usahawan mikro ini dia ditingkatkan dari satu tahap ke satu tahap. Hatta ada satu kursus yang kita adakan iaitu taklimat elakkan dari senarai hitam dan pengurusan hutang juga. Kita dapati salah satu latihan yang signifikan, semua peniaga kecil ini memahami bagaimana mereka boleh selesai masalah perniagaan mereka bila mereka pandai nak menguruskan kewangan dan hutang-hutang mereka. Tetapi ada juga satu program yang dibuat di peringkat daerah selain daripada maksud saya yang diberikan jawapan kepada Seri Setia di peringkat ADUN, tetapi ADUN-ADUN boleh menghantar nama setiap kali kursus ini diwar-warkan untuk diadakan, boleh dihantar nama sebahagian daripada peruntukan itu diberikan tempat kepada Adun-adun boleh menghantar peserta. Seterusnya kalau lihat kursus di peringkat daerah kerajaan telah pun sekejap Yang Berhormat Templer, kita juga buat program di peringkat daerah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Y.B. Templer

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO, cuma nak tanya kursus-kursus yang kita anjurkan ini kebiasaannya yang mengikut kursus ini, yang sudah memulakan perniagaan ataupun zero, yang pertama. Yang kedua kita nak tahu, yang menghadiri program ini adakah mereka selepas itu membuka kedai perniagaan dan sebagainya, sebab saya nampak yang dah berjaya memulakan perniagaan ini kita boleh jadikan mereka ini sebagai contoh dan mentor untuk generasi yang seterusnya untuk mengikuti program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO. Terima kasih Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Templer, memanglah kita hanya membuka kepada mereka yang telah menjalankan perniagaan. Dan fokus yang saya sebutkan tadi adalah untuk usahawan mikro iaitu usahawan yang telah memulakan perniagaan tetapi jumlah perniagaan tahunannya tidak melebihi RM300 ribu. Maknanya mereka dan kebanyakannya mereka adalah bermula di premis-premi yang kecil, di pasar-pasar malam dan sebagainya. Pada yang lebih kita bimbing adalah mereka yang telah mula *enganged* ataupun bersama dengan kerajaan dengan memohon beberapa bantuan-bantuan blue print yang kita nak tingkatkan mereka dari satu tahap ke satu tahap. Jadi bagi mereka yang tidak ada perniagaan, tidak dibenarkan menghadiri program ini. Itu jawapan saya berikan tapi di peringkat daerah tadi program yang dilaksanakan yang khusus perundangan, kemahiran kontrak jual beli itu kita buat di peringkat daerah.

Dan yang keduanya program kursus kewangan kepada usahawan mikro itu adalah satu subjek ataupun latihan yang mesti dilalui kepada mereka yang nak yang hendak menerima bantuan dana usahawan *micro*.

Timbalan Speaker, itu jawapan yang bersangkutan dengan isu keusahawanan. Saya akan menjawab soalan yang berkaitan dengan isu-isu yang berkaitan dengan Kampung Tradisi.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Di sini ingin saya menjelaskan bahawa dalam Bajet yang telah dikemukakan dari Dato' Menteri Besar terdapat peruntukan sejumlah RM500 ribu untuk program kitar semula di Kampung Tradisi. Program ini sebenarnya adalah hasil rumusan sesi dialog Bajet 2020 pembangunan luar bandar yang diadakan pada bulan September yang lalu. Kesedaran mengenai pengasingan sampah dan segalanya isu dengan kitar semula tahun hadapan. In syaa Allah, yang mana kita akan menggalakkan MPKK memulakan usaha ini ya supaya setiap MPKK faham bagaimanakah proses kitar semula itu boleh dilakukan dengan baik dan akhirnya menggalakkan masyarakat setempat untuk memulakan baik daripada rumah mereka ataupun kawasan-kawasan setempat contohnya mungkin sekeliling balai raya ya masjid tempat-tempat yang merupakan tumpuan masyarakat dan untuk ini pada bulan November ini, Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar telah pun ya seperti mana yang Dato' Menteri Besar sebut dalam Bajet iaitu Program Nadi Desa, kita telah pun memilih empat puluh (40) kampung ya seluruh Selangor yang mana akan menghadiri program yang kita katakan setiap program ini adalah kemestiannya adalah melibatkan Biro Kesejahteraan dan Keceriaan MPKK.

Jadi Biro Keceriaan ini akan di bawa empat puluh (40) kampung yang terpilih ini untuk menghadiri satu program di bawah nadi desa dan mereka akan diberikan tunjuk ajar dan panduan bagaimanakah program ini boleh dimulakan dan akhirnya daripada empat puluh (40) kampung ini, enam (6) kampung terpilih yang terbaik akan diberikan dana peruntukan tambahan RM5,000.00 untuk memulakan pilot projek di tempat masing-masing. Jadi enam (6) kampung ini merupakan *pioneer* ataupun permulaan yang akan mengendalikan program kitar semula kampung-kampung. Silakan Semenyih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Semenyih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Semenyih ada tanya ke dulu.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Semenyih ada tanya ke sebelum ni.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI :** Yang Berhormat EXCO mengenai pemilihan kampung ni cadangan saya boleh tak dibuat keseluruhan mewakili ADUN-ADUN di apa di Selangor ni. Bukan takat empat puluh (40) aje kalau mengikut kan apa, kita ada lebih daripada itu saya ingat bilangannya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Saya maklum, kampung di Selangor ini sebanyak 371 kampung ya untuk bawah Kampung Tradisi tetapi kenapa di pilih empat puluh (40) kerana kita nak mulakan *effort* ini, makna kita tidak mahu *mess* itu tetapi kita nak kualiti bimbingan itu. Kita mulakan empat puluh (40), plot empat puluh (40) ini daripada empat puluh (40) mereka dah mula faham kitar semula dan bagaimana kitar semula ini boleh dilakukan hatta kita akan melahirkan juru kitar semula iaitu mereka yang akan mengenal mengetahui sebenarnya nilai-nilai sampah-sampah yang boleh di kitar semula.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Kadang-kadang kita tak tahu, kita main longgokkan sampah-sampah tersebut dan terus ianya kita apa ni tidak dibuatkan apa ni langkah yang berikutnya. Sedangkan dalam proses kitar semula ada berbagai perkara yang perlu diketahui ya selain daripada sampah domestik, sampah plastik, sampah kertas dan sebagainya ada isu-isu lain yang perlu diketahui. Jadi 40 MPKK ini akan diberikan pengetahuan tentang perkara ini dan yang terbaik di antara mereka terbaik ni maksudnya mereka yang mencadangkan apakah projek yang mereka nak buat di kampung masing-masing. Daripada situ kita akan bimbing supaya mereka nanti akan menjadi *pioneer* untuk membimbing kampung-kampung lain.

Jadi akhirnya, kita mensasarkan dalam masa dua (2) tahun ini, insyaAllah ya hasrat kerajaan untuk melihat Kampung-kampung Tradisi ini akan bermula projek kitar semula malah ya malah di dalam Bajet yang disebut sebanyak RM6 juta itu jugak kita akan bekerjasama dengan KDEB untuk memastikan bahawa kepuk-kepek sampah yang moden juga akan di di usahakan supaya tidak ada lagi sampah-sampah yang berlonggok di tepi-tepi jalan yang tak sedap mata memandang dan akhirnya menjadi makanan dan juga gigitan apa ni haiwan liar dan menjadikan kampung-kampung di negeri Selangor ini tidak berada dalam keadaan yang terbaik. Batang Kali silakan.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Minta maaf. Terima kasih. Saya cuma nak tanya sedikit sama ada empat puluh (40) kampung yang sudah dikenal pasti ini ada tak kampung di DUN Batang Kali yang terlibat.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Batang Kali minat tu, insyaAllah. Nanti saya, sebenarnya setelah kita telah berhubung dengan semua, semua Pejabat Daerah di antara kriteria ya kampung yang terpilih adalah MPKK yang lengkap Biro-bironya dan Biro yang mesti wujud adalah biro untuk menghadiri program ini adalah Biro Keceriaan dan juga Keselamatan yang kita sebut tadi. Jadi yang itu penting. Jadi sama ada Batang Kali, kampung di dalam Batang Kali terpilih atau tidak itu berdasarkan kepada prestasi kampung-kampung tersebut. Tetapi untuk memastikan keseluruhan ianya mendapat, mendapat agihan yang agak adil sebenarnya setiap daerah akan menghantar permohonan ataupun dihantar akan diambil ya diambil peserta daripada setiap kampung ya berdasarkan contoh kalau kata di Kuala Selangor contoh ada lima puluh lima (55) kampung untuk sebenarnya bukan satu sahaja program yang kita buat, kita ada sembilan (9) aktiviti lain jadi setiap aktiviti kita pilih berdasarkan contohnya kita ada lapan (8) seri program Nadi Desa tahun ini kita akan agihkan..

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** EXCO sikit lagi EXCO.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Contohnya kalau tak habis lagi ayat saya jadi kalau lima puluh lima (55) kampung apa ni daripada kampung daripada Kuala Selangor bahagikan dengan lapan (8) siri dan setiap kampung mungkin mendapat enam (6) kampung daripada kampung Kuala Selangor yang akan hadir. Batang Kali juga ada 34 di Hulu Selangor contohnya bahagikan dengan lapan ada 4 kampung representative Batang Kali nanti akan hadir. Sila kan Taman Templer, minat pulak dia.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih. Memang daripada dulu lagi minat. Cuma nak tanya Yang Berhormat EXCO bila MPKK ni dia asingkan sampah-sampah tadi tu macam plastik, botol, kaca dan sebagainya kan lepas tu mungkin proses

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

dia dijual, saya tak tahu lah nak tanya pandangan EXCO. Bila dah dijual tu maksudnya selepas tu hasil tu tak boleh ke diberikan kepada MPKK ataupun macam mana pendekatan selepas itu.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Sebenarnya, itu kita kata pengurusan kitar semula, dia bukan sekadar mengasingkan dia akan diajar bagaimana sampah-sampah ini boleh menjadi sumber kewangan ya contoh yang boleh saya sebut sedikit adalah kita akan gandingkan program kitar semula ini dengan di bawah Program SE iaitu *Social Entrepreneurship*. Ada pihak korporat ataupun pihak mereka yang berkepentingan untuk bukan sahaja mengambil akan menggunakan *recycle* ini ataupun produk-produk *recycle* ini untuk dijadikan produk-produk yang ada tambah nilai ya contohnya plastik terbuang dijadikan mungkin bunga, dijadikan bekas-bekas yang lebih baik begitu jugak dengan domestik *waste* ataupun sampah-sampah dapur ini boleh dijadikan biogas, dijadikan baja dan biogas dan sebagainya.

Jadi ini semua akan di, akan di bincang dan dibimbing di dalam kursus tersebut. Jadi kalau Templer berminat pastikan MPKK di dalam Templer semua berperanan dengan baik supaya mereka boleh ditambah dan jangan kacau saya dah lepas ni ya.

Jadi, seterusnya saya suka dengan idea yang diberikan oleh Sungai Kandis, iaitu Sungai Kandis mencadangkan Smart MPKK macam kita kata bahawa ke arah memastikan bahawa pengurusan kampung ini tidak ketinggalan di dalam internet of things kita sebenarnya tujuan saya rasa cadangan ini dibuat sebenarnya selari dengan apa yang telah pun ya perbincangan awal yang telah pun dibuat oleh STANCO Luar Bandar iaitu kita akan memastikan supaya MPKK ini tidak hanya diurus secara *conventional*.

Sebenarnya awal Oktober ini, pihak kerajaan iaitu pihak STANCO Luar Bandar telah pun meneliti dan mengkaji isu ini dengan lebih teliti dan sebenarnya kita telah pun mencadangkan satu perbincangan yang lebih lanjut dengan pihak pengurusan SSGU ya supaya akhirnya saya mahu ataupun saya mahu lihat ya MPKK baik daripada Ketua Kampungnya hingga ke sebelas Biro yang ada itu akan diuruskan dalam satu aplikasi apa ni telefon bimbit yang lebih baik. Maksudnya kalau apa-apa pun, isu aduan, isu notis, isu, isu yang berkaitan kan dengan informasi ya isu tu bukan sahaja boleh dilihat ataupun dihantar daripada pihak pengurusan kepada rakyat tetapi ianya boleh dihantar daripada pengurusan ke pihak agensi-agensi yang terlibat dan yang penting komunikasi dua hala ini perlu kita manfaatkan supaya akhirnya kita mahu pengurusan kampung ini tidak lagi menggunakan saluran yang lama iaitu hanya melalui Pejabat Daerah dan akhirnya kadang-kadang aduan-aduan itu begitu lambat ataupun profail-profail kampung yang telah pun diletakkan itu tidak ditangani dengan baik.

Jadi, insyaAllah. Saya harap perkara ini awal mungkin tahun hadapan boleh dilaksanakan iaitu Smart MPKK ataupun nama yang akan diberikan kemudian akan dilaksanakan.

Isu-isu yang berkaitan dengan longkang di Kampung Jawa secara umumnya sistem saluran parit dan longkang di selenggara oleh beberapa jabatan dan agensi seperti JKR, JPS, PBT dan Pejabat Daerah Tanah. Apa pun kita lihat bagi Kampung Tradisi kebiasaannya jabatan yang bertanggungjawab adalah Pejabat Daerah Tanah di samping JPS. Jadi sebarang aduan masalah ini sepatutnya disalurkan di situ tetapi akhirnya Kerajaan Negeri telah pun menyediakan peruntukan tahunan untuk agihan pembangunan yang disebut kepada



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

kampung-kampung di bawah Seksyen Agihan, UPEN tetapi kita harapkan jugak yang saya harapkan selalu saya sebut di dalam sidang Dewan yang lepas saya mengharapkan supaya ADUN-ADUN semua pastikan bantu sebab sekarang ini saya telah pun memastikan MPKK ya telah pun memanfaatkan sistem profail kampung yang kita katakan mereka mesti menyiapkan inventori ini sehingga hujung tahun ini dan daripada situ sebenarnya saya harap ADUN-ADUN ambil pengetahuan apakah yang dicadangkan oleh MPKK ini selaras dengan apa yang dinampak, yang dinampak ataupun diketahui oleh Pejabat-pejabat ADUN.

Kadang-kadang ADUN nampak ada isu-isu infrastruktur yang berlainan yang tak di *concern* ADUN lain *concern* MPKK lain jadi elok duduk semeja untuk akhirnya meletakkan satu profail yang lebih lengkap.

Jadi isu di Kampung Jawa sebenarnya saya yakin di antara perkara yang di risau adalah banyak longkang-longkang yang tidak di selenggara. Jadi perkara ini saya rasa Yang Berhormat yang menjaga infrastruktur telah pun maklum tentang perkara ini.

Sentosa tak ada dalam Dewan saya akan jawab isu SITEM. Sentosa mohon supaya SITEM, Bajet SITEM ataupun apa ni Program Pembangunan Usahawan India di tambah sebanyak RM1 juta lagi, iaitu 2 juta ringgit, hah masuk pun ya, jadi saya sebenarnya lihat *concern* yang dibuat oleh Sentosa itu memang sewajarnya boleh dipertimbangkan. Tetapi kemungkinan ianya tidak lah daripada khusus daripada dana usahawan negeri Selangor. Saya telah mulakan perbincangan dengan pihak MITRA iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk kita mendapat bantuan daripada peringkat kementerian untuk tambahan tersebut ya. Itu bukan apa memandangkan daripada 2,142 pemohon yang telah pun hadir ke program maklum balas kita lihat permohonan yang telah kita pecahkan kepada jenis permohonan yang mereka hendak kita lihat Program Grow telah ada 524 pemohon. Program Geran iaitu Geran bantuan peralatan telah ada 884 pemohon. Latihan dan kemahiran 305 orang dan juga akhirnya kursus pembangunan ada 173 yang berjumlah daripada 2,142. 1,886 sebenarnya mereka yang boleh kita buat program-program berkaitan apa yang dimohon. Jadi yang sebenarnya yang hanya tak layak daripada memohon itu adalah 256.

Jadi kaedah saya melihatkan bila saya sebut kemungkinan tambahan itu boleh dipertimbangkan bukan sahaja semata-mata daripada Kerajaan Negeri, kita lihat bila trend kalau dulu kerajaan tahun lepas ya, tahun 2016, *sorry*, minta maaf, 2018 contohnya kita ada Bajet yang besar sebanyak 3 juta contohnya tetapi tidak digunakan. Jadi di sini menunjukkan kemungkinan mekanisme yang kita gunakan kali ini amat-amat terus dapat terus kepada pemohon jadi itu menunjukkan bahawa jika mekanisme ini digunakan dengan baik ya permohonan ini akan setiap tahun akan kita nampak ada trend yang baik untuk diberikan tumpuan kepada kerajaan. Jadi itu yang berkaitan dengan SITEM.

Akhirnya Permatang bertanya tentang program SITEM jugak kenapakah hanya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Batu Tiga, celahan daripada Sentosa. Silakan.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R. GEORGE :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Batu 3 berkenaan dengan dana yang kita luluskan untuk tahun 2020 hanyalah RM1 juta dan juga yang kita pun telah



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

diberitahu bahawa sebelum ini kita ada dapat peruntukan sampai RM3 juta dan juga diberitahu tidak menggunakan. Apakah kenapa dana ini tidak digunakan dan saya juga difahamkan pihak yang meluluskan ya ambil masa yang panjang untuk meluluskan sampai tak boleh dipakaikan duit itu sekarang untuk program-program yang telah dirancang untuk diadakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Sentosa. Sebenarnya kalau kita kaji kenapalah Bajet yang telah diperuntukkan tidak dimanfaatkan pada yang lepas, satunya kita lihat program ini bukan di bawah kendalian usahawan apa ni STANCO usahawan dan ianya dikendalikan oleh beberapa individu yang diberikan mandat oleh kerajaan, ok dan tetapi kita tengok, kita lihat kaedah pelaksanaan itu agak, agak lambat ataupun agak hanya menggunakan satu mekanisme iaitu dana-dana itu diuruskan kebanyakannya ya oleh NGO-NGO yang kadang-kadang NGO itu jugak tidaklah merupakan NGO yang merupakan *Anchor Company* atau syarikat-syarikat yang mahir dalam bidang tertentu tetapi mereka hanya merupakan syarikat yang memberi latihan semata-mata. Sebab itu tahun ini program ini diletakkan walaupun agak lewat di bawah Standco Usahawan, 8 Ogos yang lepas kita lihat pelaksanaannya laju, sebab apa, satu kita war-warkan dengan memberi taklimat kepada semua PBT. '*Target group*' kita terus kepada PBT dan peniaga-peniaga sedia ada. Yang keduanya kita terus agihkan pengendalian itu dibuat oleh agensi kerajaan sedia ada. Kita ada Hijrah Selangor, kita ada Pejabat Daerah yang membantu kita, kita ada juga banyak program-program yang menyediakan kursus ini, mereka yang telah menyediakan kursus ini bersama dengan kita. Jadi, kita buat ia serentak dalam masa dua bulan, kita lihat insyaAllah bajet ini boleh diselesaikan. Sebab itu saya kata kadangkala dalam kita menguruskan kewangan kadang-kadang kita memerlukan satu pendekatan yang lebih holistik dan pendekatan yang lebih baik supaya akhirnya tidak terlalu birokrasi macam yang lepas-lepas dana itu ada tetapi program itu tidak dilaksanakan.

Jadi sebab itu, saya terus kepada Permatang, mengatakan bahawa apakah program-program ini hanya memfokuskan kepada empat bidang, dan selepas saya sebut bidang yang kita lihat 524 pemohon sedia ada, kita lihat bidang-bidang yang memang kebanyakan yang dimohon memanglah bidang fotografi, kimpalan, jahitan dan kecantikan. Dan ini merupakan satu program yang sebenarnya bimbingan terus yang kita akan buat enam bulan ini untuk pastikan mereka akhirnya boleh mendapat pendapatan melalui perkara ini. Dan ini juga bidang-bidang yang kebanyakannya masyarakat India berminat untuk menceburi. Salah satu yang kecantikan ini adalah pembuatan henna, lukisan henna dan sebagainya, ini merupakan salah satu aspek yang akan diberikan perhatian. Jadi itu sahaja, Tuan Timbalan Speaker, saya sudah penggulangan saya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Batu Tiga, seterusnya saya menjemput Y.B. Kota Kemuning.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada rata-ratanya Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam dewan yang mulia ini mengambil tahu dan juga mengambil peranan mereka rasa sumbangan dan peranan daripada ketua kaum India, dan juga apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengumumkan penambahan elaun ataupun penserataan elaun RM1200 bersama dengan Ketua Kampung Tradisi dan Ketua Kampung Bagan memang ramai yang mengalu-alukan khususnya Kuala Kubu Baharu (KKB), Yang Berhormat Sentosa, Semenyih dan juga Jeram. Terima kasih kepada semua yang

## **6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

mengalukan. KKB telah menyatakan hasratnya supaya pandangan beliau menambahbaik tentang ketua komuniti kaum India dengan mengadakan Majlis Perwakilan (MPKK) sama dengan kampung tradisi, tetapi perlu diingatkan di sini ketua komuniti sebenarnya ditempatkan ke kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan kaum India yang mana bilangan kaum India yang tinggi keputusan dipersetujui oleh parti dalam Parti Harapan. Itu yang berlaku dan juga ia sebenarnya pelaksanaan prosedur mereka juga dan peruntukan juga adalah terhad dan juga dengan bantuan kenaikan elaun RM1200 ini, bukan begitu mencukupi apabila mengadakan MPKK dan juga ada terlibat Sekretariat perlu ada elaun tambahan nanti. 'So', saya walau bagaimanapun, mengalukan cadangan beliau.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Meru.

**Y.B. TUAN MOHD. FAKHRULRAZI BIN MOHD. MOKHTAR :** Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO berkaitan dengan di Meru sebenarnya kedua tertinggi pengundi India yang ada di DUN Meru, di negeri Selangor, cuma setakat ini kita tak ada KKI di Meru, jadi mungkin ada perancangan pada pihak ini, kerajaan ini untuk meletakkan seorang pegawai di situ.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Meru. Sebenarnya saya ada jawapan susulan. Perlu difahamkan sebelum ini kita putuskan berdasarkan kepada keputusan parti masing-masing. Jumlah yang kita ada adalah terhad iaitu 48 dan kita putuskan dengan cara permintaan dan perundingan yang berlaku, saya ucapkan terima kasih kepada Jeram yang membawa perkara ini sama seperti apa yang dibangkitkan oleh Meru tadi, sebenarnya memang cadangan beliau untuk sekurang-kurangnya seorang di setiap DUN, saya telah membawa perkara ini, dan kepada UPEN dan kertas MMKN telah disediakan. 'So', akan mungkin dalam masa terdekat, kertas MMKN akan dinaikkan dalam MMKN nanti harap nanti ada kelulusan daripada semua pihak. Itu adalah berhubung tentang komuniti kaum India, seterusnya saya terus bergerak kepada persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sentosa berkenaan dengan krimetorium, Kerajaan Negeri memang mengalukan dan juga sedia pertimbang sebarang permohonan dan juga perancangan krimetorium di semua PBT, setakat ini ada lima buah krimetorium yang telah pun terbina khususnya empat PBT, iaitu krimetorium Shah Alam di bawah seliaan swasta, dua buah dekat Petaling Jaya, satu di Subang Jaya dan satu lagi di Klang. Dalam pada itu, baru-baru ini Majlis Perbandaran Sepang juga telah meluluskan pembinaan sebuah krimetorium dengan bajet mereka sendiri. Ini telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri dalam pada itu juga, perlu diingatkan ada permohonan sebelum ini 2008 daripada ICU tersedia masih lagi ada masalah-masalah teknikal daripada permohonan mereka iaitu di kawasan Kuala Langat, Hulu Langat dan juga Klang yang mana bajet dan juga cara permohonan mereka masih lagi dikaji oleh perbandaran masing-masing, Pejabat Tanah dalam pada itu juga.

Dalam pada itu juga, jawatankuasa hal ehwal selain Islam, juga pada masa ini sedang mempertimbangkan keperluan untuk pembinaan sebuah krimetorium khususnya yang mana Klang kita masih lagi dikaji dengan cara mendalam sebab permohonan daripada HQ itu kami difahamkan tidak dilengkapi dengan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Majlis Perbandaran Klang. Dengan demikian, itu sahaja. Terima kasih.

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Kota Kemuning. Seterusnya kita jemput Seri Serdang.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan kepada portfolio saya. Saya ada banyak jawapan daripada Sungai Air Tawar, saya tunggu dia masuk baru saya jawab dia punya. Saya bermula dengan kesihatan dahulu, terima kasih kepada Subang Jaya dan Kampung Tunku, Kerajaan Negeri mengambil maklum peningkatan kadar pesakit mental di Selangor, dan keputusan kajian mobiliti kesihatan kebangsaan berkaitan statistik kesihatan mental yang agak mengkusarkan, Kerajaan Negeri menyatakan '*respond*' dan maklum balas bagi menunjukkan keprihatinan terhadap isu kesihatan mental dengan meletakkan peruntukan buat dua tahun berturut-turut bagi menangani isu ini. Beberapa program telah dilaksanakan pada tahun 2019 seperti pertama, program pemantapan kaunselor di pusat kaunseling Selangor dan hebahan tentang fungsi pusat kaunseling Selangor, program pemantapan kaunselor di sekolah rendah dan menengah yang terpilih, bengkel menangani stress bagi petugas-petugas barisan hadapan Kerajaan Negeri, kem pembimbing rakan sebaya (PRS), penjana minda sihat di peringkat sekolah menengah di seluruh negeri Selangor, bagi tahun 2020 Kerajaan Negeri akan terus merangka program-program yang boleh memberi impak dan '*outcome positive*' dalam mendepani isu kesihatan mental.

Program-program pada tahun 2020 akan diperluaskan daripada kesinambungan program-program yang telah dijalankan pada tahun 2019, di antara perancangan Kerajaan Negeri adalah pertama memperluaskan gelombang kesedaran kesihatan mental yang lebih '*significant*' melalui hebahan di media sosial dalam mewujudkan sikap positif dalam masyarakat terhadap isu kesihatan mental, memperkasakan latihan kaunseling kepada kaunselor-kaunselor di sekolah rendah dan menengah dengan melibatkan lebih ramai guru kaunseling, ketiga memperluaskan program kesedaran mental di institusi-institusi pengajian tinggi awam, keempat memperkasakan dan memperluaskan kem pembimbing rakan sebaya di sekolah-sekolah menengah dan melaksanakan jelajah kesedaran mental di setiap daerah dengan perancangan pelbagai aktiviti berkaitan kesihatan mental. Program kesedaran amatlah penting kerana tidak semua rakyat atau tidak semua orang faham bahawa kesihatan mental seperti juga kesihatan organ-organ lain yang boleh terganggu. Jadi kita kena mula dengan perspektif yang betul, sesiapa sahaja boleh mendapat gangguan dalam kesihatan mental, dan kesihatan mental tidak sama dengan sakit mental. Ia dua perkara yang berbeza.

Segala program yang dirangka dan dilaksanakan akan dinilai dan ditambah baik bagi memastikan objektif tercapai ke arah mengurangkan kes kesihatan mental dan memastikan rakyat beroleh manfaat dalam memacu gelombang kesedaran kesihatan mental yang sempurna. Saya mengucapkan terima kasih kepada Bukit Lanjan dan Sungai Air Tawar soalan mengenai Skim Peduli Sihat. Kedua-duanya tak ada...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Serdang, Kampung Tunku ingin mencelah.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Oh ya, '*sorry*'. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan kepada Y.B. Seri Serdang, adakah NGO-NGO yang mengendalikan isu masalah

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

kesihatan mental boleh 'tap in' dengan izin kepada peruntukan kesihatan mental. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Kampung Tunku. Memang boleh, memang semua kursus dan program yang saya sebutkan tadi adalah dilaksanakan oleh NGO dan 'the main' NGO di sini adalah PERKEMA iaitu (Persatuan Kaunseling Malaysia International) dan juga universiti-universiti seperti UKM dan UPM. Jadi kalau ada terutamanya program-program kesedaran yang hendak dilakukan saya mohon supaya proposal masuk awal sebelum kita buat SKTnya. Baik, ada lagi soalan mengenai, banyak daripada Sungai Air Tawar dan Bukit Lanjan. Saya jawab Semenyih dulu, Semenyih ada tak? Semenyih tak ada.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar ada.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih. Baik, Sungai Air Tawar dan Bukit Lanjan telah bertanya mengenai Skim Peduli Sihat (SPS), seperti yang kita tahu bahawa program Skim Peduli Sihat ini memang diteruskan pada tahun 2020, dengan penambahbaikan bilangan kad penerima telah dipertingkatkan daripada 65,000 kepada 85,000 kad. Namun demikian, buat masa ini kaedah pemberian kad sedia ada melalui sistem kuota mengikut DUN mengundi akan tetap diteruskan memandangkan sistem ini baru sahaja berkuat kuasa bermula Jun 2019 yang lalu. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus meneliti dan mengkaji mekanisma terbaik dan keberkesanan sistem kuota ini bagi memastikan golongan yang benar-benar layak mendapat manfaat daripada program ini. Kategori penerima tambahan sebanyak 20,000 kad ini akan turut diperhalusi sama, sama ada dikekalkan kategori sedia ada, atau diperluaskan ke kategori-kategori penerima yang lain seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan agar kuota ini dibuka kepada Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Komuniti India, golongan warga emas dan warga OKU. 20,000 tak banyak Yang Berhormat, sebab daripada 65,000 ke 85,000 saya kalau boleh semua warga emas saya nak masukkan ke program ini, tapi kita ada 200,000 hampir 300,000 warga emas, jadi kita perhalusi lagi supaya yang layak dapat.

Sungai Air Tawar juga bertanya mengenai denggi dengan panjang lebar, Kerajaan Negeri Selangor, Sentosa juga bertanya mengenai denggi, Kerajaan Negeri Selangor, mengambil perhatian serius terhadap situasi terkini demam denggi di seluruh negara khususnya di negeri ini, yang telah meningkat sebanyak 73.4% berbanding tahun 2018, bola tak menang, denggi menang. Untuk statistik bacaan sehingga minggu epik ke-44 tahun 2019, kumulatif kes denggi di Selangor telah mencecah 60,993 mewakili 55% daripada keseluruhan kes di Malaysia dengan 50 kes kematian telah dicatatkan. Saya selalu sebut dalam mesyuarat-mesyuarat bahawa kes kematian denggi adalah kes '*Unnecessary Death*'. Tidak sepatutnya berlaku terutamanya dalam negeri Selangor yang kira lebih terkehadapan dalam semua aspek kecuali dalam denggi. Saya pun taklah bangga dengan angka ini, saya malu sebenarnya. Tetapi kita ada cabaran-cabaran yang perlu kita hadapi.

Cabaran pertama adalah kepadatan penduduk yang terlalu tinggi di mana Selangor mencatatkan anggaran 6.52 juta orang mewakili 20% daripada kependudukan seluruh Malaysia. Jadi saya ingat kalau kita nak bandingkan dengan Kedah ke dengan Johor ke, dia tak sama, penduduk kita berlipat kali ganda daripada negeri-negeri lain. Faktor kedua

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

adalah wujudnya populasi *transian*, dengan izin di negeri ini, berikutan terdapat sebanyak empat buah IPTA utama dan lebih seratus IPTS di seluruh Negeri Selangor. Pergerakan keluar masuk pelajar-pelajar dari seluruh negara ke negeri ini juga boleh menjadi menyumbang kepada peningkatan kes demam denggi.

Faktor ketiga yang menyumbang kepada kenaikan (*chumalitive*) kes denggi ini adalah disebabkan mobilisasi penduduk yang tinggi kerana ramai di kalangan rakyat yang menetap di Selangor terpaksa berulang-alik kerja ke Kuala Lumpur dan juga sebaliknya. Selain itu, limpahan warga asing yang tinggal yang tinggi bekerja di negeri ini juga menjadi antara faktor utama kerana sering kali pihak penguasa kita mendapati kawasan persekitaran tempat kerja dan kediaman mereka ini menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Pihak Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, telah mengenal pasti tempat-tempat yang berpotensi menjadi sarang pembiakan nyamuk seperti bangunan terbiar, pusat *recycle* haram, tapak pembinaan terbengkalai, kenderaan terbiar, pengurusan bangunan strata, kebun-kebun haram dan kawasan pembuangan sampah yang tidak terkawal. Kerajaan Negeri sedar, tindakan pencegahan dan kawalan yang lebih bersepadu dan berfokus perlu dilakukan serta-merta bagi menghalang trend ini daripada berterusan. Kerana kita menjangkakan gelombang kenaikan kes kali ke 3 akan berlaku di penghujung tahun 2019 ini.

Untuk makluman bagi tahun 2019, terdapat tiga program baru yang telah dilaksanakan oleh Pihak Kerajaan Negeri bersama Jabatan Kesihatan Negeri iaitu

- i- Kempen Selangor Gempur Aedes 2019 yang menumpukan aktiviti kawalan *Sporadic* berfokus oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan sasaran melebihi 50% *locality* wabak melalui aktiviti penghapusan tempat pembiakan dikenali sebagai PKP dan *Lava Siding* yang memberi tumpuan kepada tempat-tempat tumpuan awam seperti pasar raya, tapak pasar malam, pasar pagi, pasar basah, pusat sukan, RnR dan rumah ibadah.
- ii- Program Selangor Bebas Aedes Di Tempat Kerja Dan Kuarters pula. Merupakan program strategi pencegahan jangka panjang inovatif, di mana fokus juga diberikan untuk aktiviti penghapusan tempat-tempat pembiakan di tempat-tempat kerja dan kuarters yang melibatkan hampir 200 agensi kerajaan seluruh Selangor yang juga termasuk agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan- Kerajaan Persekutuan. Tindakan penguatkuasaan yang berbentuk kompaun akan dikenakan kepada mana-mana agensi yang di dapati mempunyai positif tempat pembiakan aedes di premis mereka dan mereka akan dinamakan. Ini adalah agensi-agensi kerajaan. Jadi kita agak agresif di sini.
- iii- Kawalan biologi yang saya sebut sebelum ini di dalam jawapan soalan iaitu menggunakan nyamuk aedes dengan *Wolbachia*. Seperti yang telah saya jelaskan bahawa *wolbachia* adalah *microorganism* yang hidup secara semula jadi dalam organ-organ pembiakan serangga. Terdapat 16 lokaliti ...

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat, boleh saya mencelah sedikit. Yang Berhormat, saya tertarik dengan usaha-usaha yang akan di jalankan oleh pihak



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Kerajaan Negeri. Cuma saya ingin memberi sedikit cadangan iaitu, sejauh mana Kerajaan Negeri akan memberi penerangan kepada syarikat-syarikat ataupun kontraktor dan pembinaan projek-projek ini tentang kesedaran berkenaan dengan nyamuk aedes ini. Kalau kita lihat dahulu ada daripada Jabatan Kesihatan pergi ke rumah-rumah, di sekolah-sekolah, dia menerangkan jenis-jenis nyamuk dan apakah penyakit-penyakit yang akan dibawa oleh nyamuk ini. Tetapi tak ada penerangan yang *detail* kepada warga-warga asing ini tentang kesedaran berkenaan perkara ini.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih di atas cadangan itu. Sebenarnya, kalau pembiakan di lokasi-lokasi *construction*, pembinaan sudah berkurang Yang Berhormat, berbanding dengan sebelum ini, seperti mana juga yang berlaku di dalam premis-premis rumah. Kerana memang pihak berkuasa amat agresif dengan kontraktor-kontraktor ataupun tapak-tapak pembinaan yang ada aedes, mereka di kompaun. Tetapi memang..

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat, minta mencelah. Boleh saya tahu kompaun itu berapa nilai sekarang Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Kompaun dia kalau tak silap saya, maksima RM5000. Tetapi dengan tempat dengan pekerja asing ini, dalam perancangan kita untuk memanggil majikan-majikan yang ada pekerja asing supaya mereka mengadakan program-program ini di tempat kerja dan kita akan memberi penjelasan. Kami juga dalam proses untuk mendapat mungkin kita kata wakil-wakil daripada komuniti-komuniti ini untuk kita buat penerangan ini kepada mereka. Mengenai tadi tentang pencegahan dengan menggunakan nyamuk aedes *berwolbachia* ini, untuk makluman Kementerian Kesihatan telah memilih dua lokaliti di daerah Gombak dan empat belas lokaliti di daerah Petaling. Untuk makluman, Petaling adalah daerah yang paling tinggi denggi dan 20% daripada statistiknya berada di Petaling. Petaling sangat padat dengan kependudukannya.

Fasa penyelidikan bermula pada tahun 2017 melibatkan pelepasan nyamuk aedes ... *berwolbachia* di tujuh lokaliti dan satu lokaliti pelepasan telur nyamuk *berwolbachia* dan dua lokaliti di daerah Gombak dan enam lokaliti di daerah Petaling. Penyelidikan ini di lakukan oleh Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia atau IMR, dan sehingga kini kita ada fasa pertama pengoperasian yang melibatkan pelepasan telur nyamuk *berwolbachia* yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bermula 7 Julai 2019 melibatkan lapan lokaliti, kesemuanya di daerah Petaling.

Fasa pengoperasian seterusnya akan di tentukan oleh Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Kesannya daripada fasa penyelidikan yang telah dibuat, terdapat penurunan kes-kes denggi sebanyak 40-60% di setiap lokaliti yang melaksanakan program ini. Setakat maklum balas yang saya ada.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER :** Silakan Batang Kali.

**Y.B. HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya tertarik dengan usaha yang dibuat untuk mencegah aedes dan denggi. Cuma saya ingin tanya, sama ada pihak Kerajaan ada suatu kolaborasi dengan sekolah-sekolah Jabatan Pendidikan misalnya. Kerana saya pernah mengadakan satu



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

pertandingan untuk satu tempat, untuk kanak-kanak sekolah, untuk mencari jentik-jentik dan kita berikan hadiah untuk mereka. Ada yang bawa jumpa saya bukan jentik-jentik, dia bawa berudu. Ini menunjukkan mereka tidak tahu, apa sebenarnya jentik-jentik, apa sebenarnya berudu dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER :** Silakan Seri Serdang.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, untuk makluman Yang Berhormat. Pihak sekolahlah yang paling, paling responsif terhadap usaha pencegahan denggi ini. Kerana pihak sekolah, guru-guru besar dipertanggungjawabkan untuk memastikan kebersihan dan tidak ada tempat pembiakan dalam kawasan sekolah. Jadi kalau kita, itulah, modul ini lah yang kita guna, untuk kita kita buat program yang saya sebut tadi, Membasmi Nyamuk, Program Selangor Bebas Aedes di Tempat Kerja dan Kwarters. Dan kita meletakkan tanggungjawab di atas ketua, di atas pengarah, di atas ketua setiap agensi, seperti mana pihak sekolah, pihak PPD meletakkan guru besar sebagai orang yang bertanggungjawab memastikan tidak ada tempat pembiakan nyamuk di kawasan sekolah. Jadi sekolah lebih hebat lagi, mereka ada skuad denggi mereka yang berkempen dengan menyanyinya dan sebagainya. Jadi memang ada, tetapi mereka ada bersama dalam dengan Jabatan Kesihatan Negeri dan mereka memang telah melaksanakan. Memang perlulah itu.

Strategi terbaik bagi menghapuskan nyamuk aedes adalah dengan memastikan semua tempat pembiakan nyamuk terutama di lokaliti wabak dapat di hapuskan dan aktiviti penghapusan tempat pembiakan PTP ini perlulah di jalankan setiap minggu. Dia kena setiap minggu, bukan sebulan sekali. Jadi walau bagaimana pun, disebabkan jumlah lokaliti wabak yang banyak dan kekurangan tenaga petugas yang boleh digerakkan oleh Pihak Jabatan Kesihatan, dan juga PBT untuk tujuan ini, kemampuan pihak Kerajaan untuk menjalankan PTP hanyalah 1/3 daripada keperluan sebenar. Contohnya kalau kita ada seribu lebih, kata lah pada satu masa, kawasan wabak, kita hanya dapat melakukan PTP ini dalam hanya 1/3 sahaja. 2/3 lagi kita tak mampu. Kekurangan petugas dan sebagainya. Jadi ini lah sebabnya maka, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menambah lagi RM2 juta, dalam Bajet tahun ini, untuk kita menggerakkan, mengambil lebih banyak pihak untuk melakukan PTP ini. Justeru itu, saya menyeru kepada semua pihak PBT, ADUN-ADUN, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Komuniti dan seluruh masyarakat yang berada di dalam kawasan lokaliti wabak denggi, terutamanya lokaliti *hotspot*, agar dapat mengerakkan aktiviti gotong-royong setiap minggu menjelang tempoh akhir ini, tempoh akhir tahun ini, memberi tumpuan kepada usaha memusnahkan tempat pembiakan nyamuk.

Denggi tidak boleh ditangani oleh Kementerian Kesihatan sahaja dan pihak Kerajaan sahaja, kerjasama terutamanya daripada masyarakat setempat, agensi lain termasuk Kerajaan dan swasta serta badan-badan bukan kerajaan, amatlah penting bagi menjayakan agenda ini. Kerajaan Negeri juga menyambut baik cadangan Yang Berhormat Sg. Tawar berkenaan penyediaan *blueprint* untuk mengatasi isu denggi ini kerana pihak Jabatan Kesihatan Negeri bersama dengan Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor, sememangnya dalam fasa kedua penyedia *blueprint* tersebut yang di namakan *Blueprint Menangani Wabak Demam Denggi di Negeri Selangor*. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kandungan utama yang terdapat di dalam *blueprint* ini adalah sembilan perkara :

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

- 1- Tatacara Pelaksanaan Program *Smart* Tapak Binaan Negeri Selangor.
- 2- Tatacara Pembersihan Tanah Lapang, Lot Kosong dan Premis Terbiar Milik Persendirian.
- 3- Tatacara Penguatkuasaan Bangunan Tanpa Kebenaran di Atas Tanah Awam.
- 4- Tatacara Pemeriksaan Premis Barang Luluh.
- 5- Tatacara Pemeriksaan Lorong Belakang.
- 6- Tatacara Tindakan Kompaun Bagi Kawalan Wabak Denggi.
- 7- Tatacara Prosedur Operasi Bagi Penyelesaian Permasalahan di Bangunan Berstrata.
- 8- Garis Panduan Cari dan Musnah Denggi Dalam 10 Minit.
- 9- Garis Panduan Unit Tindakan Khas Denggi Negeri Selangor (UTKD).

Itu sahaja mengenai denggi. Mengenai rawatan *Tuberculosis*, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Sg. Air Tawar kerana membawa isu ini. Program bagi rawatan penyakit *Tuberculosis* (Tibi) adalah merupakan program baharu di bawah strategi ketika untuk mewujudkan Selangor yang Selamat dan Sejahtera dengan peruntukan sebanyak RM2 juta. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dalam usaha mengurangkan penularan penyakit Tibi. Salah satu faktor yang menyumbang kepada penularan penyakit ini adalah disebabkan pesakit tidak dapat menyempurnakan rawatan sepenuhnya kerana kekangan kewangan.

Oleh yang demikian, peruntukan sebanyak RM2 juta ini juga akan digunakan untuk meringankan beban pesakit melalui elaun rawatan dan elaun ganti tambang kepada pesakit-pesakit yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM1000.00. Elaun rawatan dan elaun ganti tambang ini bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan pesakit yang terpaksa berulang-alik ke hospital selama enam bulan untuk menyempurnakan rawatan. Kaedah pembayaran dan kadar elaun tersebut akan diperhalusi dengan lebih lanjut bersama pihak JKNS selepas mengambil faktor-faktor kritikal dan keadaan ekonomi semasa. Berkaitan isu penularan penyakit Tibi di penjara dan pusat rawatan, sehingga kini Kerajaan Negeri belum merangka perancangan khusus membendung masalah tersebut.

Namun yang demikian, pihak Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan garis panduan kawalan Tibi di Institusi Penjara Malaysia melalui bahagian kawalan penyakit KKM dan Jabatan Penjara Malaysia. KDN juga, KDN, Jabatan Penjara Malaysia KDN, bagi pencegahan dan kawalan penyakit Tibi di penjara. Garis panduan tersebut telah menerangkan *Standard Operation Procedur* (SOP) dengan lengkap bagi proses pencegahan dan rawatan Tibi di penjara untuk di patuhi. Kerajaan Negeri akan turut sama-sama memantau perkembangan semasa berkaitan isu ini.

**TUAN SPEAKER :** Seri Serdang. Pencilahan pada Sungai Air Tawar. Silakan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima Kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya berkenaan dengan penyakit Tibi ini. Seperti mana yang kita ketahui

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

sebelum ini penyakit Tibi ini dah ditangani dan boleh kata hampir tiada, ya. Tetapi semenjak kebanjiran warga asing, pekerja asing di negara kita mereka membawa balik penyakit Tibi ini kepada kita. Jadi apakah langkah-langkah daripada pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan pencegahan ini dapat dilakukan kepada warga-warga asing yang bekerja mahupun yang melancong ke dalam negara kita agar tidak membawa penyakit Tibi ini?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ok. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Sebenarnya untuk pekerja-pekerja asing yang datang melalui saluran sah ya, antara syarat mereka adalah mereka tidak ada penyakit-penyakit termasuk Tibi dan mereka melalui pemeriksaan kesihatan Fomema yang telah ditetapkan oleh kerajaan pusat. Mengenai mereka yang tidak masuk dengan saluran yang tidak ni memang susah dan sukar. Pertama mereka tidak ada akses kepada klinik-klinik kesihatan kita kerana mereka ini pun jenis tidak pergi ke klinik kesihatan dan hospital kerana bayaran mereka adalah bayaran untuk warga asing. Jadi kebanyakan mereka ini tidak mendapat saringan awal. Itu sebabnya tangan kita terikat di sini. Apabila warga asing yang datang dan mereka yang kita tidak tahu bawa apa penyakit. Saya kena berbincang dengan Kementerian Kesihatan dan sebenarnya KDN lah yang kontrol, mengawal sebenarnya dasar-dasar ini. Masalahnya adalah apabila kita membuka laluan katalah mengikut *humanitarian* dengan izin ya, kita nak memberi dan merawat semua orang yang sakit. Itu adalah pegangan Kementerian Kesihatan dan kita yang menjaga kesihatan tetapi oleh kerana mereka adalah pendatang asing tanpa izin, mereka tidak boleh masuk. Dan kita tak boleh beri rawatan percuma kepada mereka dan untuk orang awam, oleh kerana kita sekarang terdedah...

**TUAN SPEAKER :** Seri Serdang, pencilahan daripada Kota Damansara.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Boleh saya habiskan Tibi ini dulu sekejap? Oleh kerana masalah kita sekarang adalah *detection* ya, ataupun pengesanan peringkat awal. Di antara tujuan Skim Peduli Sihat kita adalah saringan, jadi sepatutnya kita pergi pemegang-pemegang kad SPIS ni bila dia pergi kepada doktor dia kena buat saringan minta buat x-ray kalau terutamanya dia batuk dua minggu tanpa berhenti untuk dia mendapat x-ray di bawah skim ini. Tapi malangnya kebanyakan daripada rakyat kita yang dapat Skim Peduli Sihat ini dia tak buat saringan dia pergi bila sakit untuk dapat rawatan ya. Jadi kita perlu Ahli Yang Berhormat mesti menggalakkan mereka daripada kumpulan ini untuk gunakan kad Peduli Sihat untuk membuat saringan untuk buat x-ray kerana Tibi ini mudah kita untuk kesan dengan membuat x-ray. Silakan.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Timbalan Speaker. Tadi berkenaan dengan Tibi yang tak sah tu pendatang asing. Ada tak statistik jumlah pendatang asing yang Tibi itu tadi ya?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Sangat spesifik dan saya terfikir kita tak ada statistik. Tanyalah pusat nanti. Jumlah pendatang tanpa izin pun kita tak tahu statistik sebenarnya kan tambahan pula mereka yang mempunyai penyakit tertentu ini. Dan mereka memang menjauhi hospitallah kerana kalau terpaksa masuk hospital mereka takut imigresen datang dan mereka apa ni juga akan kena membayar lebih daripada orang tempatan. Lagi satu yang menjadi kebimbangan kita adalah satu trend baru ya, di mana kenapa kita antara kita tidak ada bukti sah yang mengatakan ini sebabnya tapi mungkin menjadi satu penyebabnya di masa hadapan adalah bila kita terlampau kita

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

berasa selesa. Tadi Yang Berhormat sebut pada suatu masa dulu memang kita Tibi itu kita kira sudah basmi bukanlah basmi makna kita dah kontrol. Saya pun masa saya lulus dan bekerja sebagai doktor perubatan itu maknanya Tibi is, Tibi bukanlah satu perkara yang kita risaukan sehinggakan Pusat Tibi Negara yang dekat jalan Pahang itu ditukar menjadi Pusat Penyakit Respertori. Tetapi sekarang ini ada satu trend ibu bapa. Nak jawab ini..

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Yang Berhormat saya nak mencelah *last*. Nak mencelah *last* sekali.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ok. Boleh saya habiskan ni nak jawab fasal trend baru ini.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Ya boleh, boleh.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Sebab trend baru ni adalah ibu bapa yang enggan mengambil vaksinasi atau pelalian anak-anak mereka. Ya, jadi oleh kerana kalau mereka tak ambil tanpa pelalian itu dia risikonya lebih tinggi. Jadi kita perlu juga memberitahu kepada rakyat kita bahawa jangan sekali-kali memandang enteng kepada pelalian dalam yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan. So far, inilah rekod bagus kita yang dapat membenteng kita daripada penyakit-penyakit berjangkit. Silakan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya tertarik dengan Saringan Merdeka *Checkup* ataupun laporan perubatan yang kita mensyaratkan oleh Fomema. Soalan saya sama ada kita dapat memperketatkan lagi saringan ini kerana Fomema kebanyakannya kita akan melalui panel-panel klinik yang akan di buat di klinik-klinik yang berkenaan oleh yang disahkan oleh Fomema. So, bagaimana keterlibatan Kementerian Kesihatan misalnya bagi merigidkan lagi saringan-saringan ini agar kita dapat memastikan pendatang ini yang daripada luar negara memang sudah di saring di sana dan di saring sekali lagi di negara kita. Bagaimana kita melibatkan dengan kementerian kesihatan untuk merigidkan saringan ini, dapat kita tentukan mereka tidak terlibat dengan Tibi dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat Fomema adalah bawah kawalan pusat, kita akan bawa. Saya pun mungkin saya rasa, mereka pun sedar tentang perkara ini dan mereka akan memberitahu kepada kita tentang langkah-langkah yang telah diambil untuk mengetatkan syarat kerana klinik-klinik yang melanggar ini sudah tentu lepas itu akan diambil tindakan ke atas mereka. Ya, jadi yang merisaukan saya bukan yang datang melalui saluran halal ini tapi mereka yang datang dengan tidak sah kita ramai pelarian-pelarian daripada Rahinya, pelarian daripada Bangladesh pun ada semua. *Full spectrum*. Jadi insya-Allah mengenai Fomema nanti saya akan dapatkan maklumat lanjut daripada Pihak Kementerian Kesihatan ya. Baik. Itu saya kira saya sudah menjawab tentang penyakit *Tuberculosis* ini, seterusnya mengenai Bukit Lanjan telah membawa isu mengenai isu *Cardio Palma Recitation*, walaupun Bukit Lanjan tak ada saya anggap dia ada kat luar tu mendengar. *Cardio Palma Recitation* or CPR telah menjadi salah satu agenda di dalam program kesihatan pada setiap tahun. Beberapa program berkaitan CPR telah di jalankan bagi memberi kesedaran dan maklumat kepada masyarakat betapa pentingnya CPR sekiranya berdepannya dengan detik-detik

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

kecemasan. Pendedahan dan maklumat kepada orang awam mengenai CPR ini telah di jalankan di setiap penganjuran Karnival 3W di mana pasukan Selangor *Committee Onrrisitation Training* ataupun SCOT daripada berbagai hospital di negeri Selangor akan mengedarkan risalah dan menyediakan latihan praktikal bagi setiap pengunjung yang singgah di khemah pameran. Setakat ini aktiviti pendedahan CPR di Karnival 3W mendapat maklum balas yang memberangsangkan daripada pengunjung. Selain daripada itu kursus pendedahan CPR turut diberikan kepada penjawat awam yang mana melibatkan kakitangan di bangunan SUK dan juga kakitangan di setiap daerah. Kursus pendedahan mengenai CPR ini telah dijalankan sebanyak 2 siri dan akan diperkasakan dan ditambah baik pada tahun hadapan. Bagi meneruskan agenda pemerksaan kesedaran mengenai CPR ini juga Kerajaan Negeri berhasrat untuk membuat perolehan bagi mesin *automatic external deflator* atau AED yang mana akan diletakkan di ibu pejabat SUK. Mesin AED ini akan berfungsi sebagai pengecas jantung dan akan mengembalikan corak rentak jantung kepada normal sekiranya kakitangan atau pelawat mengalami serangan jantung.

Yang Berhormat Semenyih bertanya mengenai kemudahan kesihatan di dalam kawasan beliau. Makluman yang diterima daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, kelulusan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Semenyih kepada klinik kesihatan jenis tiga telah pun diluluskan oleh Kementerian Kesihatan pada Oktober 2019. Ianya telah dimasukkan di dalam rancangan Malaysia ke-11, *rolling plan* ke 4/2020. Bagi penambah baikkan Hospital Kajang pula proses pembinaan blok khas kesihatan wanita dan kanak-kanak dan blok kardiologi juga telah dimulakan dan dijangka siap pada tahun 2021. Untuk perkembangan pembinaan hospital di bawah anak syarikat Kerajaan Negeri, *Selgate Corporation* pula pihak Selgate mensasarkan untuk menguruskan enam buah hospital dalam tempoh sepuluh tahun dari tahun 2020 sehingga tahun 2029 untuk meningkatkan *accessibility* rawatan kesihatan terutamanya mensasarkan kumpulan M40 dan juga pemegang-pemegang kad Skim Peduli Sihat Selangor. Seterusnya saya nak jawab soalan mengenai kebajikan. Yang Berhormat Sungai Tawar dan Balakong bertanya mengenai SMUE. Seperti yang kita semua ketahui ini adalah inisiatif awal Kerajaan Negeri dalam menzahirkan keprihatinan golongan warga emas di Selangor.

Namun sebelum ini walaupun kita bagi RM2500.00 ia tidak memberi manfaat kepada warga emas itu sendiri kerana dia sudah duduk 6 kaki di bawah tanah. Jadi yang manfaatnya adalah keluarganya. dan mengikut cara kita membayar sebelum ini mula-mula dulu kita ada boleh membayar pada hari kejadian tetapi kemudian dibayar mungkin dua bulan, tiga bulan selepas kematian. Jadi kita melihat bahawa dia tidak memenuhi aspirasi kerajaan untuk memberi manfaat itu kepada warga emas dan seperti yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga bahawa warga emas mengalu-alukan walaupun RM100.00 untuk dia membeli-belah tetapi dia mengalu-alukan kerana ni dia dapat manfaat terus dan sekiranya umurnya panjang insya-Allah maknanya selagi dia hidup dia menerima RM100.00 setahun. Sebelum ini SMUE untuk *shopping* kita menghadkan satu keluarga satu, kalau suaminya warga emas dapat isterinya tak boleh dapat tapi sekarang dua-dua suami isteri sudah boleh dapat. SMUE ini. dan mereka boleh menggunakan pada bulan kelahiran mereka itu dan kita lihat daripada apa ini daripada gambar-gambar yang dikongsikan oleh Adun-Adun kita betapa sukanya warga emas apabila harijadi mereka atau hari lahir mereka di peringati oleh Adun sendiri. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bagi tahun 2019 selaras dengan usaha penjajaran IPR.

**TUAN SPEAKER :** Seri Serdang. Banting ingin mencelah.



**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Saya mohon ya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Serdang. Saya mengalu-alukan apa yang diumumkan oleh kerajaan dan sememangnya ini adalah satu perkembangan yang memberangsangkan. Kita sudah mula Skim Usia Emas. Cuma satu persoalan yang saya sebenarnya nak bertanya sejak awal tadi iaitu berkenaan dengan kesihatan warga tua. Kita tahu bahawa Skim Mesra Usia Emas ini kita akan membekalkan *voucher shopping* untuk warga emas sebanyak RM100.00 satu tahun. Setahun sekali. Apa yang saya lihat ialah sebenarnya ada keperluan di kalangan orang dan ia adalah pemberian *voucher* yang tidak ada, tidak perlu memenuhi syarat *incomenya*. Semua orang dapat. Kaya dapat, miskin dapat. Yang tak kaya, miskin pun dapat juga. Jadi apakah cadangan kalau kita ada penambahbaikan untuk program ini pada masa depan selain daripada kita beri *shopping voucher* mereka sangat bergantung juga pada ubat-ubat tertentu. Ia berkaitan dengan kesihatan. Apakah kita kalau kita memberi sedikit subsidi untuk mereka mungkin tak berapa banyak, sikit-sikit pun tak apa, sebagai tambahan kepada *voucher* itu mungkin *shopping, voucher* untuk mereka memberi ubat-ubat yang boleh mereka perlu makan sepanjang masa. RM20.00, RM50.00 setahun sekali dan sebagainya bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Ini cadangan daripada saya.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD:** Terima kasih Yang Berhormat Banting. Terima kasih atas cadangan itu kami akan bincangkan nanti dengan MMKN dan juga dalam *retreat-retreat* kita nanti. Cadangan itu baik Yang Amat Berhormat Banting tapi pelaksanaan akan menjadi sukar kerana apa yang diperlukan mereka sama ada kita nak bagi *cash* ataupun kita nak bagi ubat dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER :** Seri Serdang. Boleh sila duduk dahulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari, dengan ini saya menangguhkan sesi penggulungan daripada pihak kerajaan dan disambung semula ke pukul 2.30 petang. Mesyuarat ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 1.00 PETANG)**

**(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

**(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan di sambung semula dengan penggulungan daripada pihak Kerajaan. Dipersilakan Yang Berhormat Seri Serdang meneruskan penggulungan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya menyambung balik sedikit lagi mengenai Skim Mesra Usia Emas.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat, boleh saya mencelah.



**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Berkenaan Skim Mesra Usia Emas ini, saya ada sedikit pandangan iaitu berkenaan Skim Khairat Kematian yang telah ditamatkan, yang mana saya kira skim ini masih perlu lagi kerana Jom Shopping diganti RM100.00, saya bukan membantah maksudnya ditambahkan lagi, saya setuju tetapi dari sudut khairat kematian kadang-kadang ada beberapa keluarga khususnya dari luar bandar, yang amat memerlukan. Jadi sekiranya setelah dibuat semakan semula RM2,500.00 ini dilihat tinggi, saya rasa perlu ianya dikurangkan pun tidak apa tetapi masih perlu dikekalkan untuk membantu kepada mereka yang menerima musibah dan amat memerlukan bantuan ini.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Air Tawar, baik sebenarnya saya setuju tentang mereka yang ditimpa musibah, miskin. Saya ingat sebagai ADUN la ye, tidak ada halangan bagi kita untuk mengeluarkan peruntukan yang ada pada kita malah semenjak skim ini ditamatkan pada bulan Julai, ADUN-ADUN yang ada sudah mengeluarkan daripada peruntukan mereka untuk memberi dalam RM500.00 kalau keluarga yang memerlukan dan sebenarnya ini pun kita lakukan, Skim Mesra Usia Emas untuk orang yang berumur 60 tahun ke atas tetapi memang itu telah dilakukan oleh para ADUN untuk keluarga yang memerlukan tanpa mengira umur. Jadi sebab kita ada peruntukan, Insha Allah, bagi DUN Pembangkang ada penyelarasnya jadi boleh kita gunakan peruntukan untuk memberi kepada keluarga mereka yang meninggal.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU THIAN KHIEW :** Terima kasih Tuan Speaker, itu sebab Sungai Pelek minta peruntukan untuk kawasan jangan dipotong. Kalau kena potong macam mana perlu tolong, ikut cara EXCO. Itu pandangan saya, apa pandangan EXCO.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat, ini cara saya buat kerja. Bagi saya kalau setiap ADUN ada polisi-polisi tertentu bukan memberi bantuan dan sumbangan secara *ad hoc* ikut rasa hati, misalnya untuk mereka yang meninggal dalam keadaan memerlukan, kita letak berapa, jadi bila semua itu sudah diketahui oleh semua rakyat, ia tidak akan timbul dakwa dakwi, orang itu dapat orang ini tidak dapat. Saya sendiri kalau rumah terbakar saya meletakkan RM1,000.00 maknanya asal ada laporan Polis saja RM1,000.00, kalau misalnya mereka yang daripada lepas SPM nak masuk kolej dan sebagainya, maklumlah orang kita berpendapatan rendah, nak masuk Kolej Komuniti ke Universiti ke, saya letak RM500.00 juga. Jadi bila ada polisi-polisi tertentu yang kita letakkan di dalam ADUN kita, kita dapat mengawal sedikit, memang duit banyak mana, tidak mencukupi Yang Berhormat. Ini cadangan saya, tapi bagaimanapun saya rasa pihak Kerajaan Negeri memang nak jaga kebajikan rakyat. Insha Allah, sekiranya kemampuan kewangan itu ada, saya tidak fikir Y.A.B. Menteri Besar akan menahannya. Buat masa sekarang kerana kita ingin menjajar, inilah *approach* kita dahulu, kalau saya sendiri kalau boleh semua warga emas hendak saya bagi kad peduli sihat pada mereka, hendak bagi KISS pada mereka, hakikatnya duit tidak tumbuh dari pokok, kita perlu menunggu kemampuan negeri, Insha Allah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Mencelah Yang Berhormat EXCO. Ini pertanyaan.

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Banyak mahu mencelah ni, tadi ada membangkitkan tak, dalam saya punya ini hanya Sungai Air Tawar dan Balakong. Jadi bukan, tidak adil bagi kawan-kawan saya hendak menjawab soalan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Seri Sedang, Hulu Klang ingin bertanya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** OKU ada tak, ada soalan saya tentang OKU.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ada dalam perbahasan ke? Sekejap saya belum sampai untuk OKU itu. Jadi itulah jawapan kita kepada.. lagi satu ada lagi soalan mengenai SMUE ini. Kepada Yang Berhormat sekalian, ada yang bertanya mengenai bagaimana setengah mereka baru ini tidak dapat baucar itu disebabkan tidak dapat dikesan oleh PKM. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, YAWAS telah mengambil langkah memaklumkan kepada orang awam pada 27 September 2019 untuk mengemas kini maklumat peribadi khususnya nombor telefon bagi mengelakkan mereka terlepas daripada mendapatkan manfaat tersebut. YAWAS telah memberi link nya, dengan izin, kemas kini maklumat terkini secara *online* melalui laman web, SMUE yang pusat khidmat masyarakat boleh bantu mereka bila mereka datang adalah <http://smueyawas.my> untuk sebab baru-baru ini banyak rungutan bahawa hampir separuh daripada mereka yang layak sepatutnya menerima baucar tidak dapat dihubungi. Ini mungkin kerana telefon yang mereka guna itu, bertukar nombor. Jadi mungkin ini dapat dibantu oleh pusat khidmat sekalian.

Mengenai soalan daripada Kuala Kubu Bharu dan Kota Anggerik mengenai Bantuan Anak Istimewa Selangor, Yang Berhormat Kuala Kubu telah mencadangkan agar had umur bantuan Anis dimansuhkan. Kerajaan Negeri sedia maklum berkenaan kesukaran yang dihadapi oleh golongan OKU terutama kategori ketidakupayaan fizikal dan pelbagai adalah merentasi had umur mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif utama bantuan anak istimewa Selangor ini atau ANIS, diperkenalkan adalah untuk membantu anak-anak istimewa ini meningkatkan keupayaan dalam aspek *accessibility*, mobiliti dan kualiti hidup supaya lebih produktif dan inklusif dalam masyarakat. Hal ini selaras dengan Strategi Pertama Dasar Orang Kurang Upaya 2016-2022. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga ingin memberi penekanan terhadap anak-anak istimewa dalam kategori masalah pembelajaran dengan mengurangkan beban ibu ayah mereka yang terpaksa membayar yuran yang tinggi untuk mereka menghadiri sesi-sesi terapi pemulihan. Kita sedia maklum anak-anak kategori ini mempunyai peluang yang cerah untuk hidup berdikari sekiranya menjalani sesi terapi yang telah ditetapkan. Bagi golongan OKU yang melebihi usia 18 tahun, terdapat bantuan-bantuan lain yang disediakan untuk mereka dari pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Lembaga Zakat dan juga oleh pihak-pihak NGO, jadi tidaklah katanya mereka ini langsung tidak mendapat bantuan. Bagi mereka yang memerlukan bantuan dari aspek rawatan perubatan, pembelian peralatan mahupun bekalan nutrisi, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peruntukan di bawah bantuan sihat Selangor.

Saya sambung mengenai soalan daripada Yang Berhormat Hulu Klang mengenai infra dan keperluan tandas kepada Orang Kurang Upaya. Insha Allah, MTOS akan melakukan audit kepada Agensi-agensi dan bangunan-bangunan untuk melihat prasarana ini. Saya juga

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

kecewa kerana saya biasa pergi ke sebuah hotel dan ada tandas OKU, tapi bila saya bukan dan tengok, jadi tempat stor. Jadi Insha Allah, kita di bawah MTOS, sedang merangkakan bagaimana kita hendak mengaudit semua bangunan-bangunan dan sebagainya untuk memastikan orang OKU tidak terpinggir.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Sikit sahaja EXCO. Berkenaan dengan tandas OKU itu kan, betul tandas ada, yang jadi masalahnya tandas itu berkunci. Macam saya ini lah, OKUS, orang kurang upaya sementara, sebab kaki saya patah. Kadang-kadang kita hendak pergi *toilet* biasa betullah ia penuh. Kita pergi *toilet* OKU itu, nak pergi kunci. Dia suruh pula kita pergi ambil kunci, kalau dekat hotel itu disuruh pergi ke yang jaga kaunter. Sementara nak pergi ke kaunter itu, takut ia lebor, lebor kata orang Perak lebor disitu, saya minta Kerajaan Negeri nak kena tengok juga, takut lebor di pintu katanya.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Saya maklum Yang Berhormat. Itulah sebabnya program-program kesedaran OKU ini perlu diadakan oleh semua DUN. Tidak boleh mengharapkan semata-mata Kerajaan Negeri kerana program-program kita tidak, angka kita dalam setahun, mungkin beratusan sahaja, mungkin kurang sebab setiap kali kita membuat program kesedaran, bajetnya itulah kena bagi makan, bagi semua, tidak kurang daripada RM10,000.00 kalau kita buat satu hari. Sekurang-kurangnya kalau pihak ADUN sekalian nak buat program *joint venture* misalnya dengan pihak EXCO, saya sedia. Program kesedaran ini perlu kita beri kepada rakyat yang terbanyak kerana masih ramai yang tidak, yang menganggap kita buat ini atas belas ihsan kepada OKU makna konsep kebajikan sedangkan ia adalah hak mereka dan ini tidak ada. Kita lihat kalau katakan bangunan ini sendiri, yang mungkin dibina mungkin beberapa puluh tahun yang lepas, yang mana Y.B. Hulu Klang sendiri susah nak *access* bangunan ini sebab tidak ada jalan ataupun tidak ada *ramp* untuk kerusi roda. Jadi, saya sendiri telah meminta dan berkali-kali juga memberitahu kepada KPKT supaya kita panggil, kalau kita buat infrastruktur untuk orang kurang upaya, fizikal maka orang lain juga turut dapat manfaat, wanita mengandung, warga emas dan kanak-kanak, OKUS semua dapat manfaat. jadi minda ini perlu ada di dalam semua orang, jadi maknanya bahagian perancangan, arkiteknya, juruukur, *what ever* yang terbabit di dalam membuat fasiliti untuk awam perlu meletakkan perkara ini. Saya tidak ingat siapa, bila menyebut tentang parking lot

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih pada pihak Dewan kerana membuat *ramp* itu, tapi yang *living ramp* itu banyak orang berhenti saja, angkat. Terima kasih. Saya hendak mencadangkan adakah EXCO merancang untuk hidup sementara sebagai OKU. Contohnya Richard Gere pelakon terkenal Amerika yang berlakon di dalam filem *Homeless*. Dia berlakon jadi OKU dengan betul, orang bagi dia makan makanan busuk dan sebagainya, yang positif dan negatif. Jadi saya cadangkan kalau, EXCO ambil satu atau dua malam, siang pagi naik *wheelchair* macam kami. Ada perancangan tak?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat Hulu Klang, saya punya empati kepada OKU ini, *is my patience* ye saya merasa, malah dulu di dalam satu bengkel, sama minta kita semua jadi orang buta, tutup mata, cuba jalan menjadi orang buta, bagaimana perasaan kita berjalan tanpa pertolongan dan sebagainya. Sekarang ini keluarga OKU juga komplek, pelekat OKU yang diberi itu hanya kepada *driver* OKU, ia tidak diberi kepada keluarga OKU. Tetapi itulah yang ada di dalam peraturan, mereka kata kalau tidak ubah enakmen dan sebagainya, kami tidak boleh mengeluarkan pelekat OKU kepada keluarga OKU. Jadi bayangkan keluarga OKU membawa anak-anak yang bermasalah

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

tidak boleh memparkir kereta di slot OKU. Jadi banyak benda yang kita hendak buat, dan inilah harapan saya bila kita menubuhkan MTOS, Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya Negeri Selangor, untuk membantu Kerajaan Negeri mengutamakan apa perkara yang kita hendak kuatkuasakan dahulu dan bagaimana kita hendak kuatkuasakan kerana ini adalah perkara yang kita sama-sama rasainya sebenarnya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya hendak, tadi saya dengar ada banyak rancangan yang bagus untuk OKU dan sebagainya, cuma saya hendak satu, mungkin *confirmation* dengan izin, bila Kerajaan Negeri akan ada fasiliti, prasarana OKU dalam Dewan yang mulia ini. saya rasa ini adalah satu perkara yang mana kita telah bincang banyak kali, kita pernah bangkitkan perkara ini, kerana ini penggal ketiga saya, sejak penggal pertama saya, memang ada orang yang perlu masuk Dewan guna kerusi roda dan sebagainya, *so i think* kita perlu ada satu ketetapan bahawa, kita hendak buat di banyak tempat tetapi kita perlu bermula di dalam Dewan yang mulia ini, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan, Insha Allah saya akan *push* perkara ini, akan tolak perkara ini, mungkin tidak sempat Mac hadapan, maknanya kita perlu *planning*, Insha Allah, saya kali pertama saya dengar ini, padahal perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali. Boleh saya teruskan?

Yang Berhormat Timbalan Speaker, mengenai pusat aktiviti warga emas yang dibangkitkan oleh Bandar Utama. Sebagai makluman semua Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dan serius dalam membela dan menjaga kebajikan golongan warga emas terutamanya dalam Malaysia menuju ke arah negara tua 2030. Dasar warga emas negara dan pelan tindakan warga emas negara merupakan dasar sedia ada yang sentiasa menjadi panduan oleh Kerajaan Negeri oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan merangka program-program mahupun penambahbaikan yang memberi manfaat kepada golongan ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, lokasi penubuhan sesebuah PAWE, bukan pakwe ya. Ini hendaklah strategi dan mudah diakses oleh bukan sahaja golongan warga emas tetapi juga orang awam. Ia juga biasanya perlulah berhampiran dengan kemudahan awam. Penubuhan PAWE ini hendaklah selaras dengan garis panduan pusat aktiviti warga emas PAWE pindaan 2018. Kerajaan negeri sentiasa akan mengalu-alukan cadangan kepada penambahbaikan ruang dan peluang yang boleh dimanfaatkan dari PAWE. Buat masa ini PAWE dilihat boleh berperanan sebagai sebuah *one stop center* yang dapat memberikan perkhidmatan inter-generasi. Sebagai contoh golongan warga emas yang masih produktif boleh mengadakan kelas tambahan kepada anak-anak di PAWE. Ia bukan sahaja memberi ruang kepada warga emas ini mengisi masa lapang, memenuhi kekosongan jiwa berjauhan dengan anak cucu tetapi juga menurunkan warisan kemahiran dan pengalaman warga emas kepada generasi muda.

Sungai Kandis ada bertanya mengenai Pusat Jagaan Damai. Dah bagi tahu tak ada dalam ni. Tapi saya nak baca supaya nanti ada dalam rekod hansard dewan. Rumah Penjagaan Damai adalah merupakan sebuah rumah jagaan kejururawatan psikiatri yang masih belum berlesen dengan KKM sehingga kini. Usaha serta perbincangan menyeluruh telah dilakukan antara pihak pengurusan Rumah Penjagaan Damai dan Cawangan Kawalan

## **6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

Amalan Perubatan Swasta atau CKAPS. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan CKAPS Putrajaya bahagian Amalan KKM sejak tahun 2015 lagi. Namun sehingga kita pihak pengurusan Rumah Penjagaan Damai ini masih belum memperoleh borang 4 iaitu lesen untuk beroperasi daripada KKM kerana pelbagai faktor terutamanya melibatkan personel infrastruktur fizikal dan perkhidmatan yang ditawarkan seperti mana yang ditetapkan dalam Akta 586 serta peraturan-peraturan ini. Proses bagi melesenkan premis ini masih lagi berjalan antara pihak terlibat. CKAPS JKN Selangor juga telah banyak membantu pengusaha Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri dalam memberi penerangan serta penjelasan mengenai proses pelesenan berkenaan. Saya harap lepas ni ADUN Sungai Kandis saya akan bantu ADUN Sungai Kandis untuk memastikan rumah penjagaan Damai ini dapat didaftarkan. Pusat Cyber yang beralih kepada portfolio wanita dan keluarga. Banting ada menyebut tentang Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan bertanya tentang peruntukan. Pada tahun 2019, kerajaan Selangor telah peruntukan sejumlah RM50 ribu kepada Pusat Wanita Berdaya di setiap DUN. Di mana jumlah keseluruhannya adalah RM2.8 juta bagi 56 DUN seluruh Negeri Selangor. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 31 Oktober 2019 adalah sebanyak RM1,964,578.23 untuk 1053 program keseluruhan negeri, program PWB di mana sejumlah 40,909 orang peserta telah menerima manfaat di seluruh negeri Selangor. Daripada jumlah ini purata perbelanjaan bagi PWB untuk setiap bulan adalah RM3,508.00 bagi setiap DUN. Justeru jangkaan perbelanjaan keseluruhan Pusat Wanita Berdaya sehingga Disember 2019 adalah RM2,357,493.87. Kita ada jangkaan kita. Maknanya tak habis RM2.8 juta itu. Jadi saya meminta kerjasama semua ADUN untuk memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh PWB. Pejabat saya telah mengatur ataupun memberi arahan supaya menempuh atau membuat program di semua daerah-daerah mengundi supaya ADUN-ADUN kita dapat bertemu dengan pengundi wanita dan juga dapat mendapat maklum balas daripada rakyat. Saya tidak mahu mendengar esok ada ADUN yang kena marah sebab tak sampai tempat-tempat tertentu terutamanya tidak berjumpa dengan wanita.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Y.B. bagi satu minit saja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Batang Kali silakan.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Y.B. Timbalan Speaker ni memang senang nak celah sikit kalau dibandingkan dengan yang pagi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. PWB sebenarnya sudah merangka banyak program di DUN-DUN. Saya juga terlibat secara aktif. Cuma di peringkat akhirnya bila mana kita ajar menjahit katakan. Jahit tepi, jahit tengah, jahit serong dan sebagainya tapi akhirnya mereka tidak dapat memasarkan keluaran mereka. Kalau mereka boleh pasarkan keluaran mereka pun di mana mereka nak pasarkan. Pada saya mesti ada satu kolaborasi di antara kerajaan tempatan dengan PWB untuk mengenal pasti tempat-tempat yang betul-betul strategi. Bukan kita buat gerai misalnya di bawah pokok yang tak begitu sesuai. Kalau di tempat-tempat yang sesuai saya yakin dan percaya gerai ini akan menjadi tumpuan kepada masyarakat untuk membeli produk langsir misalnya. Jahit baju misalnya. Dan saya juga mencadangkan supaya Kerajaan Negeri kalau dapat buat suatu MOU misalnya dengan syarikat-syarikat besar seperti Jakel yang mengeluarkan kain-kain ini supaya kita dapat menghantar baju-baju sekolah misalnya kepada ibu-ibu yang sudah terlatih menjahit dan sebagainya. Kita hantar baju mereka jahit di rumah. Dan di rumah mereka boleh pasarkan ke Jakel misalnya dan pasar raya yang besar baju-baju yang mereka jahit di rumah ini. Dan



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

saya yakin akhirnya PWB akan dapat ke sasaran yang kita mahukan. Setelah kita mengeluarkan bajet yang begitu banyak. Minta maaf YB saya bertanya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Sebenarnya pemikiran Yang Berhormat dengan saya dan juga jawatankuasa STANDCO kita sama Cuma kita perlu berperingkat dalam kita melakukan perkara ini sebab keupayaan penyelia-penyelia ini tidak sama. Untuk makluman Yang Berhormat, sudah ada PWB-PWB DUN yang sudah dapat memasarkan produk-produk mereka. PWB tidak berfungsi sebagai orang yang memasarkan. PWB memberi pengetahuan dan kemahiran dan sekiranya selepas itu ada di antara mereka berminat dan hendak menjadi usahawan dan kita juga melakukan di antara modul peningkatan pengupayaan mereka adalah *marketing online* dan Insya Allah bersama dengan Yang Berhormat yang menjaga bahagian usahawan. Kita memang bercadang untuk mengadakan satu *online* semua jualan melalui *online*. Memang perlu pemasaran sekarang ini bagi saya lihat semua sangat tertumpu pada DUN itu sahaja. Tapi ada sudah DUN yang sudah boleh menjual barang mereka. Dan memang kita minta setiap DUN menghasilkan satu produk yang mereka boleh menghasilkan dengan jumlah yang banyak dan kita dalam proses sekarang ini bekerjasama dengan satu konsultan untuk memasarkan produk ini keluar negara. Jadi kita kena pilih produk kita kena pilih *design*. Banyak proses. Tidak semudah itu tetapi kita ada dah mula projek-projek rintis ini. Dan bagi mereka yang berminat untuk jadi usahawan setelah mendapat kemahiran mereka dinasihatkan untuk memulakan sedikit dulu. Kecil-kecilan dan ada rekod dan kita nasihatkan dia dan kemudian kita rujuk kepada Hijrah untuk mendapatkan tambahan modal perniagaan itu. Memang selalu Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan bertanya. Apa hasilnya. Adakah peningkatan pendapatan di DUN-DUN tertentu seperti Meru misalnya mereka rancak ada banyak produk yang mereka hasilkan dan memang dia sangat memerlukan. Saya panggil kepetahan penyelia itu, kecekapan penyelia itu dan mungkin juga dengan sedikit rangsangan dan dorongan daripada YB-YB ADUN membuka minda mereka bagaimana nak buat perkara itu. Kita tak boleh buat dalam satu atau dua sesi sahaja Yang Berhormat. Saya nak berubah kepada akademi kepimpinan wanita. Terima Bukit Lanjan kerana bertanya tentang ini. Mungkin tak semua lagi ADUN kita mengetahui tentang program ini. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Akademi Kepimpinan Wanita Selangor (AKW) yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 19 September yang lalu di mana ia telah digerakkan dengan kerjasama Pusat Wanita Berdaya, Institut Wanita Berdaya dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Akademi Kepimpinan Wanita ini bukan sahaja bertujuan melahirkan pemimpin wanita di peringkat komuniti bahkan juga untuk memastikan lebih ramai wanita mampu untuk menjadi advokator di peringkat akar umbi supaya usaha advokasi dan pemberdayaan wanita dapat dibuat dengan lebih menyeluruh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Akademi Kepimpinan Wanita ini memberi tumpuan kepada 4 bidang kemahiran dan kecekapan.

Pertama ialah kemahiran organisasi termasuk pengurusan modal insan, pengurusan strategi dan pengurusan kewangan. Modul kepimpinan politik undang-undang wanita yang terangkum dalamnya undang-undang wanita, negara dan antarabangsa. Sejarah dan teori politik sistem dan teori ekonomi. Juga kita memberi modul kemahiran insaniah termasuk di dalam kemahiran insaniah ialah kemahiran pengucapan awam, imej dan keterampilan diri, komunikasi berkesan dan komunikasi media. Dan kita juga menambahkan kefahaman gender untuk mereka sendiri memahami aruh perdana gender. *Gender responsive budgeting* dan audit gender. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program ini telah



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

menerima permohonan lebih daripada 200 orang. Pihak sekretariat telah membuka iklan pengambilan pelajar di meja sosial untuk menarik penyertaan dari kalangan wanita awam. Walau bagaimanapun, selepas melalui proses temu duga seramai 100 peserta telah terpilih sebagai *batch* pertama untuk program rintis tahun 2019. Daripada 100 orang ini 80% daripadanya adalah dari kalangan pada peserta yang telah dilatih di dalam program-program pembinaan kapasiti PWB seluruh Selangor manakala 20% adalah daripada peserta luar. Justeru saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat Bukit Lanjan agar pengambilan peserta di perluas pada semua pihak. Tanpa mengira latar belakang dan kami sentiasa mengalu-alukan penyertaan dari semua pihak untuk pengambilan kedua nanti. Saya juga ingin mencadangkan kalau boleh diterima semua lantikan politik wanita sama ada PBT, Ahli Majlis, AJK MPKK dan juga JKP boleh mengikuti kursus ini. Hanya 3 kali sebulan seminggu sekali. Dan semua ini ditanggung beres oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Bukit Lanjan juga bertanya mengenai adakah kita berhasrat untuk menyediakan kertas putih wanita 30% sebagai pembuat dasar. Terima kasih Bukit Lanjan ini adalah soalan yang saya sendiri tercabar kerana dalam menyiapkan mereka yang layak untuk sama-sama kita bawa sebagai pembawa keputusan, pembuat keputusan maka di antara pelan strateginya adalah mewujudkan AKW ini kerana kita sering mendengar apabila kita meminta kuota 30% ini dilaksanakan maka ada komen-komen seperti mana wanitanya. Ada ke yang layak?. Tapi kalau dia seorang lelaki, soalan ini tidak pernah ditanya. Kelayakan, tak ditanya lulus apa. Tak ditanya. Terima saja. Tapi kalau wanita inilah soalan-soalannya, ada tak wanitanya. Jadi inilah cabaran pada kita. Ahli-Ahli Yang Berhormat kuota minimum 30% untuk perwakilan wanita sebagai pembuat keputusan telah pun menjadi penanda aras antarabangsa sejak Platform Tindakan Beijing (*Beijing Platform for Action*). Pada tahun 1995, kesemua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu diminta supaya mengkaji semua kesan sistem pilihan raya terhadap perwakilan wanita. Sebagai penandatanganan konvensyen penghapusan kesemua bentuk diskriminasi terhadap wanita (CEDAW) ya Kerajaan Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan bahawa wanita dapat berdiri di atas tahap yang sama dengan lelaki dalam kelayakan untuk pemulihan pemilihan umum dan wakil dalam perbadanan awam dan politik negara. Walau bagaimanapun sejak Kemerdekaan Malaya pada Tahun 1957. Bilangan Ahli Parlimen wanita tidak pernah melebihi 15%. Peratusan perwakilan wanita Malaysia berada di belakang semua negara Asean Tenggara kecuali Myanmar, Brunei dan Thailand. Bagi pemimpin dan perwakilan wanita pula berdasar kepada keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Malaysia rekod menunjukkan bilangan wanita sebagai Ahli Dewan seramai 32 orang daripada 222 kerusi parlimen iaitu 14.41%. berbanding seramai 23 orang iaitu 10.4% pada bagi sesi sebelum ini. Bagi Dewan Negara pula Senator wanita adalah seramai 13 orang iaitu 19.4% daripada 67 orang senator secara keseluruhannya. Manakala untuk Ahli Dewan Negeri ADUN pula adalah seramai 62 orang daripada 505 kerusi ADUN iaitu 12.28% berbanding 58 orang iaitu 11.5% sebelum ini. Angkanya naik tetapi tidak banyak. *Alhamdulillah* di Negeri Selangor statistik PRU 14 perwakilan wanita di Selangor sedikit bukan saya minta maaf, saya ingat meningkat ruparupanya perwakilan wanita di Selangor sedikit merosot pada 21.4% berbanding dengan 25% pada PRU 13. *So this is not good for Selangor*. Tetapi *alhamdulillah* di peringkat EXCO kita telah memenuhi 30% itu. Jadi kita memang mengharap. Tadi tidak tanya pun Bukit Lanjang.

**Y.B.TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:**

EXCO.

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD:** Tadi tak tanya pun Bukit Lanjan je tanya.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** Ini hendak bagi sedikit cadangan, hendak penjelasan daripada Y.B. EXCO lah. Sejak Pakatan Harapan memerintah negeri ini kita tengok Kerajaan Pakatan Harapan memberi pengiktirafan kepada wanita contohnya kita punya Ketua Suruhanjaya SPRM wanita, bukan lelaki, wanita kita punya Gabenor Bank Negara wanita, Timbalan Speaker kita wanita, begitu juga Ketua Hakim Negara kita merupakan seorang wanita dan dilaporkan juga Ketua Polis, Negeri Perlis merupakan seorang wanita. Apa komen Yang Berhormat pengiktirafan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap wanita?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD:** Di peringkat tertinggi kalau kita tengok peringkat tertinggi itu, memang ada peningkatannya tetapi 30% itu belum lagi. Hanya belum mencapai 30%. Hanya apa ni di peringkat perjawatan dalam kerajaan kita sudah mencapai 30% tetapi kita tengok kita kena tengok balik secara seratanya. Di peringkat akar umbi belum mencukupi. Itu sebabnya kita perlu *create* kita perlu cipta *mass* kita perlu memperbanyakkan lagi wanita yang mampu untuk kita pertingkatkan naikkan membuat keputusan. Jadi kita perlu sangat kerjasama daripada semua orang ya..Tetapi saya hendak cerita satu benda di sini iaitu kenapa kita berada di tahap ini sekarang. Kerana sistem Pilihan Raya yang kita amalkan ini *first past the post system* ini ya...adalah satu sistem yang tidak mungkin kita akan capai tahap 30% ya kerana pemilihan calon dan sebagainya itu ya. Berbanding dengan kalau perwakilan berkadar senarai parti-parti *list propotional representation* . Di mana calon dalam bentuk senarai dan calon wanita boleh dinamakan cara selang seli di samping calon lelaki. Jadi kita punya masalah adalah *first fast the post system* ya. Jadi negara kita sebenarnya mengikut data IPU *Inter Parliamentary Union* daripada 50 negara yang mempunyai peratusan Ahli Parlimen wanita tertinggi 39 negara mempunyai komponen perwakilan berkadar ya..maksudnya *propotional system*. Antaranya 28 negara menggunakan perwakilan berkadar sebagai sistem tunggal mereka 11 negara yang lain mengamalkan sistem campuran berkadar *mix member propotion* (MMP) atau ahli campuran majoriti BN. *Mix member opsyen majoriti* MMP yang mengandungi komponen dengan kadar di samping sistem wakil tunggal atau sistem majoriti yang lain. Antara 39 negara yang lain selain negara-negara Eropah yang maju seperti Iceland 47.6% separuh ahlinya daripada wanita. Sweden 43.6%, Finland 42%, Norway 41.4% terdapat juga negara-negara sedang membangun di Amerika Latin, Afrika, dan Asia seperti Rwanda mempunyai 64% ya...Nicaragua 45.7%, Afrika Selatan 42.3%, Namibia 41%, Timur Leste 32.3%. Kita kalah dengan Timur Leste. Sebaliknya hanya 8 daripada 50 negara yang mempunyai perwakilan wanita tertinggi mengamalkan sistem Pilihan Raya sistem wakil tunggal ya. Seperti Malaysia dan Myanmar ya banyak negara lain yang menggunakan sistem wakil tunggal mempunyai peratusan perwakilan wanita yang sangat rendah. Jelasnya untuk memecahkan siling kaca bagi wanita dalam bidang politik kita mesti bagi mengubah sistem Pilihan Raya kita ya. Antara usaha yang pernah dijalankan oleh IWB dalam meningkatkan pelibatan wanita.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Seri Serdang. Bukit Lanjan ingin mencelah.

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Saya menyambut baik setakat ini apa yang disebut oleh Seri Serdang. Cuma mungkin saya hendak mohon melontarkan cadangan ini bukan sahaja untuk Seri Serdang tetapi kepada Sungai Tua, iaitu kita boleh lihat beberapa contoh, di luar negara sebagai contohnya satu negeri di Amerika Syarikat California yang pada tahun lepas telah menjadi negeri di Amerika Syarikat yang menetapkan kuota representasi wanita dalam Ahli Lembaga Pengarah ELP. Jadi Kerajaan negeri ada banyak GLC-GLC yang kita pun ada dengar pada pagi ini beberapa GLC yang besar saya ingin mencadangkan kepada Dato' Menteri Besar untuk menjadi negeri yang pertama menetapkan kuota jumlah kuota untuk representasi wanita di semua GLC-GLC di Negeri Selangor. Keduanya 30% kuota juga harus dilaksanakan di peringkat lantikan. Contohnya untuk lantikan untuk Senator yang datang daripada Negeri Selangor. Walaupun sudah dilantik dalam Dewan yang mulia ini tetapi untuk *next time* (dengan izin). Selain daripada itu, di Ahli Majlis di PBT itu pun lantikan bukan perkara yang susah. Kalau katakanlah kalau EXCO minta wanita yang berdaya, wanita yang cukup *qualification* dan sebagainya memang kita akan sekarang ada dan selepas AKW ini berjalan saya rasa kita ada satu kolam wanita yang ada kredibiliti pengalaman dan sebagainya. Untuk dilantik sebagai ahli majlis ketua kampung, PeBT dan sebagainya. Jadi apa mungkin Seri Serdang boleh tambah atau terima cadangan ini.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Bukit Lanjang. Terima kasih di atas cadangan itu. Memang itulah sebenarnya kami juga tetapi boleh pelantikan politik ini terletak kepada parti-parti yang melantik. Jadi komitmen perlu diberi oleh ketua-ketua parti misalnya Ahli Majlis ya. Dapatkah kita menamakan 30% daripada lantikan politik kita itu wanita ya. Sebab ini adalah lantikan ya. Jadi kalau apa ini pencinta-pencinta wanita yang ada kat sini semua memainkan peranan mereka memastikan bahawa yang mana kita boleh buat dulu kita buat ya. Misalnya Pilihan Raya lambat sikit kita hendak ubah. Tetapi dalam misalnya pelantikan Ahli Majlis Pelantikan PBT, pelantikan apa ni...Ketua Kampung ya, pelantikan JKP dan sebagainya. Misalnya JKP di Pulau Pinang, kalau MPKK dan JKP nya tidak ada 30% hendak apa ni..JKP tidak ada 30% wanita. Menteri KPKT tidak mahu menandatangani jawatankuasa tersebut. Jadi mungkin kita di Selangor boleh juga turut serta dalam perkara ini tetapi kita perlu sokongan. Daripada ADUN-ADUN dan apa ni..apa pemimpin-pemimpin parti ya dan untuk Pilihan Raya ya. Ini selalu menjadi masalah kerana sering kali bila hendak letak calon Pilihan Raya di mana-mana kawasan ya..ramai yang tidak kira melihat secara Makro sebab setiap kawasan diadakan calon-calon tertentu dan sebagainya. Jadi hendak menempatkan wanita dalam kawasan-kawasan tertentu penuh dengan cabaran ya. Jadi kita harap selepas ini kalau dapat 10 kerusi 3 kerusi wanita, kalau dapat 20 kerusi 6 kerusi wanita. Makna 30% calon PRU itu minimum kena bagi lebih takut tidak lekat 30% kalau hendak 30%. Jadi maknanya sekurang-kurangnya 45% atau 50% calon nya mestilah wanita, sebab kita bukan menang semua kerusi ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta mencela sikit. Minta menjelaskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Banting ya. Terima kasih tapi kalau saya ingin bertanya kerana kalau kita hendak calon Pilihan Raya itu sebenarnya di luar bidang kuasa Selangor itu adalah keputusan parti masing-masing. Cuma untuk perkara yang boleh yang atau pun terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri saya rasa tidak semestinya datang

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

daripada datang parti politik, yang ini kalau kerana membuat keputusan bahawa dalam lantikan untuk sesi Parlimen GCR akan datang kita akan menepatkan syarat macam ini dan kita jalan kita tetapkan bagi parti-parti mana yang menghadap kekosongan tetap akan diberi kepada wanita tunggu dia ada calon wanitalah...tetapi kalau semua lelaki tidak bolehlah. 30% saya rasa adalah satu angka ataupun peratusan yang boleh dicapai. Kita tidak risau di Dewan Negeri Selangor pun pernah kan dapat 30% tidak pernah *very close* lah ada *better than everyone already*. Jadi untuk sebab itu saya rasa tidak ada masalah sekiranya kita boleh apa ni menetapkan dasar itu. Dan daripada situ kita boleh beri kemampuan atau pun satu apa ni satu papan loncatan ya untuk menaikkan wanita ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Yang Berhormat saya ada tambah sikit mungkin Yang Berhormat tidak tahu dasar dalam pelantikan Ahli Majlis. Sebenarnya pada Tahun 2013 Kerajaan Negeri telah pun membuat satu pekeliling di mana telah disyaratkan pelantikan Ahli Majlis 30% hendaklah daripada wanita tetapi masalahnya Yang Berhormat- Yang Berhormat yang berada di sini yang menjadi pemimpin parti tidak mematuhi itu mendatangkan masalah pada Kerajaan. Pada hal kita telah buat 6 tahun dahulu tetapi Yang Berhormat sekalian yang duduk di sini yang memperjuangkan wanita untuk wanita tidak sendiri tidak mematuhinya. Jadi apa Kerajaan boleh buat? Jadi itulah jangan kita memperjuangkan di sini. Balik ke parti kita usahakan supaya yang syarat kerajaan itu dipenuhi oleh parti. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Y.B. Bandar Baru Klang yang membantu saya. Saya lupa fakta itu sebenarnya. Saya tahu itu sebab kita perlu kerjasama daripada semua pihak. Tetapi Yang Berhormat di antara perkara yang disarankan oleh wanita tiga-tiga parti kita sudah ada sebelum ini Pakatan wanita, wanita Pakatan Harapan telah membawa kepada semua *State Government* sebenarnya. Kerusi tambahan untuk wanita *women only additional sit* makna dia ADUN tanpa kawasan. Yang ini telah dilakukan enakmen ini sudah ada di Sabah dan Terengganu ya. Terengganu melantik ADUN tanpa kawasan wanita ya dan ia boleh di apa ni diperkenalkan dalam Negeri Selangor. Mungkin Y.A.B. Menteri Besar boleh memikirkan perkara ini dan mendapat sokongan daripada sekalian ADUN kita ya. Kalau dibawa nanti jangan ditentang.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** MB tiada tanpa kawasan tiada.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ok. So jadilah apa yang kita hendak buat kit sedar bahawa kesedaran tentang keperluan wanita bersama membuat keputusan ini tidak begitu menyeluruh. Termasuk di kalangan pemimpin-pemimpin agensi-agensi dan kakitangan kerajaan berpangkat tinggi. Sebenarnya banyak sudah apa ni kajian-kajian dibuat sekiranya ia perwakilan sebagai membuat keputusan ini meningkat. Ini telah menunjukkan produktiviti akan turut meningkat. Ia menguntungkan ekonomi negara. Kita boleh.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang terhormat Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Sikit je.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Tadi tak tanya...

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Sikit je bagilah saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Dah lulus dah. Saya pencinta wanita tetapi saya secara peribadinya tidak bersetuju kalau 30%, 15% itu pun sudah kira tinggi sebab saya bercakap demikian kerana mengambil kira soal kadang-kadang wanita ini apabila hendakkan kuorum untuk membuat keputusan, dia tak rasional, dia emosional. Jadi...

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Saya membantah.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIM :** Ini seksis ni. Jangan seksis.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tak, sabar-sabar. Ini.. sabar.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Minta tarik balik.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Kita bercakap...

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIM :** Cari pasal, padan muka.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tarik balik. Tarik balik.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Sebab kalau 30% ini...

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAH :** Dah kena ganja ni.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Y.B. Timbalan Speaker, minta dia tarik balik.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Itu satu jumlah yang besar. Sebab kebiasaannya berlaku. Nampak yang marah ini, emosional.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Jeram, soalan. Tarik balik ke tak?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bukit Lanjan. Peraturan tetap.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Saya minta Jeram untuk tarik balik dan buat sedikit *reflection* apa yang disebut tadi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat, kita ini demokrasi. Tidak ada isu untuk tarik balik. Jadi saya ada berhak. Saya berhak untuk bersuara Yang Berhormat untuk memberi pandangan sama ada pandangan saya diterima atau tidak itu terpulang tetapi kalau Yang Berhormat minta tarik balik itu tidak patut. Terima kasih.



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Memang kita ada peruntukkan di bawah peraturan tetap dan ini bukan kali pertama kita ambil tindakan atas wakil rakyat yang menghina wanita dalam dewan yang mulia ini. Jadi jangan...

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat, ini bukan menghina. Saya memberi satu fakta di mana orang sedia maklum. Kadang-kadang ini wanita ini buat keputusan secara emosional. Itu sahaja. Kalau tidak, katakan tidak.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker, saya rasa itu bukan fakta. Itu pendapat, *opinion*. Saya minta Jeram sekali lagi untuk tarik balik.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI:** Minta maaf la, saya memang tak tarik balik lah. Minta maaf itu boleh tetapi tarik balik tidak lah.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Kita teruskan. Sekiranya itu pendapat daripada Jeram. Kita minta Seri Serdang untuk teruskan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD:** Tak apa, saya tidak berapa melayan 15% itu. Sebab saya tidak emosional cuma saya merasakan persepsi itu pun satu. Kalau kita kata wanita itu emosional, banyak orang lelaki pun emosional juga. Kalau tidak keganasan yang berlaku, memukul wanita tepi jalan itu semua emosi. Jadi tidak berasas. Jeram, saya nak bagi tahu ini ye, Jeram jangan pengsan. Kami minta minima 30% sebagai permulaan tetapi kami boleh pergi sampai 50% dan lebih. Itu sebabnya, saya berazam supaya kami boleh *create a mass* wanita yang ada kemampuan memimpin. Kalau tidak, saya tidak buatlah AKW ini.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Sebab itu saya kata jangan bagi 30%, 15%, akan datang akan naik lagi 30. Ini dah bagi 30 dia nak 50.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Saya nak cuba...

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Tak apa Jeram. Boleh tukar.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Jeram, saya nak sebut begini. Kependudukan kita sekarang 50% wanita, kalau itu kita ambil setengah tempat 50% lebih ada setengah tempat sikit lagi nak sampai 50%. Kita adalah manusia diberi keupayaan yang sama oleh Allah s.w.t jadi keupayaan ini yang ada pada wanita sama dengan lelaki. Jadi janganlah lagi kita mengeluarkan, cuma kita nak mengatakan bahawa wanita yang ada sekarang tidak mempunyai platform ataupun kita tak *fight on the level playing ground*. Kalau di beri *level playing ground*, *in sya Allah* wanita dapat membuat lebih baik daripada ini. Jadi *level playing level ground* itu adalah bagaimana kita mendidik masyarakat untuk berkongsi tanggungjawab. Kalau dulu 20-30 tahun dahulu wanita duduk rumah, dialah jaga anak, dialah semuanya, semuanya dia. Suaminya balik, sila panggung baca surat khabar. Tetapi sekarang wanita mencari rezeki, tolong suami. Maka suami, para kaum lelaki perlu kita didik untuk mengambil sama tanggungjawab dalam rumah tangga supaya wanita boleh ambil tanggungjawab yang mereka boleh buat di dalam masyarakat. Wanita berupaya dan saya yakin dengan sedikit latihan mereka boleh menjadi wanita-wanita yang sangat objektif dan wanita ini kalau dia fikir program, projek dia tidak fikir diri sendiri. Yang Berhormat



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

sekalian, boleh tengok kepada wanita dalam masyarakat bagaimana ibu-ibu berkorban hanya kerana anak-anak dan bila kita membuat program kita hanya fikir rakyat. Jadi itulah antara perkara, Jeram nanti kita...saya tidak emosional cuma ini *style* saya bercakap bersemangat. Baik, saya nak pergi sikit lagi tentang apa yang kita nak buat. Saya sebut tadi tentang bagaimana...

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAH :** Jeram dah insaf dah doktor.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Bagaimana kita nak meningkatkan kesedaran ini. Di dalam perancangan *STANDCO* wanita, kita akan melaksanakan gender *mainstreaming*, latihan-latihan gender *mainstreaming* yang akan melibatkan pada permulaannya EXCO-EXCO dan pegawai-pegawai kerajaan untuk memahami apa itu gender *mainstreaming*. Dia bukan persaingan antara lelaki dan wanita, dia adalah kerjasama yang keputusannya adalah *synergistic*, dia bukan eksklusif maknanya dia wanita ambil lelaki tak ada tidak. Kalau kita buat sama-sama maka keputusannya lebih baik untuk negara dan untuk rakyat kita. Jadi, Yang Berhormat Bukit Langan, in sya Allah satu kertas putih 30% wanita sebagai pembuat dasar ini akan kita bengkelkan dengan pihak IWB untuk kita bawa ke KPWKM. Untuk makluman, sudah ada cadangan-cadangan yang kita bawa kepada jawatankuasa pembaikan sistem dan undang-undang pilihan raya baru-baru ini. Saya sudah bertemu dengan pengerusi ERC, yang di pengerusi oleh Tan Sri Rashid Abdul Rahman, dia baru sahaja. Dan kita telah mencadangkan antara langkah-langkah berikut untuk diambil:

- (1) Adalah untuk mencadangkan kepada kabinet, kuota parti sukarela (*volunteer* parti kuota) dimana parti-parti politik yang memenuhi kuota ini akan diberi insentif oleh pihak kerajaan.
- (2) Kuota calon berkanun, (*regislated candidated*) kuota ditetapkan oleh perlembagaan atau undang-undang pilihan raya. Kalau dia ada undang-undang dia patuh, kalau tiada undang-undang dia panggil *discretion* (budi bicara).
- (3) Kerusi rizab simpanan berkanun (*regislated reserve sitted*) penetapan kerusi-kerusi tertentu untuk dipertandingkan oleh wanita sahaja. Ini *state* boleh buat dengan persetujuan ketua-ketua parti sebenarnya.

Dan satu lagi yang saya sebut tadi, kerusi tambahan untuk wanita. Jadi setakat itu sahaja jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Seri Serdang. Seterusnya Pandan Indah, dipersilakan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan penjelasan berhubung dengan pertanyaan-pertanyaan dan juga saranan dan juga ulasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan infrastruktur dan pertanian. Saya mulakan dengan infrastruktur, masalah berhubung dengan infra berkaitan dengan air sungai, pengairan dan saluran. Saya menerima banyak pertanyaan kemungkinan musim hujan ini, musim banjir ini, jadi begitu banyak soalan-soalan yang berkaitan sistem saluran dan juga pengairan. Saya menerima beberapa komen daripada Sungai Air Tawar, Subang Jaya, Balakong, Kota Anggerik, Rawang, Sungai Ramal, Sungai Burong, segala semua sungai

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

kecuali Sungai Tua sahaja belum. Sungai Kandis, Bandar Utama, Meru, Bukit Melawati, bukit pun ada banyak masalah banjir, Semenyih, Taman Medan, Kota Damansara dan Sungai Panjang. Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang Jaya, tentang kemampuan sistem saliran dan juga pengairan untuk menyalurkan banjir, air-air yang banyak ini mengelakkan banjir. Dimaklumkan bahawa kapasiti ataupun kemampuan sistem saliran dan perparitan dan pengairan kita adalah setakat hujan di sekitar 60ml. Ini merupakan angka yang kita gunakan untuk mereka bentuk sistem saliran perparitan kita. Tentu akan ada yang berkata boleh kita tingkatkan lebih tinggi lagi, tetapi boleh. Tetapi kos akan meningkat lebih tinggi, menyebabkan masalah dari segi kekangan kewangan. Jadi *design*nya ialah di sekitar 60ml dan kita dapati kebelakangan ini kadar hujan *intensity* hujan terlalu tinggi, hingga mencecah lebih 100ml. Sudah menjadi satu yang agak biasa dah. Ini merupakan satu kadar yang tidak akan mampu ditampung oleh sistem perparitan dan saliran kita. Dan dengan sebab itu berlaku banyak banjir-banjir kilat dan ditambah juga sedikit sebanyak juga sistem selenggaraan kita yang agak tidak sempurna. Dan untuk persoalan ini kita melihat penyelesaian kepada.. saya menjawab secara umum ini sebab banyak soalan yang sama berkaitan. Jadi kita kena faham bahawa komponen utama dalam mitigasi banjir ini ialah melibatkan:

- (1) Sistem saliran itu sendiri;kemudian
- (2) Sungai;
- (3) Longkang monsun; dan juga
- (4) Rangkaian perparitan
- (5) Dan satu lagi komponen penting ialah kolam takungan banjir

Dan kita mempunyai di sekitar 600 kolam takungan banjir di seluruh Selangor, dan saya dah maklumkan dalam sidang yang lepas kita hanya ada 40 sahaja yang diserahkan kepada JPS untuk selenggaraan. Dan kita sedang melaksanakan program untuk penyerahan ini kepada JPS tapi memerlukan sedikit masa kerana kebanyakan kolam-kolam ini kolam yang lama dan kita menghadapi masalah mengenal pasti tuan ataupun pemilik-pemilik tanahnya dan juga terpaksa dibuat *design* semula atau *drawing*nya, lukisannya untuk kita dapatkan *expert drawing* untuk tujuan kita gazetkan ataupun kita wartakan kolam-kolam ini. Ini memakan masa dan dalam pada masa yang sama ada sebahagian kolam ini ialah di bawah PBT dan ada yang juga di bawah pihak ketiga. Pihak ketiga ini yang menjadi masalah sedikit untuk kita selenggarakan, kadang-kadang kita bila buat selenggaraan tanpa kita ketahui tuannya kadang-kadang dia mengambil tindakan undang-undang kerana mencerooboh kawasan mereka. Jadi komponen-komponen ini untuk diselesaikan bersama, kalau sistem perparitan dan longkang yang cantik, tapi kalau kolamnya tidak, dia tidak mampu menampung isu banjir kilat. Kerana banjir kilat ini perlukan satu kolam untuk ditahan air itu sementara sehingga air sungainya surut baru kita boleh lepaskan ke sungai-sungai ini. Ini yang menjadi selalu banjir kilat. Dan kalau di kawasan-kawasan yang rendah di Kuala Selangor, di Klang ini pula satu lagi tambahan isu banjir ini tambahannya ialah mereka ini akan menghadapi *backflow* ataupun air yang bila berlaku air pasang, ditambah dengan air sungai yang banyak, air pasang di laut menyebabkan air berpatah balik dan ban-ban yang rendah ini akan melimpah airnya menyebabkan banjir. Ini yang berlaku di Kuala Selangor baru-baru ini dan berlaku di Klang. Kawasan-kawasan di muara sungai, ataupun kawasan rendah ini menerima padah yang lebih bergandalah menyebabkan perlu ada tambahan iaitu kita perlu tingkatkan, naikan ban, ketinggian ban sungai itu dan juga menyediakan tempat-tempat pengepaman. Ini yang kita kena faham dan kita sedang berusaha dan Alhamdulillah kita telah berjaya menyelesaikan beberapa

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

tempat yang sedang menghadapi masalah termasuk Klang yang kali ini nampak kurang sikit bertanya mengenai banjir, kurang sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bandar utama ingin mencelah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Bandar Utama belum sampai lagi. Tunggu dulu ya. Untuk ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandan Indah, Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Bukit Melawati pun belum sampai. Kejap lagi...

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI:** Yang tadi Yang Berhormat sebut Kuala Selangor, banjir baru ini. Berkenaan dengan kawasan rendah dan sebagainya. Saya di fahamkan setelah perbincangan dengan pihak Yang Amat Berhormat, ada dimaklumkan bahawa tindakan *retention pond* ataupun pendalaman HORAS dan juga ORS Hang Tuah akan dilaksanakan kena dijangka masih ada lagi baki taburan air hujan yang belum turun ataupun sehingga hujung tahun ini. Jadi saya bimbang akan berlaku lagi kejadian banjir, jadi bila operasi ataupun pelaksanaan pendalaman HORAS ini?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Melawati, saya perlu tegaskan dan sebutkan di sini bahawa kajian yang kita buat baru ini mendapati sebenarnya tidak ada langsung banjir ini berkait dengan HORAS. Ini kita kena fahami. Operasi HORAS di sebelah Sungai Selangor ini adalah untuk simpanan air kita dan sebarang pelepasan air yang keluar dari situ tidak sebenarnya menyebabkan banjir di Sungai Selangor. Jadi itu kita kena fahami dahulu dan saya akan menyentuh senarai ini bila dah sampai ke Bukit Melawati ya.

Tentang daripada Rawang berhubung dengan masalah projek tebatan banjir di Sungai Gong. Jadi di sungai, di tempat ini memang sangat unik dan saya difahamkan masalah ini dah berlarutan lebih 10 tahun. Jadi Yang Berhormat Rawang memang begitu, tiap kali akan menimbulkan perkara ini, dia melibatkan bukan sahaja masalah banjir di sini juga melibatkan masalah jalan B27 iaitu di panggil *missing link* di situ dan saya akan sebutkan di sini tentang projek Sungai Gong ini dia juga bercantum dengan satu sungai lagi di situ iaitu Sungai Bakau. Jadi Sungai Gong ini telah pun ada program tebatan banjir dan telah 95% nya telah siap dengan kos 7.6 juta dan dijangka siap pada Disember 2019 hanya ada struktur sahaja lagi 5% untuk disiapkan walaupun kita ada menghadapi masalah dengan kontraktor ini kita sedang, telah pun mengenakan LED padanya dan nampak ada sedikit perjalanan, pergerakan dan kita sedang memerhati, meneliti supaya dia siapkan sebelum akhir tahun ini. Projek tebatan banjir di Sungai Gong ini.

Dan satu lagi yang kita sedang rancang dan untuk makluman Rawang, kita telah pun menyiapkan laporan awal keperluan untuk mewujudkan kolam takungan juga di Sungai Bakau yang berdekatan kerana apa Sungai Gong ini kolam tebatan ini tidak mampu menampung air yang ada di sekitar kawasan ini dan diikuti pula dengan pembinaan *missing link* di situ kita berkeyakinan saya pun telah minta pada JKR dan mereka telah pun memasukkan dalam untuk program tahun depan bagi pembinaan *missing link* ini dan dibetulkan sungai ataupun anak sungai di situ dan saya yakin dengan usaha ini akan dapat menyelesaikan masalah jalan di situ B27 dan juga masalah banjir di kawasan berkenaan.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Untuk soalan daripada Sungai Ramal berhubung dengan *Friend of Rivers*, saya rasa ramai yang bertanya mengenai *Friend of Rivers*. Dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 25 Januari 2019 telah meluluskan pengwujudkan Jawatankuasa Pelaksana Pemuliharaan Sungai-sungai di Negeri Selangor yang saya sendiri pengerusikan. Ini adalah merupakan badan yang terletak di bawah yang di diurusetikan oleh LUAS bagi memantau pelaksanaan ataupun kualiti air sungai-sungai kita. Jawatankuasa ini ada 5 teras perancangan pemuliharaan sungai. Pertama, pelaksanaan *road map* dan pelan tindakan pemeliharaan semua sungai-sungai ya bukan satu sungai aje, semua sungai di Negeri Selangor. Penubuhan *Friend of Rivers* iaitu penglibatan pihak NGO dan juga masyarakat tempatan dalam memulihara dan memantau keadaan sungai di kawasan masing-masing. Hah ini, saya bukan ingin merujuk juga kepada saranan daripada Yang Berhormat Kuang berhubung dengan pelantikan ketua sungai-sungai ini tapi sebenarnya kita telah pun ada rancangan tidak lah kita lantik ketua sungai tu kalau tidak sungai daripada Klang sampai ke Kuala Lumpur susah lah satu orang nak jaga. Jadi kita ada bahagian-bahagian tertentu sungai tu terdiri daripada *Friend of Rivers* yang berbeza-beza yang menjaga kawasan masing-masing dengan aktiviti masing-masing telah pun berjalan sebenarnya cuma kita akan perluaskan lagi. Ketiga ialah pendidikan alam sekitar di bawah Jawatankuasa ini dan seterusnya pelaksanaan anugerah kepada *Friend of Rivers* pada hari sungai sedunia peringkat Negeri Selangor dan kelima melaksanakan promosi dan kempen pemeliharaan sungai dalam media masa dan media sosial.

Sehingga kini terdapat 16 FOR ataupun *Friend of Rivers* ini telah ada 16. Ditubuhkan di Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor. Pewujudan FOR ini ataupun *Friend of Rivers* ini akan ditingkatkan lagi berdasarkan teras-teras perancangan pemeliharaan tersebut. Saya minta kerjasama juga daripada ADUN-ADUN, daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat di kawasan masing-masing yang ada sungai supaya dapat menghubungi pihak kami untuk kita wujudkan *Friend of Rivers* di kawasan masing-masing yang ada sungai ini untuk membantu merencanakan lagi program kita, pemuliharaan sungai-sungai kita. Untuk

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandan Indah. Banting ingin mencelah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Pertama sekali saya mohon supaya diberi jawapan, butiran terperinci tentang *Friend of Rivers* untuk Lembangan Sungai Langat khususnya Kuala Langat. Kedua, saya juga ingin bertanya tentang pelaksanaan program ini di mana ianya akan melibatkan peruntukan sejumlah peruntukan sebanyak apa ni 500 ribu ringgit. Soalannya ialah bagaimana peruntukan ini akan digunakan untuk membersihkan atau pun melindungi Sungai Langat ini memandangkan ianya, pastinya akan bertindih dengan fungsi dan bidang kuasa Jawatankuasa Alam Sekitar di bawah Yang Berhormat Kajang jadi saya ingin bertanya apakah penyelarasan di situ.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Banting. Untuk pendetailan 16 ini saya tidak ada maklumat di sini saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat tapi ada 16 buat masa ini dan Jawatankuasa ini sebenarnya Jawatankuasa bukan sahaja terdiri daripada *Friend of Rivers*, Jawatankuasa yang saya pengerusikan ini meliputi semua pihak, jabatan dan agensi yang terlibat dalam aspek pemuliharaan sungai

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

termasuk lah Jabatan Alam Sekitar pun ada dalam termasuk juga JPS, LUAS dan juga Pejabat Daerah, PBT, NGO-NGO dan juga daripada Landasan Lumayan GLC kita yang bertanggungjawab pembersihan Sungai Klang pun ada dalam Jawatankuasa ini jadi kita telah selaraskan di dalam Jawatankuasa ini untuk memastikan bahawa pelaksanaan program-program pemuliharaan sungai ini akan berjalan secara holistik.

Dan untuk tahun ini, tahun depan kita ada Bajet sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kita dah sediakan Bajet di sekitar 500 ribu untuk program-program pemuliharaan sungai ini. Ini program-program lebih kepada sifat *awareness*, kesedaran dan juga program-program bagi bantuan dan sokongan kepada NGO-NGO ini kerana selama ini pun tanpa Bajet pun mereka telah pun bergerak dan melaksanakan tugas-tugas ini ya jadi ini kita telah pun persetujuan.

Untuk Yang Berhormat Kota Anggerik berhubung dengan isu banjir telah disebutkan di sini saya telah melawat dan kita telah memerhati dan membuat penelitian dan saya telah minta juga bantuan sokongan daripada JPS buat kajian di Taman Mutiara ini. Keperluannya ialah kolam takungan tu tetap diperlukan di situ takungan banjir dan kebetulan tanah yang ada di situ hanya di bawah Lembaga Lebuh raya Malaysia dan saya pun telah berbincang dan telah membuat surat rasmi kepada LLM untuk meminta kerjasama mereka bagi menyediakan memberi kebenaran penggunaan tanah ini dan kita sedang menunggu jawapan daripada mereka untuk dilaksanakan.

Untuk daripada Yang Berhormat Sungai Burung berhubung dengan pencemaran saya kalau bab pencemaran ni saya serahkan kepada Yang Berhormat EXCO Alam Sekitar kita. Cuma saya menyebut di sini bahawa pihak JPS ataupun Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa membuat pemantauan terhadap semua kawasan-kawasan rizab sungai bagi mengelakkan pembuangan sampah haram di rizab-rizab sungai. Sekiranya ada berlaku pihak jabatan kita akan mengambil tindakan-tindakan susulan bagi menguatkuasakan dengan kerjasama daripada Alam Sekitar, Pejabat Tanah dan juga daripada LUAS itu sendiri. Hah ini yang sedang kita buat lah ya.

Tentang soalan daripada Sungai Burung juga berhubung dengan *Selangor Maritim Gateway* ataupun usaha kerajaan mengindahkan Sungai Klang. Untuk makluman Sungai Burung, kerajaan negeri telah pun menubuhkan di bawah Program *Selangor Maritim Gateway* ataupun SMG adalah merupakan usaha yang telah holistik kerajaan negeri bagi merencanakan kegiatan ekonomi dalam masa yang sama menjaga kebersihan sungai dan mengekalkan biodiversiti dan ekosistem.

Benda ini telah diulas agak panjang oleh dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, cuma saya nak sebut di sini bahawa SMG ini yang saya juga pengerusikan dan dianggotai oleh pelbagai jabatan, agensi yang berkaitan dengan Sungai Klang dan diterajui oleh Landasan Lumayan Sdn. Bhd. anak syarikat kita, kerajaan MBI. Dilaksanakan dalam tiga fasa. Fasa pertama ialah untuk 5 tahun ini daripada tahun 2018 sehingga tahun 2022 melibatkan pembersihan jajaran Sungai Klang sepanjang 56 kilometer. Pemuliharaan kawasan tercemar dan pembangunan 5 projek pemangkin ekonomi di sepanjang jajaran Sungai Klang. Yang 5 projek ini yang dalam masa sekarang ini, fasa pertama ini ialah pembinaan Pengkalan Urban, Pengkalan Batu Urban *Urban Park*, Urban ya bukan uban ya. Pengkalan Batu Urban Park, Mangrove Point yang telah kita luluskan baru ini. Komoditi River Park. Grand Bazar dan Culture Village. Itu pusat kesenian, kebudayaan dan elektrik



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

point. Ini 5 ini dalam proses pembinaan. Ada dalam proses reka bentuk, ada yang sedang telah pun mulakan pembinaan dan akan siap semua ini dalam tahun 2020 dan baru-baru ini juga telah diadakan satu perjanjian antara SMG dengan penduduk nelayan setempat bagi meluaskan lagi program ekopelancongan dengan mewujudkan *water* teksi dengan Persatuan Nelayan berdekatan telah pun diadakan dan in syaa Allah akan ditingkatkan lagi program-program yang sesuai untuk kita majukan Sungai Klang ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Banting silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya ingin bertanya, saya mengucapkan syabas kepada Landasan Lumayan kerana saya mengikuti email yang dihantar oleh mereka. Soalan saya ialah sekiranya kerajaan mencapai status kejayaan untuk projek ini pastinya kita akan bergerak ke sungai yang seterusnya. Soalan saya, ialah apakah sungai yang seterusnya. Dan ketiga adakah saya boleh mencadangkan supaya dijadikan Sungai Langat kerana saya ingat Sungai Langat is a *low lying foots* kerana ia dalam proses membangun kalau kita masuk sekarang ada peluang berjaya yang cukup besar.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Banting. Itu kita akan boleh pertimbangkan dan saya tahu di sungai itu sendiri sekarang ni pun sudah ada pelbagai industri sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat berhubung dengan jeti-jeti yang diwujudkan di sana dan sungainya pun besar dan memang ada kesesuaian tapi kita perlu meneliti dahulu terlebih dahulu keperluan ini kerana Sungai Klang ini pun masih di peringkat awal untuk kita pastikan kejayaannya sebelum kita perluaskan di sungai-sungai lain kerana kita yakin pembangunan sungai ni pembersihan disekalikan dengan pembangunan ekonomi akan lebih *sustainable*, lebih mampan daripada kita bersihkan aje sungai boleh bayangkan kalau di Sungai Klang ini kita ada 53 *log boom* yang perangkap sampah dia dan kita pada satu ketika dahulu kita terpaksa mengutip sampah 30 tan sehari daripada *log boom* ini. Hah sekarang ini dah makin kurang dan dah makin bersih dan dengarnya buaya pun dah mula timbul di Sungai Klang, tak tahu lah menunjukkan bersih atau tidak bersih tetapi ini buaya air ya bukan buaya lain ya. (ketawa).

Jadi memang, memang ada terdapat *exciting* dia dalam enam, tujuh ekor yang mula timbul dan kebersihan air tu pun kita lihat memang ada, nampak kebersihan air Sungai Klang cuma saya nak sebut baru ini kita telah menerima satu pinjaman atau apa yang dipanggil *interceptor* yang dipinjamkan oleh kerajaan oleh kerajaan Netherland, kerajaan Belanda untuk digunakan secara percuma ya diberikan kepada kita dan kemampuannya ialah 50 tan sehari kalau 24 jam dan dia menggunakan tenaga solar dengan kos yang amat minimum kos operasinya dan dianggarkan satu unit ini di sekitar 3.5 juta ringgit dan kalau selepas setahun kalau pinjaman ini kita menguruskan dengan baik akan mungkin akan diserahkan kepada kita terus dan mungkin ditambah lagi kerana sasaran kita ialah untuk Selangor ini sekurang-kurangnya empat ataupun lima *interceptor* ini yang boleh ditempatkan di sungai-sungai ya.

Ok yang berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Meru, telah pun saya jawab mengenai tadi mengenai pengurusan sampah log boom dan untuk makluman yang di 53 log boom itu diuruskan Landasan Lumayan itu hanya di Sungai Klang. Di sungai-sungai lain telah diuruskan oleh JPS dan terdapat lebih daripada 20 hampir 30 saya tak perlu



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

namakan lah panjang tempat-tempat ini tapi di semua daerah dikebanyakan sungai terdapat log boom ini yang diguna untuk memerangkap sampah sebelum di, dikutip oleh JPS dan dibuang. Ini terdapat di seluruh daerah di negeri Selangor. Dan kalau ada keperluan untuk ni kita akan tingkatkan.

Untuk Bukit Melawati, saya telah menjawab tadi *Friend of Rivers* cuma saya nak sentuh sini berhubung dengan isu fenomena air pasang ini, air pasang besar ini untuk makluman JPS telah menerima peruntukan fenomena air pasang besar ini daripada Kerajaan Pusat, Wilayah Persekutuan sebanyak 42 juta ringgit. Ini berita gembira ya. Dan peruntukkan akan disalurkan secara berperingkat mulai tahun 2020. Jadi saya yakin Kuala Selangor akan termasuk dalam senarai akan menerima peruntukan untuk fenomena air pasang besar ini. Selain daripada itu untuk Kuala Selangor, telah diluluskan juga pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh yang baru ini di Parit Mahang, melibatkan Sungai Buloh ya, telah diluluskan untuk pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir yang bernilai 40 juta ringgit telah pun lulus dan dalam proses penyediaan reka bentuk terakhir dan akan di tender pada hujung Disember 2019. Saya yakin ini akan dilihat kepada keupayaannya akan menyelesaikan masalah banjir sebahagian masalah banjir di kawasan Kuala Selangor. Punca banjir di Kuala Selangor antara nya yang lain selain daripada di Parit Mahang ini, adalah disebabkan kesan tadi saya fenomena air pasang besar di Sungai Selangor, yang ini Sungai Selangor juga yang memberi berperanan untuk menyebabkan banjir di kawasan Kuala Selangor ini. Dan limpahan air Sungai Buloh dan hujan lebat disebabkan air daripada parit-parit utama dapat mengalir ke sungai yang menyebabkan *backflow*. Bagi tindakan jangka pendek pihak Jabatan telah menyediakan 11 unit pam yang telah ditempatkan di kawasan terlibat bagi jangka panjang.

Pihak Jabatan JPS akan melaksanakan RTB Sungai Buloh tadi dan juga program-program fenomena pasang besar ini, di kawasan-kawasan sepanjang Sungai Selangor dan juga akan melibatkan pembinaan ban yang lebih tinggi dan juga sistem pengepaman yang lebih teratur. Ini akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat ini. Untuk Bandar Utama, berhubung dengan RTB Sungai Kayu Ara. Sebenarnya sebelum ini yang diluluskan ialah RTB Lembangan Sungai Damansara, telah pun dilaksanakan tapi sebenarnya tidak membawa kesan yang baik kepada Sungai Kayu Ara. Jadi untuk Sungai Kayu Ara telah diluluskan sebenarnya peruntukan 20 juta ini, yang sedang proses lantikan perunding oleh JPS Malaysia. Ini bawah Kerajaan Pusat telah diluluskan dan telah, ini memang betul-betul dikhususkan untuk menyelesaikan masalah banjir di Sungai Kayu Ara dalam proses pelantikan perunding dan saya yakin tahun depan akan mula dibuat tender untuk pelaksanaannya.

**Y.B. JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Puan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bandar Utama.

**Y.B. JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker dengan Yang Berhormat EXCO. Jadi saya cuma nak pastikan dan mendapatkan kepastian yang 20 juta yang diluluskan itu, adalah yang baru dan keputusan telah muktamad bahawa Sungai Kampung Kayu Ara akan mendapat peruntukan itu. Dan bilakah ianya akan dilaksanakan selepas perundingan? Jangkaan?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Itu saya sebut tadi, ini adalah Sungai Kayu Ara tadi terletak di bawah Lembangan Sungai Damansara, jadi yang dibuat dulu tu sebahagian daripada Lembangan Sungai Damansara tapi tidak meliputi kawasan Sungai Kayu Ara. Tapi kali ini khusus ini diluluskan 20 juta adalah untuk menyelesaikan isu banjir di kawasan Sungai Kayu Ara dan dalam proses melantik perunding *consultant*. Jadi bila *consultant* dilantik biasa dah lantik ia akan mereka bentuk, lepas mereka bentuk, dia akan menyediakan sekali tender untuk dilantik kontraktor yang berkenaan. Jadi kelulusan 20 telah pun diluluskan. Untuk Kota Damansara ini berhubung dengan isu dan saya akan sebut bersekali dengan komen daripada Sungai Panjang, walaupun dia tak ada. Kerajaan Negeri melalui JPS telah melaksanakan Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang, si Sungai Pelempas dan lain-lain kerja berkaitan di daerah Petaling Fasa 1. Projek ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah banjir di Kampung Melayu Subang, Kampung Subang Perantau, Taman Subang Perdana, Kampung Subang Ehsan, Jalan Jati dan kawasan sekitar jajaran projek. Kerajaan Negeri telah membuat pengambilan tanah, melibatkan 19 lot dengan kos sebanyak 13.46 juta, tapi terdapat binaan-binaan di kawasan rizab sungai. Semua pengambilan telah pun diselesaikan pada tahun 2019 dan diusahakan untuk penduduk-penduduk yang berada di luar kawasan tanah rizab. Projek ini telah bermula pada 13 April 2016 sehingga 26 Februari 2020. Jadi kelewatan ini adalah kerana proses pengambilan tanah yang lama dan kekangan akibat struktur-struktur yang tidak sah ini yang berada di kawasan *Right Of Way Project*. Isu yang sama ini berkait juga dengan Sungai Kedondong yang baru ini semua Yang Berhormat Ahli Yang Berhormat sedia maklum berhubung dengan isu perobohan struktur. Untuk makluman semua pihak Kerajaan Negeri menghadapi masalah yang sebegini terutamanya yang melibatkan infra sungai dan juga jalan pun ada, dan juga pertanian pun ada, melibatkan pencerobohan. Dan kita terpaksa mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikan isu ini kerana banjir yang berlaku bila kita selesaikan isu-isu pencerobohan ini di kawasan rizab. Maka kerja-kerja menaik taraf sungai tidak dapat dilakukan dan majoriti rakyat akan menanggung kesengsaraan banjir ini kerana beberapa rumah ini yang tidak mematuhi dan membina di kawasan rizab. Ini yang berlaku yang kita hadapi bukan sahaja di Sungai Pelempas ini, juga di Sungai Kedondong yang ada lagi berapa lagi tempat yang akan terlibat. Jadi kita terpaksa mengambil tindakan itu sedangkan projek kontraktor ini telah pun mula kerja 2016 sama juga dengan Sungai Kedondong daripada 2016 menyebabkan kelambatan kelewatan kerja dan akhirnya pihak Kerajaan Negeri menerima, terpaksa menanggung lagi kalau ada lagi tuntutan daripada kontraktor-kontraktor yang telah pun *delay* ataupun lewat kerjanya. Dan Kerajaan juga dalam masa sama tidak mengambil langkah-langkah yang menzalimi rakyat. Ini dasar Kerajaan Negeri saya bersama-sama Yang Berhormat Menteri Besar meneliti dan sebelum kita mengambil sebarang tindakan. Kita tak lama mengambil perlu dan dengan kerjasama Pejabat Daerah, saya beri ucapan tahniah Pejabat Daerah Petaling dan juga Agensi lain yang berkaitan kerana memberi bantuan sokongan penuh bagi kita melaksanakan dengan terbaik mungkin. Kalau ikut benda ini patut diselesaikan 2016 pada EXCO yang lepas, tetapi telah dibawa lewat sampai *time* saya, terpaksa saya selesaikan. Jadi saya ambil tanggungjawab itu, untuk laksanakan dan kita telah memberikan mereka kemudahan, antaranya kita telah menyediakan mereka memberi tawaran mereka rumah-rumah Selangorku kepada semua. Pada yang terlibat ini yang mana sebahagian besarnya mereka kalau bukan warga kita, tetapi anak-anak mereka yang jadi warga sebab lama dah di situ. Jadi kita tawarkan Rumah Selangorku, dan ketika dekat meroboh dekat peperiksaan kita ada *define* kita tak robohkan. Kita biar peperiksaan habis, kita bagi notis yang mencukupi. Jadi kita tidak ambil mudah begitu sahaja dan saya dengan

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Yang Berhormat Paya Jaras pun berkali-kali mengadakan dialog jadi untuk menyebut Yang Berhormat Paya Jaras tidak menemui mereka adalah satu perkara yang tidak wajar. Dah banyak kali dia dialog dan berikan berbagai-bagai insentif, bagai kaedah untuk bantu mereka tapi akhirnya terpaksa dia ambil juga dengan notis yang cukup kerana projek ini tergendala terlalu lama dan menyebabkan masalah banjir. Sungai Pelempas ini juga sama, akan berlaku, kita akan mengambil tindakan tapi kita akan berhemah, kita akan beri tawaran yang sesuai berikan peluang masa pada mereka tetapi projek ini perlu dilaksanakan demi keselamatan kepada majoriti rakyat di kawasan berkenaan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya silakan Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan isu Paya Jaras, dia memberi secara tidak langsung kepada banjir di kawasan saya sendiri Jeram ya, Kampung Seri Aman dan Kampung Seri Sentosa menyebabkan kelewatan pembinaan projek tebatan. Jadi saya nak tanyalah pendapat Yang Berhormat, kadang-kadang kita nampak pihak Kerajaan kesempatan dalam isu-isu sedemikian untuk memburuk-burukkan Kerajaan Negeri Selangor. Apabila Yang Berhormat mengatakan telah memberikan surat atau pun tempoh yang sewajarnya, telah berunding dan menawarkan rumah dan sebagainya, maka saya beranggapan kita harus menjadikan pengajaran kepada orang-orang lain ataupun kes-kes yang akan datang, di mana individu-individu tu perlu di saman supaya orang akan kata kejam dan sebagainya tetapi bagi kita dah ada *prove* yang sewajarnya sebab dia mengganggu proses dan menyusahkan rakyat-rakyat yang lain. Jadi adakan Kerajaan bersedia untuk menjadikan pengajaran untuk masa-masa akan datang untuk mengawal menyaman individu-individu itu. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya silakan Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Apa jua tindakan yang kita ambil kita akan ikut undang-undang sedia ada. Kita akan pertimbangkan aspek dalam masa sama juga kita mengambil kira aspek-aspek kemanusiaan juga. Kerajaan Pakatan Harapan dia kerajaan yang prihatin kepada rakyat. Dalam keadaan macam ini pun dia masih mengambil langkah-langkah yang sewajarnya memikirkan kalau bukan dia warga pun sekurang-kurangnya dia sebagai manusia lagi dan kita mengambil semua itu. Sebab itu kadang-kadang langkah Kerajaan ini telah salah guna oleh pihak-pihak tertentu. Jadi saya berikan keyakinan, berikan komitmen pada tuan-tuan dan juga kepada semua bahawa Kerajaan Negeri tidak akan sewenang-wenangnya mengambil langkah-langkah yang tidak wajar dan zalim kepada rakyat ataupun bukan kalau bukan warga pun sekali pun kita akan mengambil langkah-langkah yang sesuai tetapi dalam waktu yang sama, kita perlu ingatkan Kerajaan kena juga kena tegas kerana apa kepentingan awam ataupun kepentingan umum mengatasi kepentingan individu-individu tertentu kita kena ambil. Jadi kita berhemah dalam langkah-langkah tertentu.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Timbalan Speaker, mencelah. Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Kota Damansara.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya nak sentuh sedikit penduduk Desa Subang Perantau. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan untuk menyelesaikan masalah banjir di Kampung Melayu Subang melalui projek ini dan lama terbengkalai bukan terbengkalai, di lewat akibat pemindahan. Saya belum jadi wakil rakyat dan diluluskan projek ini. Penduduk di situ mengharapkan bukanlah kita nak halang projek itu daripada diberhentikan, sebab kita pun maklum kalau projek diteruskan maka banjir akan berterusan. Saya mengharapkan sangat supaya jajaran sungai itu dielakkan agar tidak melalui rumah-rumah yang telah lama diduduki di kawasan tersebut lebih kurang 19 unit rumah yang telah lama, dan projek diteruskan dengan harapan tersebut boleh dipertimbangkan jajaran itu dielakkan daripada dilalui kawasan perumahan tersebut. Itu rayuanlah bagi pihak penduduk di situ. Harap dipertimbangkan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Tak apalah, itu Yang Berhormat kita pun dan banyak kali bincang dengan Yang terhormat saya akan lihat, macam yang saya sebut tadi secara umumnya Kerajaan Negeri tidak akan sewenang-wenangnya mengambil langkah-langkah yang akan merugikan atau menzalimi rakyat. Kita akan tengok semua sudut. Saya jawab secara umum, sebab benda ini terlalu *detail* teknikalnya dan kita bincang di luar dewanlah berhubung perkara ini. Cuma saya bagi tahu secara umum, Kerajaan tidak akan menzalimi rakyat sewenang-wenangnya. Kita cara yang terbaik untuk menyelesaikan perkara ini.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Itu saya faham, tapi adakah dengan keputusan tersebut bermakna rumah mereka akan dirobohkan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Beginilah Yang Berhormat, kita tidak akan jajaran sungai ini. Sungai ini sudah ada di situ rizab dan ada kenapa kita buat dalam kawasan sungai ini persoalannya. Tidak semudah itu nak mengalih jajaran sungai ini. Saya harap kena faham ini dan kita akan cuba yang terbaik dalam reka bentuk tapi kalau terkena, saya teringat Yang Berhormat sebut Sungai Baru ini saya teringat kisah Samy Vellu, dia Menteri kita dahulu. Dia kata satu tempat kita buat jambatan di sini, dia kata Yang Berhormat ini tak ada jambatan, tak apa kita buat jambatan, kita buat sungai. Jadi jangan kita cuba, melawan fitrah, sungai ini satu sungai yang *nature* yang dan ada. Kita kena hidup dalam kemampuan kita dalam kawasan sungai ini, jadi kitalah kena beralah untuk memberi laluan pada sungai ini. Tapi dalam reka bentuk pembesaran menaiktarafkan boleh kita *adjust*, sebab kita ada 50 meter 50 meter itu kita boleh buat tapi kalau terkena juga selepas kita cuba, makna kita akan mengambil tindakan-tindakan perlu untuk menyelesaikannya. Tentang jalan ada sedikit soalan, saya nak sambung tentang jalan Yang Berhormat Rawang dengan izin saya sambung sedikit. Bolah tak saya dan banyak ni, saya sampai Semenyih tanya, sebentar ya.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI :** Semenyih nak tanya bagilah laluan. EXCO kena bagi laluan nak tanya.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya faham masalah Semenyih tentang banjir kita tahu. Sebab kita telah mohon peruntukan 700 juta sebenarnya untuk RMK12 bagi menaiktarafkan ataupun Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat yang termasuk di Hulu Langat juga. 700 juta tapi cara berfasa yang baru diluluskan hanya 40 juta untuk penyelesaian. Jadi banyak lagi peringkat yang kita perlu mohon untuk menyelesaikan

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

masalah banjir yang agak ketara di Hulu Langat. Untuk B27 tentang jalan tadi itu, kita saya maklumkan tadi saya cerita mengenai banjir dan sebagainya dan *missing link*. Saya nak sebutkan sini untuk yang B27 bahagian yang tergendala kerana kegagalan kontrak itu, saya maklumkan sini telah ditamatkan kontrak pada 24 September baru ini. Dan sedang dalam proses untuk tender semula dan saya harap dapat dimulakan. Agar kita cuba *push* secepat mungkin untuk mulakan pada awal tahun depan bagi menyiapkan kerja-kerja yang terbengkalai sekian lama itu ya. Ini untuk makluman Y.B. Rawang.

Untuk Banting berhubung dengan peruntukan berhubung dengan jalan FT05 ni yang sering kali dibangkitkan. Untuk makluman, ini jalan persekutuan (FT05). Kita (pihak JKR Negeri) telah mengemukakan permohonan sebanyak RM19.44juta untuk berkala, untuk penyelenggaraan berkala *pavement* dan RM16.68juta bagi berkala

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta laluan Exco.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Bagi berkala bukan *pavement*. Nanti jap. Bagi saya habis ini dulu.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Exco bagilah laluan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Duduk, duduk.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Dah dua tiga kali dah Y.B. Exco.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Banyak lagi ni.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** *Refuse* kan pandangan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Walau bagaimanapun, kelulusan yang diturunkan adalah hanya RM6.2juta. kita minta RM16.8juta, dia bagi RM6.2juta saja bagi yang *pavement*. Dan untuk yang bukan *pavement* daripada RM16.68juta (yang tadi RM19.4juta), dia bagi hanya RM104,000 saja. Sangat jauh beza angka ini yang diluluskan untuk kegunaan di FT05 ini. Jadi menyebabkan kekangan kewangan itu. Sebab itu kerja-kerja senggaraannya tidak dapat berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, kita tentang soalan tambahan itu berhubung dengan bajet daripada KPKT. Kita mengalu-alukan kerana sebelum ini pihak JKR pernah bekerjasama dengan Pelabuhan Klang untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan di sekitar Pelabuhan. Pernah dibuat. Jadi pihak Jabatan tiada halangan untuk melaksanakan kerja pembaikan jalan dengan kerjasama mana-mana pihak kementerian dan agensi lain melalui proses yang boleh dilaksanakan.

Jadi ini saya melihat beginilah. Saya telah pun berbincang panjang dengan Ketua Pengarah JKR Malaysia ya berhubung dengan isu jalan-jalan federal atau jalan persekutuan yang sangat daif. Saya baru tahu bahawa jalan-jalan federal ini tidak ada peruntukan macam MARIS. Di negeri saja dengan PBT ataupun jalan-jalan pertanian yang mendapat peruntukan MARIS. Jalan federal tidak ada peruntukan MARIS. Jadi saya cadangkan kepada JKR Malaysia ini supaya membawa usul kepada Menteri Kerja Raya supaya membuat perubahan dalam akta bagi juga memasukkan jalan-jalan federal ini layak menerima MARIS kerana dengan MARIS inilah bajet bagi penyelenggaraan jalan dapat dibuat dengan teratur setiap tahun. Itu satu cara yang saya dah cadangkan, dia kena buat



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

perubahan sebab akta ini pun manusia yang buat jadi tidak ada salahnya diperbetulkan kalau dah merugikan. Sebab dia tidak ada peruntukan khusus untuk *maintenance* jalan-jalan persekutuan ini. Ini ada keperluan, baru minta. Ada keperluan baru minta, saya rasa itu tidak wajar bagi penyelenggaraan jalan. Sebab itu kita menghadapi masalah yang besar berhubung dengan kualiti jalan-jalan persekutuan di negeri Selangor. Saya yakin negeri lain pun sama.

Satu lagi kaedah yang saya tengah pertimbangkan, saya belum bawa lagi dalam Mesyuarat EXCO ataupun MTES ialah supaya kita kenal pasti jalan-jalan federal ini dan kita digazetkan jalan ini untuk dijadikan jalan negeri. Saya harap sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang cadangan ini kerana bila kita digazetkan jadi jalan negeri, maka dengan automatik kita dapat peruntukan MARIS. Macam mana? Boleh setuju?

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Jalan persekutuan jadi jalan negeri?  
YB, minta laluan YB.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Silakan. Siapa tadi?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Yang Berhormat. Tanya soalan.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Kuang.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ni bagi Kuang dulu.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Saya berdiri dulu ni. Ni tadi Yang Berhormat telah beritahu tentang B27.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Kuang dulu baru Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Saya *neighbor*.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Bagi Kuang dululah sekejap ya. Pasal dia sentuh berkenaan dengan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bagi Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Tadi

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Terima kasih Kuang ya. Ini berkenaan B27.

(Dewan ketawa)

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Tadi Yang Berhormat telah beritahu yang projek ini dah terbengkalai, dua kontraktor sudah cabut dan sebagainya. Memang projek ini mengambil masa yang panjang (lebih dari 6 tahun) *right?* Masyarakatnya pun merana sampai hari-hari masuk kutuk kerajaan negeri dalam *whatsapp* dan sebagainya. Kenapa tidak kalau JKR negeri tidak dapat menyelesaikan perkara ini? Kerajaan negeri sepatutnya ambil alih. *Why not we do it on our own?* Duit ada. Kenapa kalau JKR tak



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

boleh buat, kontraktor yang dilantik pun tidak boleh buat, apa masalah Yang Berhormat? *Why* kalau Yang Berhormat sendiri turun, lantik kontraktor, buatlah. Saya akan tolong YB. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Nanti. Ada nak sambung lagi sikit.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Ada sambung?

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Ini B27 ini memang seperti yang Sentosa cakaplah. Memang menghantui penduduk Rawang, penduduk Kuang. Masalahnya kita pun tahu. Pasal berkenaan dengan sistem (apa ini) *services*, utiliti. Ni memang kita tahu masalah. Sampai sekarang pun saya rasa masalah utiliti ini *mapping* pun tak ada oleh daripada Telekom Malaysia sebahagiannya daripada TNB. *Mapping* pun tak ada. Ini menunjukkan jabatan, agensi-agensi yang berkaitan juga mempunyai banyak kelemahan dan mengganggu proses untuk kita menyiapkan jalan tersebut.

Beginilah. Saya cadangkan kalau saya pun hampir setuju dengan Sentosa tadi pasal di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, saya pernah sebut bahawa jika mereka tak mampu, kita ambil alih semula projek ini untuk kita laksanakan. Dan mungkin saya nak mencadangkan satu lagi supaya pihak JKR memisahkan kontrak-kontrak kecil. Kontrak-kontrak yang melibatkan utiliti diserahkan kepada kontraktor utiliti dan tidak diserahkan kepada JKR untuk di laksana. Dan satu lagi sementara kita menunggu kontraktor baru dilantik ni, saya minta supaya *the whole stretch* jalan itu diturap sebaik-baiknya agar memudahkan semua pengguna, sedikit sebanyak dapat mengubati hati merekalah. Sekarang ni, kalau kita tengok pun jalan tu berlubang serupa macam kita masuk *high chaparral* punya jalanlah. Jadi, saya minta (apa ini) pihak JKR mengambil tulah. Itu saja. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ok Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Kita sebenarnya jalan ini B27 jalan negeri. Jadi sebenarnya tidak ada masalah JKR. JKR Negeri ni memang di bawah kuasa kita. Tapi cuma peraturan yang ada itu memerlukan sedikit boleh melambatkan sikit. Jadi saya suruh percepatkan. Saya dah berbincang dengan Dato' PWN pun dah bincang untuk kes ini kita cuba percepatkan macam mana kaedahnya kerana kalau kita buat sendiri pun, kita terpaksa melalui proses yang sama. Dan belum ada lagi kepakaran kita dalam bab ini.

Tentang utiliti ni memang selama ini bukan JKR yang buat. Utiliti ini memang diarahkan (kalau TNB punya kabel, TNB kena buat). Tapi kalau paip air, Air Selangor yang kena buat. Tapi masalahnya sekarang ni pengalihan utiliti ini sangat-sangat lama. Saya sampai satu peringkat saya cadang kalau boleh sebelum tender jalan itu keluar, buat alih utiliti dulu. Dan kosnya sangat tinggi. Kadang-kadang projek RM20juta, RM28juta, alih utiliti RM20juta. Hampir sama harga projek jalan itu. Sebab itu saya sebut di awal tadi tentang cadangan kita untuk melaksanakan pembinaan utiliti koridor ataupun *corridor utility* ini supaya isu-isu berkaitan dengan pengalihan utiliti tidak timbul lagi. Jadi tapi sebabkan Selangor ini negeri yang maju (terlalu maju), jalan-jalan pun semua dah sesak dengan pembangunan, sukar kita nak cari laluan koridor utiliti ini untuk dilaksanakan. Walau macam mana pun, kita akan buat dan termasuk *utility mapping* pun dah ada dalam

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

perancangan kita untuk dimulakan pelaksanaan. Bermakna selepas ini, mana-mana kontraktor utiliti nak masuk dia kena dapatkan *utility map* dulu baru dia boleh melaksanakan kerja. Kita dah ada dalam perancangan semua itu. Nak cepat? Memang semua nak cepat tapi kena bagi, kena fahamlah. Saya baru setahun setengah jadi Exco.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** *Insyallah*, kita cuba yang terbaik. Duduk kejap. Saya banyak nak cerita.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Jadi saya akan percepatkan. Kita kena faham B27 ini (sebab sangat popular nama ni) ada dua komponen jalan di situ sebenarnya. Bukan satu ya. Sekarang satu ini yang terbengkalai ni. Ini kita akan cuba turapkan untuk sementara ini. Dan saya akan *push* untuk cepatkan kontraktor yang seterusnya. Kontraktor yang kita lantik selepas ini mesti kontraktor yang betul-betul boleh buat. Kita dah bagi tahu kita tak mahu kontraktor-kontraktor (kita akan buat *pre queue* dulu). *Pre queue* yang layak betul-betul baru kita pilih untuk buat kerja ini. Tak boleh. Saya tak tahu apa masalah selepas itu. Mungkin fungsi ke apa tak bagus.

Tapi lagi satu komponen di situ yang menjadi masalahnya ialah apa yang dipanggil *missing link*. Ini yang selalu tenggelam apabila banjir berlaku. Dan saya semak dengan pihak JKR, tak ada bajet. Belum lulus bajet ini kerana diperlukan RM60juta untuk naikkan jalan itu. Kalau itu yang jalan yang terbengkalai ini siap (ini belum buat), dia akan menjadi masalah juga tempat itu bila banjir berlaku. Dan saya ambil ketetapan minggu lepas bila bincang ini saya kata, tahun depan kita masukkan juga kumpulan kerja ini. RM10juta kita cari duit untuk mulakan projek walaupun bajet belum lulus (RM60juta), kita buat dulu kerja-kerja awal. RM10juta saya minta JKR *set aside* untuk mulakan *missing link* ini bagi menyelesaikan. Itu saya ambil sampai tahap itu untuk mencari jalan bagaimana. Yang RM50juta itu kita usahakan tahun depan untuk dapat. Lagi RM50juta. Jadi terpaksa kita ambil sebab saya rasa tertekan juga tengok dengan masalah jalan ini terlalu lama menjadi masalah dan penduduk mengadu saya tentang masalah banjir dan juga masalah jalan yang teruk. Ini saya ambil.

Untuk Sijangkang (Y.B. Sijangkang) berhubung dengan ini berita baik juga untuk Sijangkang berhubung dengan

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** dengan jejantas di Bulatan Bandar Saujana Putera ini yang juga sering kali

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya ingin minta penjelasan.

**TIMBALAN SPEAKER :** Pandan Indah, Banting ingin mencelah. Banting.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Boleh duduk tak? Sebab saya nak teruskan.

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ni tadi nak tanya balik tentang B05.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Banting ni banyak cakaplah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Belum sempat tanya lagi.

**TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, sebenarnya saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah pun berusaha mencari penyelesaian yang paling bagus untuk jalan-jalan persekutuan dan juga jalan negeri. Saya ingin bertanya sama ada sebab tadi ada jawapan daripada Yang Berhormat ialah sebenarnya dibenarkan untuk menggunakan peruntukan daripada sumber-sumber di luar Kementerian Kerja Raya. Saya sebenarnya juga ingin bertanya dalam perbahasan saya awal tadi. Awal saya tadi. Saya sebenarnya bertanya tentang soalan tentang juga jalan-jalan negeri sebagai contoh Jalan B340 (Jalan Sungai Buaya) dan jalan ini adalah salah satu keistimewaannya ialah ianya bertindih dengan jalan-jalan yang di bawah penyelenggaraan MDKL dan juga kalau sebut tentang MDKL maksudnya ianya juga bertindih dengan KPKT. Dan ada juga jalan-jalan seperti Jalan B60 bertindih dengan dia Kampung Tradisi (sudah pasti KPKT juga memberi bidang kuasanya di situ). Jadi bukankah itu cara yang baik untuk kita nak kurangkan kos ataupun beban pada Kementerian Kerja Raya dan juga Jabatan Kerja Raya dalam penyelenggaraan bukan saja jalan-jalan persekutuan tetapi juga jalan-jalan negeri. Ya.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih kepada maklum balas ataupun pandangan daripada Banting. Sebenarnya banyak perkara lagi yang kita boleh buat sebenarnya yang sedang dalam penelitian kita untuk dilaksanakan bagi bukan saja untuk memperbaiki mutu jalan kita dan juga penyelenggaraan jalan, tetapi juga berkait dengan jangka hayat. Saya dah sebut dalam Sidang yang lepas. Kebanyakan jalan kita ini telah pun mengatasi, melebihi hayat dia. Dah *expired*. Hayat jalan ini tuan-tuan, puan-puan dia pun ada hayat di sekitar 20 tahun itu maksimum. Jalan kita 50% jalan kita telah melebihi 30 tahun, 40 tahun dah. Tidak ada dibuat penaiktarafan. Jadi bila barang (jalan) yang telah melebihi tarikh luputnya tidak dibuat penaiktarafan, sebarang kerja-kerja senggaraannya tidak boleh bertahan. Ini kita kena faham dari segi *engineeringnya*. Tambah pula di Selangor ini kita terkenal dengan jalan di tanah yang gambut dan tanah *marine clay* terutama di Kuala Selangor, Kapar, Pelabuhan Klang, Tanjong Karang. Ini semua kawasan *marine clay* yang kaedah pembinaan jalannya amat sukar. Takkan kita nak buh *piling* sepanjang-panjang jalan? Kosnya akan meningkat berganda-ganda, tidak mampu kita buat. Jadi menyebabkan jalan kerosakan yang begitu cepat.

Saya telah mengkaji beberapa kaedah teknologi baru, saya bukan duduk diam. Baru saya balik minggu lepas. Kita melawat beberapa tempat yang mempunyai masalah yang sama. Saya dapati ada kaedah. Sebagai contoh ada saya boleh *share* di sini sikit. Ada peralatan teknologi yang boleh dia buat *port hole* tanpa memotong jalan. Kita tengok sendiri dia buat dan kita ada rekod jalan-jalan yang dia dah buat. Dia tak perlu potong. Dia hanya ada plot dalam beberapa minit saja (dua orang saja pekerjanya) dapat diselesaikan. Dia bagi gerenti dua tahun *port hole* ini tidak akan rosak. Tak ada lagi saya jumpa kemampuan sampai m macam itu. Dan kita akan beli untuk dilaksanakan di Selangor. Kita mulalah di daerah mukim di Klang dulu kah macam mana kita tengok. Dan ada teknologi jalan

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

menggunakan *carbon fiber* yang dilaksanakan dengan kos meningkat mungkin 5% tapi boleh memanjangkan hayat jalan. Kalau jalan itu 5 tahun boleh dipanjangkan ke 10 tahun hayatnya dan dengan itu kos *maintenance* akan boleh dikurangkan dan boleh digunakan untuk benda lain. Ini teknologi-teknologi yang ada yang kita akan laksanakan, yang kita akan...

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Perkenalkan di Negeri Selangor untuk memastikan mutu jalan kita akan bertambah baik untuk masa-masa akan datang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya bersetujulah kalau ada idea untuk menambah baik sistem kualiti jalan. Tetapi adakah Yang Berhormat setuju juga dari segi pemantauan ya, lori yang menggunakan jalan ini kebanyakan saya tengok lebih muatan? Lebih-lebih lagi lori yang mengangkut *premix* itu sendiri membawa muatan yang tidak sepatutnya. Jadi, ibarat kita memperbaiki jalan dalam masa yang sama kita juga membawa kenderaan yang akan merosakkan jalan. Jadi, saya perkara ini juga perlu diambil kira.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya sokong 110% pandangan daripada Yang Berhormat kerana saya memang telah menyebutkan perkara ini sebelum ini pun. Antara punca jalan kita rosak ialah kenderaan-kenderaan berat yang lebih had muatan yang melalui kawasan. Memang betul. Boleh cek. Saya boleh bagi *confirmation* sini kalau tidak 100% pun hampir 100% kenderaan lori-lori, kontena, semua melebihi had muatan. Kerana apa? Mereka cuba mendapat keuntungan yang tinggi tanpa memikirkan kerosakan jalan kita. Dan, ini tentulah di luar bidang JKR untuk memantau ini. Ini kerja-kerja yang melibatkan JPJ dan pihak-pihak yang lain, pihak berkuasa yang lain. Ini perlu diambil dan kita akan buat saranan ini kepada pihak JPJ dan sebagainya untuk memastikan perkara ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Untuk Sijangkang, berita baik ini saya dapat ini berhubung dengan jejantas di Bandar Saujana Putera ini yang kesesakan yang menghubungkan Elite, Lebu Raya Utara Selatan Tengah dan Lebu Raya Klang (SKVE), proses tender telah pun dibuat pada bulan April dan telah pun di award ataupun dianugerahkan kepada kontraktor MITC Engineering Sdn. Bhd. pada 18 September yang lepas. Kerja-kerja telah pun dimulakan pada 1 Oktober 2019, jangkaan siap dan penyerahan pada September 2021 (24 bulan). Jadi, sepanjang bulan Oktober hingga Januari 2020, pihak kontraktor akan menjalankan kerja berikut *soil investigation* termasuklah ya, dan juga pelan pengurusan trafik dan juga *emergency respond plan*. Ini semua sedang dibuat dan kerja-kerja awal telah pun dimulakan dan kita harapkan ia akan siap pada September 2021. Tentang sarangan juga daripada ataupun pertanyaan daripada Yang Berhormat berhubung dengan dua jambatan Bailey Bridge di Klang-Banting di Batu 12 dan Batu 13. Untuk Batu, yang di Batu 12 iaitu Jambatan Sungai Rambai Kecil, telah kos projek ialah RM2.258 juta telah diluluskan. Sekarang di peringkat pembinaan dengan kemajuan kerja 38% berbanding juga jadualnya ialah 38 juga. Makna dia *right on track* lah bagi pembinaan di Jambatan Sungai Rambai Kecil. Untuk Jambatan Sungai Rambai Besar, kos projek ialah RM2.3598 juta. Ini baru di peringkat tender ya, peringkat tender dan taklimatnya akan dibuat tender ini pada 6 September 2019. Makna dah ada bajetlah untuk dilaksanakan. Jadi, Sijangkang dapat semualah. Semua benda yang dia minta

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

dapat. Jadi, bolehlah bagi borang. Untuk Jeram, berhubung dengan persoalan tentang lampu jalan, setiap daerah untuk 2020 ini akan diperuntukkan RM500,000.00 bagi kerja-kerja lampu jalan. Tentang cadangan 20 biji itu nanti kita tengoklah macam mana ya.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ya.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Saya minta dikhususkan satu jumlah berapa batang atau tiangnya. Sebab apa saya kata ini dah setahun setengah ya. Apabila saya bertanya dengan Jurutera Daerah, beliau mengatakan tidak ada bajet. Kerana bajet itu diberikan secara *lump sum* kepada JKR. Jadi, kalau...ini cadangan saya untuk pada tahun hadapan, asingkan setiap DUN terutamanya luar bandar. 20 tiang. Lima tahun, *Insyallah* 100 tiang. Sekurang-kurangnya nampak, orang kampung itu nampak adanya lampu jalan setelah Pakatan Harapan memenangi kali pertama di DUN Jeram. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya sebenarnya kesuntukan masa nak jawab ni. Banyak lagi EXCO akan menjawab. Jadi, saya kena cepat ya. Macam ini lah saya akan bincang dengan pihak JKR, ini di jalan-jalan yang melibatkan JKR lah, ya. Jangan anggap semua lampu jalan ini bawah JKR. Ada lampu jalan bawah PBT. Ada yang di bawah TNB. Jadi, kita akan tengok macam mana, mungkin kita akan minta pandangan juga cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat untuk lampu-lampu jalan yang mana yang lebih utama. Jadi, kita buat begitu, ya. Tentang jambatan yang disebut itu dah berulang kali itu, memang jambatan ini dengan yang menghubungkan Selangor dan Perak ini telah dikemukakan pun cadangan ini kepada Bahagian Luar Bandar, Cawangan JKR Malaysia untuk diangkat ke Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Ini peruntukan akan dipohon di bawah RMK12 lah, 2021 ke atas. Sabarlah, jangan ulang pula nanti, ya. Setakat ini itu yang dimaklumkan kepada saya. Tentang Sentosa, saya jawab ringkas ya, Sentosa. Berhubung dengan penyelenggaraan ini memanglah ada. Penyelenggaraan, teknikalnya sama. Cuma bezanya antara PBT dan JKR ialah dari segi dia punya frekuensi dia, kekerapan dia tidak sama, ya. Di mana kalau JKR untuk jalan protokol empat kali sebulan. Jalan protokol jalan utama. Jalan sekunder (secondary) atau jalan minor dua kali sebulan. Ini mengikut bajet yang ada. Kalau kita hendak buat pertambahan, kekerapan ini akan melibatkan kos yang tinggi. Tentulah kita ada kekangan di situ. Walau macam mana pun, kita akan tengok keperluan ini dari semasa ke semasa dan jika ada keperluan untuk meningkatkannya. Tapi ini akan melibatkan kos, ya. Tentang jalan oleh Semenyih dah sebut berhubung dengan masalah jalan dan sebagainya, saya dah sebut. Jadi, banyak kali dah tentang jalan ini. Kita akan cuba cari kaedah yang terbaik. Pemantauan kita pun ada skop SOP yang, yang dibuat oleh JKR selain daripada pendekatan baru yang saya cadang tadi. Sekarang ini, ya lah untuk *pothole* ini ialah 24 jam mesti ditampal dan dilaksanakan dalam masa tempoh tiga hari, ya untuk dia punya kekal. Rondaan dan juga kita telah bawa baru ini kita telah perkenalkan *auditing* kontraktor-kontraktor yang layak untuk buat ini kita kena ada kursus *certification* yang khas untuk mereka yang menyelenggara jalan ini. Tidak boleh sebarang kontraktor lagi kerana hendak pastikan kualiti yang baik, ya. Untuk jalan yang sempit iaitu jambatan telah pun diluluskan iaitu Jambatan Pekan Beranang. *Again* masalah ini juga berkait rapat dengan masalah pengalihan utiliti. Saya dah melawat tempat ini. Dah masalah utiliti yang melambatkan projek ini telah pun dimulakan pada Januari 2019 dah mula *constructionnya* dan anggaran kos RM25.6 juta. Ini sedang berjalan, ya.



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Tentang yang lagi satu itu pun kita akan lihat kembali. Saya akan lihat kembali macam mana untuk dicepatkan dan lorong pun kita telah syaratkan pemaju untuk naik taraf daripada dua kepada empat lorongan, ya. Tentang lori saya dah sebut tadi. Tentang Air Selangor. NRW saya dah sebut, soalan daripada Banting. NRW untuk tahun lepas ialah 30.51 tahun ini turun kepada 28.67 iaitu satu yang ketara. Kita *target* 1% tapi telah 1.84% kita berjaya turun setakat ini, ya dan kita harap benda-benda ini berterusan. Tentang Subang Jaya, Subang Jaya berhubung dengan penggantian paip air telah pun dilaksanakan untuk 2019. Ada? Tak ada? Baru masuk. Untuk 2019, kita telah laksanakan di Jalan SS13/4 sebanyak sepanjang 0.31 kilometer, SS12/1A - 0.15 kilometer, SS12/1 - 0.44 kilometer. Ini untuk tahun 2019. Untuk 2020, SS18 kita akan masukkan untuk 2020. OK. Penggenapan bil air oleh Sijangkang tadi. Sijangkang ya, bil air? OK. Bil air ni kita tertakluk pada Pekeliling Perbendaharaan. Kalau katakan angka tu berakhir dengan 1289, dia akan digenapkan kepada puluh sen. Kalau angka di hujung tu 3467 digenapkan kepada lima sen terdekat. Contohnya, kalau bil dia RM10.32, bil akan diturun kepada RM10.30. Kalau bilnya RM10.37, dia akan diturun kepada RM10.35. Kalau kata dia RM10.39, dia akan dinaikkan kepada RM10.40. Ini adalah Arahan Pekeliling Perbendaharaan tapi kalau kita *balance* dua-dua ini, maka kita tidak ada keuntungan apa pun. Dia ada yang rendah ada yang tinggi ada yang menurun ada menaik. *Balancenya* sama. Lebih kurang. Tidak ada keuntungan di situ, ya.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ini pun nak tanya juga?

**TUAN SPEAKER :** Silakan Yang Berhormat Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Kenapa tidak kita selaraskan dengan bil-bil yang lain? Contohnya, bil elektrik yang saya kira mengambil kiraan yang tepat. Saya ingat kalau bil itu *diforwardkan* yang akhir menjadi jumlah yang sama, saya ingat dia lebih baik, ya. Dan, tidak memberikan apa-apa masalah mungkin pandangan persepsi daripada rakyat itu sendiri.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya sebut tadi, inilah Pekeliling Perbendaharaan ya, yang di bawah Bank Negara yang mengeluarkan ini. Selaras dengan tindakan Bank Negara ni. Kita mengikut peraturan. Kalau ada perubahan kita akan patuh. Tidak ada masalah. Ini, kita *based on this* pekeling. Saya tak tau, saya akan semak sama ada TNB mengikut. Saya rasa mereka pun mengikut pekeling yang sama, ya. Tak apa. Ini saya akan buat *follow up* nanti.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Tentang...tentang, saya terpaksa ni, dah tak ada masa dah. Saya belum...

**TUAN SPEAKER :** Bagi atau tidak pencerahan daripada Batang Kali?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya belum sentuh Batang Kali.



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Saya nak bertanya satu soalan saja. Tak panjang pun. Saya ada tanya tentang Jambatan Batang Kali. Saya belum ada jawapan. Tentang Jambatan Batang Kali.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Batang Kali. Apa dia?

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ada tanya tentang status Jambatan Batang Kali.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Jambatan Batang Kali tu?

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Tapi tak ada jawapan lagi.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya akan jawab nanti sebab apa, saya belum menerima lagi *feedback*. Tapi jambatan tu dah jalan. Isu, ada isu tanah sikit. Kita selesaikan dan kita akan...ada *delay* sikit pada jambatan tu.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Kerana jambatan tu dah macam kura-kura.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ya, ya.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Sepatutnya tempoh siap kalau ikut tajuk April tahun 2020. Tapi setakat ni tak tau berapa persen sahaja yang siap.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Isu tanah, isu tanahlah yang kita telah selesaikan, ya. Nanti saya akan bagi bertulislah, ya. OK. Untuk...

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Pandan Indah, sila duduk sekejap. Sila duduk kejam. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawa usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.00 petang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya', Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'Tidak'. Usul ini dipersetujui. Silakan Yang Berhormat EXCO Pandan Indah, teruskan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Untuk persoalan daripada Subang Jaya berhubung dengan fiber optik. Pelaksanaan fiber optik di bawah Infra Digital Selangor, saya maklumkan di sini bahawa kita telah pun di peringkat Negeri Selangor 70% telah

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

dilaksanakan jaringan fiber optik dan saya mendapat berita baik juga baru-baru ini bahawa pihak Telekom Malaysia telah pun mendapat kelulusan peruntukan mereka untuk melaksanakan 100% pelaksanaan fiber optik di seluruh Selangor menjelang 2021. Ini satu berita yang baik dan saya yakin dengan penyediaan fiber optik ini akan boleh melengkapkan jalur lebar kita bagi seluruh Negeri Selangor menjelang 2021. Daripada soalan tentang WTE ini pun saya jawab secara ringkas yang dibangkitkan oleh Banting, Waste To Energy ini adalah inisiatif yang dipelopori oleh Worldwide, anak syarikat kita bagi melaksanakan Waste To Energy punya projek ini di Jeram dan telah pun selesai semua peringkat *feasibility power study* dan *design* semua, pelantikan penasihat teknikal pun telah selesai dan akan dilaksanakan. Cuma, sekarang ini ada sedikit isu dengan tarif dengan SEDA dan kita sedang menunggu laporan terakhir, kita ada wakil SEDA di sini untuk mendapatkan pengesahan berhubung dengan kuota WTE ini bagi kita laksanakan projek-projek ini. Dan, untuk pertanian sedikit saya akan *comment*. Saya tiada masa, saya telah diberi *warning* masa, saya terpaksa habiskan Pertanian ini pun ada beberapa perkara yang selalu di sebutkan di sini tentang harga sawit dan juga. Ini saya dah jawab juga sudah jawab dalam soalan mulut berhubung dengan langkah-langkah yang kita ambil untuk tanaman-tanaman kontan di kawasan ini dan kita akan meneruskan usaha ini. Bagi kawasan yang isu berkaitan lembu, lembu rayau yang dibangkitkan oleh Sungai Ramal saya memang akui kita mempunyai lebih 5,000 lembu rayau ini di seluruh Selangor dan melibatkan 82 pemilik yang memiliki lembu rayau ini. Kita telah mengambil langkah untuk menyelesaikan selama 4 tahun dengan menyediakan translokasi yang bermula dengan Olak Lempit dan kita telah tempatkan mereka tetapi sebahagian mereka yang degil ini kita akan ambil tindakan penguatkuasaan. Kita sedia alternatif kalau tiada kita akan mengambil tindakan sebagai contoh tindakan berikut kita akan ambil di Almina di mana jalan dah sudah siap oleh Simerdarby cantik, 4 lorong 2 *carriageway* tidak boleh dibuka 2 bulan kerana lembu, kerbau berkeliaran di situ beratus ekor dan kita telah tawarkan kepada tuanya pindah ke Olak Lempit tetapi tidak mahu kita mengambil langkah penguatkuasaan dalam masa terdekat ini untuk menyelesaikan isu-isu ini dan juga dengan kawasan di yang di bangkit Sungai Ramal kita akan mengambil langkah-langkah perlu untuk menyelesaikan isu lembu ini. Saya rasa yang lain ini soalan yang berulang yang sama perhubungan pertanian teknologi moden dan sebahagian ini kita telah giatkan dan kita akan mempertingkatkan bagi kegunaan bagi masyarakat rakyat setempat yang mula berminat. Anak-anak muda juga berminat ramai untuk terlibat dalam pertanian pintar ini ataupun pertanian moden ini dan kita akan memperluaskan lagi dari semasa ke semasa dan bajet kita sudah tambah untuk tahun depan bagi kegunaan pertanian ini. Sekian.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Soalan Tambahan. Ada su yang saya bangkitkan.

**TUAN SPEAKER :** Ya Yang Berhormat ada lagi sikit lagi dari Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Isu yang berkaitan dengan laluan LRT 3 di GS06 yang melalui kawasan laluan Jalan Klang 101 dan 103 yang didakwa menggunakan sebahagian mengambil sebahagian daripada kawasan rekreasi mereka diambil. Kalau boleh ada ulasan ataupun saya agak bersimpati kalau masih boleh dibincangkan lagi bincang dengan persatuan sebab saya mendengar bahawa ada sedikit mungkin ke tidak fahaman dari peringkat awal semasa diadakan perbincangan ataupun *townhall*.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ini mungkin bawah EXCO Pengangkutan melibatkan Jajaran LRT. Di bawah pengangkutan. Tidak apa nanti dia akan *comment*.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat lagi satu yang terakhir daripada Kota Damansara. Lagi satu yang terakhir ya.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada mengemukakan soalan berkenaan dua *carriage* Persiaran Cakerawala, Seksyen 5 Subang Bestari.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya telah maklum kita faham dan siapnya atmosfera ini ia akan menyebabkan masalah di Cakerawala pula. Tidak tahu planet mana lagi selepas ini. Saya sudah faham dan mengambil maklum perkara itu dan meneliti apa yang isu-isu berkaitan dan kita akan cuba selesaikan dalam masa terdekat ini. Kita selesaikan Atmosfera ini yang akan siap pada Februari nanti insyaallah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** .Terima kasih Yang Berhormat EXCO Pandan Indah. Seterusnya saya hendak maklumkan kepada Ahli-ahli EXCO, saya beri masa 10 minit setiap satu untuk menggulung kecuali ada sedikit *injury time* kalau perlu kalau tidak 10 minit sahaja. Saya persilakan Yang Berhormat Lembah Jaya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua ADUN yang membangkitkan isu berkaitan dengan perumahan. Seperti yang kita sedia maklum Kerajaan Negeri melalui Visi Perumahan iaitu satu keluarga satu kediaman yang sempurna menunjukkan satu komitmen yang jelas bagi memastikan setiap keluarga di Negeri Selangor mendapat kediaman dalam keadaan yang selesa dan persekitaran yang baik. Apa gunanya andai negerinya maju namun tidak dapat dinikmati sama oleh rakyatnya maka dasar itu Negeri Selangor khususnya dalam hal berkaitan perumahan sentiasa berusaha untuk menambah baik dasar dan program yang sedia ada agar rakyatnya hidup dalam keadaan sejahtera. Sebagai contoh jika dibandingkan Dokumen Dasar Rumah Selangorku dengan Rumah Selangorku 2.0 terdapat penambah baikkan daripada segi kualiti kekemasan unit-unit rumah contohnya kalau sebelum ini hanya dipasangkan selak dan tiada tombol kepada pintu maka dalam dasar yang di kemas kini telah disyaratkan mempunyai tombol pintu dan juga harga jualan Rumah Selangorku Jenis C telah diselaraskan dengan hanya satu jenis harga iaitu RM150,000.00. Kerajaan Negeri juga turut menambah baik isu berkaitan pembiayaan ataupun *end financing* dengan izin bagi pembeli-pembeli Rumah Selangorku. Daripada segi penawaran Rumah Selangorku di pasaran Kerajaan Negeri juga turut melakukan pemantauan yang lebih teliti dengan mendapatkan kerjasama dengan pihak pemaju agar menyediakan unit rumah mampu milik ini dalam pembangunan mereka. Tindakan penguatkuasaan ditambah baik dengan memanggil para pemaju agar pembinaan Rumah Selangorku turut diberikan keutamaan dan antara tindakan yang diambil adalah dengan mengeluarkan arahan kepada pihak pemaju untuk menghentikan pembinaan rumah harga bebas dan larangan ini diangkat semula sehingga pembinaan Rumah Selangorku dicapai pada tahap peratusan yang bersesuaian. Jadi daripada isu perumahan yang dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli Dewan Negeri semasa sesi perbahasan secara kesimpulannya boleh di rumuskan kepada beberapa perkara iaitu pertama isu harga rumah di pasaran yang mahal, kedua isu penyediaan rumah mampu milik yang tidak mencukupi, ketiga adalah isu untuk unit yang tidak terjual dan terakhir sekali isu pembiayaan perumahan. Ini semua

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

perkara di atas ini ada berlaku dan kita di peringkat Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah ke arah penyelesaian perkara tersebut. Saya akan memberikan maklum balas berdasarkan isu tersebut namun ada juga isu yang dibangkitkan oleh seperti Seri Setia berkaitan dengan PPR Lembah Subang dan juga Batang Kali berkaitan dengan projek terbengkalai Kampung Koskan. Pertama berkaitan dengan Rumah Selangorku lebih kepada rumah idaman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Kandis, tidak ada, Semenyih tidak ada juga di dalam Dewan ini, Sungai panjang pun tidak ada, Balakong ada dan Sungai Ramal, Sungai Ramal pun tidak ada. Jadi saya ingin menerangkan semula berkaitan dengan RSKU dan Rumah Idaman, untuk makluman Rumah Idaman ini sebenarnya adalah rumah di bawah harga kawalan iaitu yang seperti mana yang di dalam Dasar Rumah Selangorku, Kerajaan Negeri mengambil langkah mengawal harga unit rumah ini. Jadi Rumah Idaman pula salah satu produk perumahan yang akan dibangunkan oleh pihak MBI. Rumah Idaman yang dijual dengan harga RM250,000.00 adalah merupakan produk bagi Rumah Selangorku dan adalah dalam kategori jenis E. Jadi untuk makluman Rumah Selangorku atau rumah mampu milik ataupun juga kita boleh kategorikan Rumah Harga Kawalan wajib dibangunkan oleh pemaju perumahan swasta yang akan membangunkan sesuatu projek perumahan maknanya sesebuah perumahan pemajuan tersebut apabila diluluskan ada komponen Rumah Selangorku ataupun rumah harga kawalan. Ini bergantung pada keluasan tanah yang akan dibangunkan bagi sesuatu projek perumahan. Jadi pembinaan unit-unit Rumah Selangorku akan disyaratkan kepada pemaju iaitu di antara 20% hingga 40% daripada keseluruhan unit yang dibangunkan.

Perkara kedua yang dibangkitkan adalah lokasi Rumah Selangorku jadi perkara ini juga dibangkitkan oleh Sungai Kandis dinyatakan lokasi pembinaan Rumah Selangorku bergantung pada pembangunan projek perumahan yang dibuat oleh pemaju. Jadi kalau sekiranya PRIMA lokasinya lebih baik kerana mereka membeli tanah di kawasan-kawasan tersebut. Jadi Rumah Selangorku dibina oleh pemaju swasta jadi bergantung kepada *Land Bank* dengan izin yang mereka punyai untuk bangunkan perumahan di kawasan tersebut. Namun pihak Kerajaan turut memberi ulasan agar lokasi pembinaan Rumah Selangorku berada di lokasi yang sesuai. Bagi suatu projek bangunan yang besar atau *township* supaya tidak diletakkan di tempat yang paling hujung ataupun paling jauh sekali berbanding dengan komponen yang lain. Perkara ketiga ataupun isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan kebimbangan pihak Yang Berhormat sama ada projek Rumah Idaman ini akan menjadi projek gajah putih. Isu ini dibangkitkan oleh Sungai Panjang dan Semenyih. Untuk makluman apabila Dasar Rumah Selangorku dikuatkuasakan pihak Kerajaan akan mensyaratkan agar unit-unit tersebut dibina lebih awal berbanding dengan komponen yang lain. Jadi bagi Rumah Selangorku, Kerajaan mensasarkan agar 30,000.00 siap dibina bagi tempoh 2018 hingga 2023 dan untuk makluman yang Berhormat juga sehingga 30 Oktober 2019 sebanyak 38 projek melibatkan 14,781,00 unit Rumah Selangorku telah siap dibina dan diserahkan kunci. Manakala sebanyak 61 projek melibatkan 22,27400 unit Rumah Selangorku sedang dalam pembinaan. Perinciannya sebenarnya telah di nyatakan dalam sidang yang lepas juga. Jadi insyaallah pembinaan dan pembekalan Rumah Selangorku akan dipantau. Ini sentiasa di dilaksanakan oleh satu jawatankuasa khas yang sentiasa mengikuti perkembangan ataupun kemajuan pembinaan Rumah Selangorku. 30,000 00 saya sebut sebentar tadi tidak termasuk Rumah Idaman yang bakal di mana oleh MBI. Selain daripada itu ada yang Berhormat juga membangkitkan jenis A yang kurang berbanding permintaan yang ada. Jadi ini kita akui dan cabarannya adalah untuk makluman Yang Berhormat pembinaan Rumah Selangorku ini sebenarnya adalah menggunakan kaedah silang subsidi ataupun *cross subsidy* di mana kediaman

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

pembinaan Rumah Harga Bebas perlu subsidi daripada jualan Rumah Harga Bebas subsidi untuk pembinaan Rumah Selangorku. Jadi kita lihat apabila ini berlaku maka akan berlakulah sebenarnya mempengaruhi harga Rumah Harga Bebas. Oleh itu, Lembaga Perumahan Hartanah Selangor telah pun mengadakan satu kajian kos pembinaan RSKU ini bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kos pembinaan Rumah Harga Kawalan ini supaya semua pihak yang terlibat sama ada pihak Kerajaan ataupun pemaju begitu juga syarikat-syarikat utiliti serta perkhidmatan profesional yang mengenakan *charge consultancy*, perunding. Bagaimana cara untuk mengurangkan kos tersebut supaya *cross subsidy* yang dilakukan ataupun dikenakan terhadap Rumah Harga Bebas ini dapat dikurangkan.

Dan kita sedang mendapat maklum balaslah dari pihak-pihak yang berkaitan. Jadi hal ini adalah untuk memastikan ya pihak, semua pihak termasuk pembeli dan juga pemaju mendapat yang terbaik. Isu unit rumah yang tidak terjual atau *over hang* (dengan izin) juga dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar. Kita sedia maklum cadangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk menurunkan nilai ambang jualan unit kepada warga asing daripada RM1 Juta kepada RM600 000.00 ya pada tahun hadapan. Cadangan ini bagi menghadapi isu lambakan kondominium dan pangsapuri yang telah siap dibina namun tidak terjual di seluruh Malaysia yang berjumlah RM8.3 Bilion. Dasar semasa Kerajaan Negeri untuk pemilikan asing atas kediaman telah bernilai RM2 Juta. Dan hanya hartanah berstatus strata sahaja dibenarkan untuk dimiliki oleh warga asing. Hartanah bertanah tidak dibenarkan. Jadi, kuota warga asing di Selangor juga tidak melebihi 10% daripada kuota bukan bumi. Maknanya kuota bukan bumiputera tersebut 10% di situ adalah untuk jualan kepada warga asing. Jadi menurut status pasaran hartanah daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), jumlah unit kondominium dan pangsapuri yang berstatus *over hang* bagi kategori dengan harga lebih RM600,000.00 di Selangor adalah sebanyak 260 unit daripada 2368 unit yang dilancarkan. Maknanya hanya 11% yang tidak terjual. Ok. Nilainya adalah RM333.49 Juta. Walau bagaimanapun pecahan lebih terperinci berikan gambaran yang lebih sesuai mengikut konteksnya dan jumlah *over hang* bagi julat harga RM600, 000.00 sehingga RM1 Juta adalah sebanyak 65 unit daripada 1,189 unit dari yang dilancarkan. Dan, harga jualan bagi unit RM1 Juta dan ke atas, yang tidak terjual adalah sebanyak 195 unit daripada 1,179 unit yang dilancarkan. Jadi berdasarkan data yang disebutkan tadi kategori yang perlu diberikan perhatian di Negeri Selangor

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat EXCO lampu merah dah lama, tolong ringkaskan ya! *Thank you.*

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Harga hartanah yang berharga lebih daripada RM1 Juta.

**TUAN SPEAKER :** Pencerahan daripada Sungai Air Tawar.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Kalau boleh bagi masa, boleh.

**TUAN SPEAKER :** Sedikit sahaja, boleh.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Baik. Silakan.



**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**YB. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin bertanya semula nilai ambang pemilikan warga asing. Yang mana sebelum ini saya ada menyentuh berkenaan dengan laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sehingga minggu pertama awal tahun 2019 terdapat sejumlah 4,243 unit rumah tidak terjual ataupun *over hang* yang bernilai RM3.363 Bilion di seluruh Negeri Selangor. Unit dalam pembinaan yang belum terjual pula ialah sebanyak 15,389. Jadi dasar nilai pemilikan jumlah rumah di Selangor Yang Berhormat beritahu tadi adalah RM2 Juta, jadi soalan saya adakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Persetujuan ini dan akan menjadi perkara sama bagi mengatasi masalah *over hang* ini. Nilai RM2 Juta tu, akan diturunkan atau tidak? Untuk memberi ruang kepada warga asing membeli rumah di Selangor.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Baik. Data atau angka yang dipetik oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar tadi adalah jumlah *over hang* (dengan izin) bagi semua jenis kediaman. Jadi maknanya harga yang di bawah harga RM600,000.00. Apa yang saya sebut sebentar tadi adalah jumlah bagi unit-unit nilainya RM600,000.00 dan ke atas. Jadi kalau yang kita dengar tadi, keadaan yang unit-unit yang tidak terjual tidaklah begitu besar ya! Namun Kerajaan Negeri akan melihat faktor-faktor seperti berapa jumlah yang belum terjual, berapa lama ia tidak terjual.

**YB. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Maaf Yang Berhormat, boleh saya mencelah sedikit. Laporan yang saya dapat daripada NAPIC berkenaan unit rumah yang bernilai RM600, 000.00 ke atas pula sebanyak RM526 unit sahaja yang mampu terjual berbanding penawaran iaitu sebanyak 1,311 buah rumah. Maksudnya lebih daripada separuh masih lagi tidak terjual.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Saya tidak pastilah Yang Berhormat tengok yang apa tu, statistik yang tempoh bila, sebab apa yang saya dapat ini adalah yang terkini pejabat kami jadi, yang masih tidak terjual untuk kategori RM600,000.00 ke atas adalah 260 unit daripada 2,368 unit, ini kategori kondominium dan kediaman, ini tidak termasuk *service apartment*. Jadi itu kena jelas. Oleh itu seperti mana yang saya sebut sebentar tadi, Kerajaan Negeri akan mengambil kira faktor, bilangan unit yang tidak terjual, jumlah tempoh unit-unit yang tidak terjual sama ada dia 2 tahun, 6 bulan, 3, 5 dan sebagainya. Jadi, perkara itu juga semua akan diambil kira. Juga kesan sosial terhadap penjualan unit-unit ini kepada warga asinglah! itu juga kita akan mengambil kira. Isu berkaitan dengan unit-unit yang kurang daripada, yang harganya kurang daripada RM250,000.00 yang masih tidak terjual. Sungai Panjang ada membangkitkan perkara ini, tetapi Sungai Panjang tiada. Jadi saya akan

**TUAN SPEAKER :** 1 minit lagi.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Saya akan *skip* perkara tersebut. Baik. Balakong ada membangkitkan isu pembiayaan. Jadi, untuk pembiayaan Kerajaan Negeri telah mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan juga Bank Negara Malaysia. Baru-baru ini Bank Negara Malaysia telah menambah baik satu dana khas untuk rumah mampu milik iaitu berjumlah RM1 Bilion untuk digunakan bagi rumah, bagi mereka yang berpendapatan RM4,360.00 sebulan. Untuk membeli hartanah yang bernilai RM300,000.00 ke bawah. Dan kadar pembiayaannya adalah maksimum 100% dengan



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

pemberian insentif istimewa seperti tiada *fee* pembiayaan pemprosesan. Kedua, pengecualian duti setem ke atas Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pembelian Rumah Selangorku berpeluang pembiayaan menggunakan dana rumah mampu milik ini. Dana ini akan diagihkan oleh 5 buah bank iaitu AM Bank, Bank Simpanan Nasional, CIMB, Maybank dan juga RHB. Dan tempoh pembayaran sehingga 40 tahun ataupun sehingga berumur 70 tahun mana yang lebih rendah. Dan ini, peluang bagi pembeli-pembeli yang sebelum ini yang mendapati masalah untuk *financing* ya. Jadi, itu dan alternatif lain adalah untuk menyewa Rumah-rumah Selangorku di bawah Skim Smart Sewa, yang mana mereka mungkin belum ada kemampuan. Cuma ada sedikit peringatan kepada mereka yang bercadang dan memiliki unit rumah disarankan untuk mengambil nasihat daripada Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit (AKPK) ya, berkenaan isu pembiayaan kerana kita tidak mahu pembeli-pembeli ini terbeban dengan membayar bayaran pinjaman kepada bank sedangkan pendapatan isi rumah mereka sebenarnya hanya cukup untuk mereka menyara keluarga. Jadi AKPK akan memberi nasihat supaya mereka menjadi pembeli yang bijak.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat masa dah habis.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Saya masih banyak lagi yang perlu dibentangkan

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, yang tidak hadir

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Saya mungkin bagi

**TUAN SPEAKER :** Minit yang terakhir.

**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Sijangkang.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Bagi yang lain-lain tu, saya akan hantarkan secara bertulis. Satu iaitu dari Seri Setia. Seri Setia bertanya tentang status PPR Lembah Subang 1, jadi Yang Berhormat ada berita, saya rasa gembiralah! Berkaitan pengambilalihan Lembah Subang 1, secara dasarnya Kerajaan Negeri menerusi MMKN Bil.29/2019 yang bermesyuarat pada 16 Oktober pada tahun ini telah bersetuju agar Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. mengambil alih pengurusan PPR Lembah Subang 1 bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor. Persetujuan tersebut turut meliputi pelepasan tanah tersebut ya. Pesuruhjayanya Tanah Persekutuan berkeluasan 1.26 ekar yang merupakan tapak perumahan Lembah Subang 1. Oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri tanpa apa-apa kos. Selain daripada itu Kerajaan Negeri berpandangan segala isu-isu yang melibatkan dengan PPR Lembah Subang 1 perlu diselesaikan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum penyerahan bangunan tersebut. Jadi dalam memurnikan usaha dalam pengurusan Lembah Subang dan pelepasan tanah PPT ini UPEN telah mengadakan perbincangan lanjut dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor dan Pejabat Pengarah Tanah & Galian pada 25 Oktober tahun ini bagi membincangkan perincian terma-terma dan tindakan susulan untuk tapak tersebut.

**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Saya tidak benarkan. Terus habiskan yang terakhir.

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya hendak tanya sedikit.

**TUAN SPEAKER :** Saya tidak benarkan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Jadi saya kira itu sahaja untuk jawapan Batang Kali dan lain-lain saya akan berikan secara bertulis. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat EXCO Lembah Jaya. Saya mempersilakan Yang Berhormat Selat Klang.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan semua Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar memperuntukkan penambahan dana kepada sektor pelancongan 2020. Melihat keprihatinan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar serta Kerajaan Negeri Selangor terhadap potensi besar oleh sektor pelancongan untuk menjana Kerajaan Negeri Selangor bagi menjelang 2020 dan juga Tahun Melawat Malaysia pada tahun hadapan. Seterusnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Kelang, Yang Berhormat Dusun Tua, Yang Berhormat Jeram, Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan Yang Berhormat Bukit MALAWATI walaupun mereka tiada di sini saya percaya wakil mereka ada di sini. (Ada baru masuk). Telah membangkitkan pelbagai pendapat dan cadangan yang bernas untuk menyemarakkan lagi pelancongan negeri Selangor dan sebentar lagi inisiatif yang sedang dan dijalankan sehingga kini dan jawab pertanyaan Yang Berhormat bentangkan sebelum ini. Tuan Speaker sehingga akhir tahun Jawatankuasa Tetap Kebudayaan telah menzahirkan beberapa inisiatif yang sebelum ini tidak pernah perlukan hasil usaha yang diperuntukkan oleh pelbagai pihak termasuklah Majlis-majlis Daerah, UPEN, PWN, Tourism Malaysia, MOTEC, Majlis Kebudayaan Negeri Selangor dan Tourism Selangor. Di antara inisiatif yang telah kita lakukan ialah pertama Program Pemurnian Pelancongan Selangor atau pun PTGS. Ini adalah bukan satu program pemurnian yang secara langsung menerapkan isu-isu keselamatan, perundangan, perlindungan dan pemasaran ke atas pemain-pemain industri pelancong Selangor ke arah satu pendekatan operasi yang lebih sistematik. Hasil daripada usaha ini juga akan dapat meningkatkan hasil kutipan cukai, perniagaan di peringkat Majlis Daerah yang secara langsung menyumbang kepada pendapatan Kerajaan Negeri Selangor.

Bagi menjawab soalan bagi mengujudkan sistem pangkalan data kedatangan pelancongan ke Selangor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Dusun Tua, Kerajaan Negeri Selangor bakal membangunkan satu sistem pangkalan data ke data pelancong yang dapat merekodkan kehadiran pelancong tempatan dan asing melalui aktiviti tempatan, bilik-bilik hotel, *homestay* dan inap dusun. Buat masa ini kita sedang dalam proses memilih pembekal yang berkeelayakan dan usaha ini sedang diuruskan oleh pihak Tourism Selangor. Kesimpulannya kita menjangkakan bahawa sistem data ini beroperasi sepenuhnya menjelang suku tahun pertama tahun hadapan dan akan dapat diguna pakai sepenuhnya pada suku tahun ketiga 2020.

Selain daripada itu Kerajaan juga telah memulakan usaha untuk memperkasakan pelancongan aktiviti lasak industri inap dusun dan pengendalian jeti pelancongan dan aktiviti air di seluruh Negeri Selangor. Antara inisiatif pertama yang perlu dilihat adalah

## **6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

aspek keselamatan pelancong dan penumpang terutamanya apabila melibatkan operasi bot pelancong serta pengendalian aktiviti seperti aktiviti lasak di Sungai Ciling dan Sky Mirror, Kuala Selangor. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong sebarang usaha yang dijalankan oleh mana-mana pihak untuk mendirikan sebarang pusat tarikan pelancongan di daerah masing-masing.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jeram, berhubung dengan permohonan mendirikan taman tema air dan hotel di DUN Jeram, walaupun pihak Jawatankuasa Tetap tidak mempunyai sebarang halangan malahan turut mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Jeram, perlulah diingatkan bahawa pematuhan syarat-syarat pembangunan serta garis panduan sedia ada perlulah diutamakan di dalam isu pembangunan dan guna pakai tanah di peringkat agensi kerajaan tempatan dan daerah.

Inisiatif terkini dan data akhir yang sedang Kerajaan usahakan di mana juga adalah turut menjawab usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Melawati berkenaan dengan Master Plan Pelancongan Negeri Selangor. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, pihak Kerajaan Negeri sudah pun mengemukakan cadangan untuk mewujudkan satu Master Plan Pelancongan Negeri Selangor yang baharu dan ia kini adalah di dalam peringkat kelulusan oleh pihak UPEN. Kelewatan sehingga kini dijalankan sebenarnya adalah disebabkan kesukaran untuk mendapatkan pakar-pakar yang berpengetahuan tentang sektor pelancongan negara serta negeri. Khususnya dengan berkat kegigihan semua yang terlibat kita telah berjaya mendapatkan khidmat seorang pakar tempatan di bidang pelancongan secara peribadi telah melakarkan hala tuju Tourism Malaysia dan Langkawi Go Park semenjak dari awal penubuhannya. Adalah dijangkakan bahawa Master Plan Pelancongan Negeri Selangor ini akan meliputi tempoh dari 2020 hingga 2025 dan akan siap untuk dilaksanakan menjelang Januari 2020.

Tuan Speaker saya juga ingin mengambil sedikit ruang untuk menjawab soalan Yang Berhormat Hulu Kelang yang memohon pemberian semula peruntukan sebanyak RM100 ribu untuk Freedom Film Festival atau 3F di bawah peruntukan program kebudayaan. Semenjak tahun 2010, Kerajaan Negeri telah memberikan sokongan terhadap 3F ini secara pemberian geran kecil peruntukan kepada Pusat KOMAS sebagai salah sebuah organisasi yang memperjuangkan hak kemanusiaan di negara ini. Semenjak daripada itu juga, Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan melihat perkembangan perjuangan hak kemanusiaan ini secara rapat melalui penganjuran program-program kecil dan utama yang dilaksanakan oleh Pusat KOMAS melalui penganjuran 3F. Kesungguhan dan keprihatinan Kerajaan Negeri kepada perkembangan sosial dan perjuangan hak asasi manusia melalui pertambahan kreativiti dan seni visual, dokumentari bukan berhenti di setakat itu sahaja. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah mengumumkan kota Petaling Jaya dan Shah Alam di mana penganjuran 3F secara tahunan di Petaling Jaya turut menyumbang kepada penubuhan kota seni tersebut. Justeru itu, Kerajaan Negeri mulai pada tahun 2015 telah membelanjakan RM300 ribu sehingga ke tahun 2018 bagi setiap tahun di bawah peruntukan program kebudayaan tersebut. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memberi tumpuan yang lebih kepada aspek-aspek pembangunan yang lain dan digunakan bagi menyokong serta memberi peluang kepada aktiviti-aktiviti kebudayaan rakyat. Meskipun 3F ini tidak di bajetkan di dalam Belanjawan 2020, namun Kerajaan Negeri bersedia untuk mempertimbangkan kerjasama pada masa akan datang tertakluk kepada kesesuaian dan kepentingan kepada pembangunan kebudayaan negeri.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Seterusnya bagi menjawab usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar, Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Tetap ini bakal menganjurkan beberapa acara berunsur kebudayaan untuk menyemarakkan lagi kedatangan pelancong ke daerah-daerah yang dianggap sebagai Corridor Utara Negeri Selangor termasuk daerah Sungai Besar, Sabak Bernam dan Tanjung Karang. Antara acara-acara yang bakal dijalankan adalah program Jelajah Rentas Selangor 2020, Pekan Budaya Sungai Besar 2020, Pesta Keroncong Bendang Tanjung Karang 2020 serta sebuah acara sukan lasak antarabangsa dengan izin 4x4 International Challenge Sabak Bernam.

Sebelum saya mengakhiri penggulungan ini, saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Kebudayaan, sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menyokong segala usaha yang telah dijalankan terutama sekali kepada semua Yang Berhormat Yang Berhormat yang telah saban tahun memberikan ulasan, teguran dan cadangan yang bernas untuk menaikkan taraf industri pelancongan di Selangor dengan lebih baik lagi, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Selat Kelang, saya mempersilakan Yang Berhormat EXCO Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Pembekalan Tahun 2020. Beberapa perkara telah dibangkitkan di bawah portfolio Kerajaan Tempatan seperti pengurusan sisa pepejal, pengurusan Smart Selangor Parking, Dasar Kelulusan 100 Hari Lesen e-Sport dan CCTV. Tuan Speaker, isu pengurusan sisa pepejal Selangor telah menarik minat ramai Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Bukit Lanjan, Meru, Kampung Tunku, Banting, Rawang, Semenyih dan Kota Damansara. Dan saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatian semua dalam memastikan pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor di laksana dengan baik dan teratur.

Pertama adalah prestasi syarikat KDEB Waste Management Sdn Bhd dalam pengurusan sisa pepejal. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, prestasi KDEB Waste Management boleh dinilai berdasarkan *indicator* utama iaitu statistik jumlah aduan yang direkodkan oleh *Centralis Command Centre* KDEB. Jumlah statistik aduan yang dikemukakan oleh KDEB Waste Management adalah aduan-aduan yang telah disemak dan telah disahkan. Hanya aduan sebenar sahaja akan direkodkan dan aduan palsu, aduan luar skop KDEB Waste Management dan sebagainya tidak diambil kira. Statistik aduan dan laporan terperinci keseluruhan aduan yang diterima akan dimajukan kepada Smart Selangor di audit bagi tujuan pemantauan dan auditan pada setiap bulan.

Berdasarkan rekod aduan dari CCC dapat dirumuskan bahawa Subang Jaya dan Kajang mencatatkan jumlah aduan yang agak tinggi berbanding dengan PBT lain iaitu masing-masing sebanyak kira-kira 35% dan 25%. Dan dari keseluruhan jumlah aduan di semua 11 PBT dari bulan Januari hingga kini. Walau bagaimanapun, jumlah aduan harian di kedua-dua PBT ini semakin menunjukkan trend penurunan dan ini adalah satu petanda yang baik. Faktor utama yang menyebabkan aduan di Subang Jaya dan Kajang sedikit tinggi berbanding dengan kawasan yang lain, adalah kerana 2 kawasan ini mempunyai kepadatan penduduk dan jumlah inventori yang tinggi. Di samping sikap penduduk yang

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

lebih cakna, prihatin dan peduli kepada aspek kebersihan dengan menyalurkan aduan mereka menggunakan saluran aduan rasmi iaitu CCC KDEB Waste Management.

KDEB Waste Management dari masa ke semasa sentiasa memantau dan memberikan penekanan bagi memastikan statistik aduan ini dapat diturun ke paras semimumimum yang mungkin. KDEB Waste Management amat menekankan aspek *respond time* kerana memahami aspirasi harapan rakyat yang berharap aduan mereka diambil tindakan segera yang mungkin. Berdasarkan SOP KDEB Waste Management, kesemua aduan yang diterima ini akan diselesaikan dalam tempoh 24 jam tertakluk kepada kerumitan aduan tersebut. Aduan-aduan yang mudah seperti sampah kedai dikutip, kebiasaannya akan diselesaikan dalam tempoh 24 jam. Manakala aduan seperti longkang tersumbat, kadangkala memerlukan masa melebihi 24 jam untuk di selesaikan. Saya yakin dan percaya KDEB Waste Management sebagai sebuah anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan lagi prestasi kualiti dan mutu perkhidmatan mereka untuk rakyat Negeri Selangor.

Isu yang kedua adalah tunggakan bayaran bagi pengurusan sisa pepejal di PBT kepada KDEB Waste Management yang dibangkitkan oleh ADUN Meru, Kampung Tunku dan Kota Damansara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diperolehi jumlah terkini keseluruhan tunggakan bayaran PBT kepada KDEB Waste Management dari bulan Januari hingga September 2019 adalah sebanyak RM50.8 juta. Faktor utama tunggakan bayaran ini berpunca daripada isu perjanjian perkhidmatan di antara PBT dengan KDEB Waste Management. Perjanjian perkhidmatan ini sepatutnya di tandatangani dalam tempoh 3 bulan selepas KDEB Waste Management berkhidmat di PBT tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat isu yang melibatkan terma-terma di dalam perjanjian perkhidmatan yang belum di sepakati oleh kedua-dua pihak dan menyebabkan kelewatan pembayaran. Untuk isu ini beberapa pertemuan telah diadakan di antara dua-dua pihak dan saya yakin isu ini akan dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat. Namun di sebalik isu tunggakan tersebut sebagai sebuah anak syarikat milik Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dan meletakkan kepentingan untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat sebagai keutamaan. KDEB Waste Management tetap memastikan operasi perkhidmatan mereka setiap hari terus dilaksanakan tanpa gagal bagi menjaga nama baik Kerajaan Negeri di mata rakyat Negeri Selangor.

Isu yang ketiga dari Yang Berhormat Semenyih. Untuk makluman Yang Berhormat, secara prinsipnya kutipan sampah domestik di dalam kawasan kampung seperti Kampung Tradisi, Kampung Baru, Kampung Bagan, Kampung Orang Asli adalah tidak termasuk di dalam skop kerja oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri memandang serius berkaitan isu pembuangan sampah di seluruh Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, bermula tahun 2016, Kerajaan Negeri melalui PBT telah mula melaksanakan perkhidmatan kutipan sampah di kawasan kampung secara berperingkat. Namun kaedah kutipan sampah yang dilaksanakan dalam kawasan kampung oleh PBT, kebanyakannya adalah melalui kutipan sampah berpusat iaitu dengan menyediakan tong-tong sampah jenis komunal atau *leigh bin*, di mana diletak di lokasi-lokasi yang sesuai bagi memudahkan lori *compactor* mengutip sampah semasa melalui jun operasi. Lokasi-lokasi tong sampah ini adalah berdasarkan kesesuaian dan mengambil faktor jarak lorong kelompok perumahan di dalam laluan kampung tersebut. Di mana jarak-jarak tong sampah adalah kurang dari 500 meter.



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Keempat adalah status enakmen sisa pepejal yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Lanjan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MMKN telah meluluskan dasar Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor bagi mewujudkan Enakmen ini di Negeri Selangor. Hasrat ini telah dimaklumkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memohon rundingan berkaitan perkara ini bertujuan untuk memastikan cadangan IUU tidak bercanggah dengan apa-apa undang-undang Persekutuan sedia ada termasuk Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171. Berikutan pengendalian kutipan sampah dan Pembersihan Awam Negeri Selangor pada masa ini mengguna pakai Undang-undang sedia ada iaitu UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap 2007 serta berpandukan kuasa-kuasa yang ada di bawah Akta 171 dan isu pengasingan sampah yang dibangkitkan oleh ADUN Yang Berhormat Rawang, isu ini saya sudah jawab pada masa ini pada pagi ini di Soalan 36. Saya tidak akan ulang sekarang. Yang Berhormat Bukit Lanjan juga mencadang semua PBT mengguna pakai aplikasi parkir yang sama bagi memastikan data dikumpul boleh digunakan untuk membangunkan dasar atau garis panduan. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Penyerahan Pintar Selangor SSDU di bawah MBI telah menjalin kerjasama dengan Leading Innovative Technologies and Systems Sdn. Bhd untuk membangunkan sistem letak kenderaan pintar Smart Selangor Parking atau SSP. Sehingga hari ini SSP boleh digunakan di 9 PBT di Negeri Selangor iaitu di Shah Alam, PJ, Kajang, Subang Jaya, Klang, Selayang, Ampang Jaya, Sepang, Kuala Selangor dan juga di DBKL. Pengguna Smart Selangor Parking berdaftar adalah seramai 348,859 pengguna dengan bilangan transaksi berjumlah 1,045,522. Ia menunjukkan petanda jelas bahawa rakyat Selangor menerima dan memberi sokongan padu untuk bersama-sama menuju ke arah agenda Smart State menjelang tahun 2025 dan aplikasi ini juga satu penanda yang jelas menunjukkan aplikasi parkir ini adalah aplikasi parkir *number one*. *We are the number one parking in the Malaysia*. Berdasarkan maklum balas daripada beberapa PBT yang telah pun menggunapakai aplikasi pintar Smart Selangor Parking didapati terdapat peningkatan pengguna dan secara tidak langsung juga telah meningkatkan hasil PBT.

Selain daripada itu berlakunya penjimatan penggunaan kupon secara manual, oleh yang demikian berdasarkan perkembangan terkini Kerajaan Negeri berharap penggunaan Smart Selangor akan diperluaskan ke semua dua belas PBT pada masa yang akan datang. Berkenaan Dasar Kelulusan Kebenaran Merancang 100 Hari yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dusun Tua, Dusun Tua tak ada *okay* so saya tak jawab, Sentosa, oh Dusun Tua baru masuk, *okay*. Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Dusun Tua, untuk makluman, dasar ini yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar antara lain untuk memastikan semua projek-projek yang melibatkan KM pelan pembangunan, pelan kejuruteraan dan lain-lain kelulusan termasuk isu-isu hak milik tanah akan dapat diselesaikan dalam tempoh 100 hari iaitu dari awal hingga akhir. Saya selaku EXCO Kerajaan Tempatan berpandangan tempoh 100 hari ini adalah tempoh wajar namun penglibatan agensi-agensi teknikal luaran selain PBT amat diperlukan bagi memastikan Dasar 100 Hari ini terlaksana. Yang Berhormat Sentosa memohon lesen dan tapak diberi percuma kepada peniaga kecil yang baru meniaga dan memohon sebuah pasar diwujudkan di DUN Sentosa. Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan Yang Berhormat dan akan meneliti perkara ini dengan lebih lanjut. Perkara ini akan disemak berdasarkan kemampuan kewangan PBT bagi cadangan tersebut. Bagi pengecualian *fee* lesen perniagaan penjaja kecil pasar malam dan pasar tani telah dilaksanakan dari Ucapan Belanjawan Tahun 2016 dan telah dilanjutkan sehingga tahun 2019. Pengecualian ini melibatkan semua bayaran *fee* lesen penjaja bagi semua kategori aktiviti penjajaan di



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

kawasan PBT di Negeri Selangor yang merangkumi lesen gerai majlis, lesen pasar majlis, lesen kiosk majlis, lesen pondok bas, lesen penjaja, lesen pasar malam, lesen pasar pagi, lesen pasar swasta dan lesen permit penjaja sementara. Oleh yang demikian pemberian lesen kepada peniaga kecil yang baru secara percuma pada tahun 2020 akan diteliti berdasarkan keadaan semasa. Bagi isu tapak pula ia adalah tertakluk kepada bidang kuasa PBT masing-masing. Bukit Lanjan dan Kampung Tunku juga mohon *integerasi command center* Kerajaan Negeri dengan PBT. Saya ingat Oktober 2019 sebanyak 775 unit CCTV telah dipasang di seluruh Negeri Selangor merangkumi 414 unit dimiliki oleh Kerajaan Negeri, 225 unit milik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 136 unit dimiliki oleh PBT. Ke semua 414 CCTV di bawah Kerajaan Negeri di kawal selia oleh PBT dan laporan akan dikemukakan kepada UPEN secara berkala. Command center bagi 414 CCTV telah diwujudkan di PBT berkenaan dan turut diwujudkan di setiap ibu pejabat polis daerah. Pada masa ini CCTV tersebut tidak disambungkan dengan *command center* Kerajaan Negeri di bawah SSDU dan Unit Pengurusan Bencana. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengumumkan penambahan CCTV pada tahun 2020 di bawah Kerajaan Negeri dan akan ditingkatkan kepada 5,000 unit, oleh yang demikian bagi melaksanakan..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Banting minta penjelasan sedikit

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tak ada masa.

**TUAN SPEAKER :** Bagi sedikit

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih, pemasangan CCTV juga perlu dikawal di tempat-tempat yang terletak di luar pengawasan PBT contohnya PLB, contohnya pejabat tanah, kementerian pembangunan luar bandar dan juga JKR, jadi apakah kalau ada cadangan ataupun permintaan daripada penduduk kampung untuk pemasangan CCTV tetapi tempat dia bukan di bawah PBT, adakah mungkin mereka boleh membuat permohonan sama ada dari segi kelulusan dan atau permohonan dari segi peruntukan untuk membina CCTV seperti apa yang dimaksudkan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Permohonan itu boleh dikemukakan dan Kerajaan Negeri akan mengkaji kesesuaian lokasi yang dipohon di mana saya cadangan bagi melaksanakan integrasi *command center* Kerajaan Negeri akan ada *command center* PBT akan diteliti memandangkan dia melibatkan kontrak perjanjian sedia ada dan serta mengambil kira kedudukan kewangan PBT. Yang Berhormat Balakong mohon wujudkan Skim Bomba Sukarelawan di PBT. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat walau bagaimanapun kuasa pelantikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah di bawah KPKT. Perkara ini perlu diteliti dari sudut kemampuan tenaga dan kewangan setiap PBT serta mengambil kira peruntukan undang-undang yang sedia ada dan sekarang saya rasa perlu 5 minit lagi untuk masuk ke isu pengangkutan awam. Isu yang dibangkitkan adalah kaedah pengutipan caj RM1.00 kepada warga asing, dasar agensi pengangkutan awam (APAD), penggunaan bas mini, perluasan laluan bas, masalah perkhidmatan bas di kawasan Rawang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jeram, Subang Jaya, Rawang, Kota Anggerik, Seri Setia, Sentosa dan Permatang. Tuan Speaker, Yang Berhormat Jeram ada membangkitkan pertanyaan tentang kaedah pengutipan caj

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

RM1.00 yang akan dikenakan kepada warga asing untuk perkhidmatan Bas Smart Selangor. Di dalam Ucapan Belanjawan Negeri Selangor Tahun 2020 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan memperkenalkan caj bayaran perkhidmatan sebanyak RM1.00 kepada warga asing manakala perkhidmatan ini kekal percuma untuk warganegara Malaysia. Bagi tujuan ini pihak SSDU akan menyediakan sistem *tac to go* kepada semua bas-bas Smart Selangor bagi membolehkan penggunaan kad pengenalan oleh warganegara dan kutipan bayaran caj oleh warga asing juga akan dilaksanakan secara bayaran tanpa tunai yang akan diperincikan oleh SSDU untuk mengenal pasti mekanisme terbaik atau kaedah yang sesuai untuk digunapakai. Yang Berhormat Subang Jaya ada membangkitkan tentang polisi yang ditetapkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat bagi laluan-laluan perkhidmatan bas khususnya bagi melibatkan laluan Bas Smart Selangor dan bas berbayar. Harap maklum APAD bukan merupakan agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Segala penambahbaikan dasar APAD haruslah diuruskan oleh Kementerian Pengangkutan bukan Kerajaan Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat, kriteria laluan Selangor yang ditetapkan merangkumi syarat yang diputuskan oleh APAD selaku pengawas selia pengangkutan awam darat termasuk memberi dan melulus permit laluan serta pengoperasian semua perkhidmatan bas di negara ini. Bas Smart Selangor yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bukanlah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan atau bersaing dengan penyedia perkhidmatan bas berbayar oleh sebab itu laluan Bas Smart Selangor melibatkan laluan sosio dan bukannya laluan komersial. Walau bagaimanapun laluan yang mempunyai sedikit pertindihan tetap dilaksanakan dengan persetujuan APAD jika laluan tersebut tidak memberi kesan yang besar atau menjejaskan operator bas sedia ada. Pemantauan terhadap polisi bas sedia ada perlu diutamakan bagi memastikan sumber pendapatan serta kelangsungan semua perkhidmatan bas tidak terjejas dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Berhubung dengan cadangan perluasan laluan Bas Smart Selangor pada tahun 2020 oleh Yang Berhormat Kota Anggerik, Seri Setia dan Permatang pula Kerajaan Negeri menggalakkan penambahan laluan dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan memandangkan peruntukan yang disediakan pada tahun hadapan adalah terhad. Namun cadangan penambahbaikan laluan perlu menepati keperluan dan kriteria yang ditetapkan agar perkhidmatan bas yang disediakan adalah bertetapan dan ia dilaksanakan termasuk dengan tidak menjejaskan perkhidmatan ..

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker, mencelah sedikit.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Yang Berhormat Kinrara, Seri Setia minta celah sikit.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Seri Setia, laluan itu memang dah pasti dan telah dipastikan oleh pihak PBT cuma penambahan bas sahaja .

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Apa itu? Boleh ulang sekali lagi.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Seri Setia laluan basnya laluan itu telah diputuskan oleh PBT dan telah diluluskan cuma masalah Seri Setia adalah penambahan bas.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Bermakna bilangan bas itu tidak mencukupi?

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**Y.B TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Ya betul.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Okay, perkara ini saya akan berbincang dengan Petaling Jaya dan akan menggunakan peruntukan Petaling Jaya sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat Subang Jaya..

**Y.B TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Yang Berhormat EXCO saya nak sambung sikit yang saya nyatakan dalam perbahasan saya tempoh hari isunya adalah saya bawa juga padas tahun sebelum ini pihak PBT bermasalah untuk perbelanjaan bas ini jadi itu yang saya mohon kepada Kerajaan Negeri dan juga dengan bantuan Kerajaan Persekutuan .

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Di PJ berbeza sedikit kerana PJ City Bus diuruskan oleh PJ sendiri. Maka segala penambahan PJ City Bus harus diurus oleh PJ tetapi perkara ini saya tetap akan bangkitkan kepada PJ. Untuk makluman Yang Berhormat Subang Jaya, Rawang dan Sentosa perkhidmatan Bas Smart Selangor ketika ini hanya menggunakan bas bersaiz 10 dan 12 meter berdasarkan keperluan. Kesesuaian laluan, kos yang lebih dan lebih menepati sasaran mempertingkatkan jumlah penumpang namun penggunaan bas bersaiz kecil atau mini sememangnya sesuai digunakan bagi mengoptimumkan penggunaan bas di kawasan-kawasan tertentu dalam mempertingkatkan liputan laluan, kapasiti dan kesaling hubungan di antara kawasan bandar dan luar bandar. Sebagai percubaan, Majlis Perbandaran Sepang dijangka akan memulakan perkhidmatan bas saiz mini atau *coaster* bagi laluan yang sedia ada yang melibatkan kawasan luar bandar. Faktor fizikal jalan yang kecil serta ketiadaan rizab jalan bagi tujuan pelebaran kerana ia meliputi kawasan perkampungan. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rawang berhubung masalah perkhidmatan bas di kawasan Rawang melibatkan operator berbayar termasuk kerugian yang dialami disebabkan harga tiket yang seharusnya diajukan secara terus kepada pihak APAD namun demikian perkara-perkara tersebut akan dibangkitkan semula melalui mesyuarat-mesyuarat pengangkutan sama ada di peringkat di Kerajaan Negeri iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam di Negeri Selangor di mana pihak APAD juga merupakan ahli tetap jawatankuasa tersebut atau di peringkat kerajaan persekutuan iaitu Majlis Pengangkutan Negara yang dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan sendiri. Sekian sahaja penggulungan saya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO Kinrara, saya persilakan Yang Berhormat EXCO daripada Kajang.

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Terima kasih Tuan Speaker, saya hanya akan menjawab mereka yang ada di dewan, Tuan Speaker, boleh ya, yang tidak datang saya tak..

**TUAN SPEAKER :** Ini yang bicara Yang Berhormat EXCO lah.

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Untuk menjawab masalah pencemaran air, isu air yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar, Sungai Ramal, Sijangkang, Sungai Burong, Meru, Semenyih dan lain-lain tentang isu pencemaran air dan tindakan penguatkuasaan. So, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan sumber air Negeri Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan juga penjagaan sumber air. Pelbagai langkah dan inisiatif dilaksanakan bagi mengelakkan pencemaran sumber air berulang antaranya seperti berikut :

1. Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua tujuh (7) empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48 Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 ataupun 40% daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pemertan yang sama. Tujuan pemertan ini adalah untuk melindungi sungai dan juga rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan juga persekitarannya.
2. Kajian pemetaan dan juga inventori bagi aktiviti guna tanah di kawasan rizab sungai dijalankan bagi mengenal pasti potensi punca dengan kadar segera dan juga langkah kawalan pencemaran yang perlu dilaksanakan. Kajian ini telah dilaksanakan di Sungai Semenyih termasuk Sungai Beranang dan Sungai Rinching, Sungai Kelang termasuk Sungai Damansara serta Sungai Sembah dan anak-anak sungainya.
3. Usaha dan kawalan pencemaran segera yang melibatkan risiko kepada henti tugas Loji Pembersihan Air (LPA) dilakukan menerusi Jawatankuasa Kecemasan Sumber Air Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh saya sendiri, iaitu EXCO Alam Sekitar dan di urus setia kan oleh LUAS. Penyelarasan tindakan antara agensi berdasarkan menu Pelan Tindakan Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor dilaksanakan melalui Jawatankuasa ini.
4. Selarasnya, visi Kerajaan Negeri ke arah Smart State, LUAS dan juga Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen Telemetri Kualiti Air di hulu dan di Muka Sauk sebagai Sistem Amaran Awal iaitu *Earlier Warning System* kepada muka Sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu sungai. Semua data pemantauan ini diintegrasikan dalam laman portal *Integrated Water Resources Information Management System*.
5. Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS telah pun menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-Sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat EXCO Infrastruktur dan juga Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan juga menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan juga pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor. Inisiatif ini dilaksanakan secara berterusan selaras dengan sasaran pembangunan mampan, *sustainable development goal* di Negeri Selangor.
6. Tindakan perbincangan dan juga penyelarasan di antara agensi secara berkala melalui dua (2) Jawatankuasa iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Kelang, Sungai Selangor dan Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.
7. Menjalankan pemantauan statik dan juga pensampelan secara berkala di lokasi utama yang menyebabkan potensi pencemaran. Sebagai contoh, pemantauan kekeruhan

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

di Sungai Sauk dan Sungai Michu Hulu Langat akibat daripada aktiviti pembangunan ataupun kerja tanah tidak terkawal dan juga pemantauan parameter florida di Sungai Gong.

8. Mengemukakan surat yang bertarikh 1hb Oktober 2019 melalui Pejabat saya EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Hal Ehwal Pengguna kepada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang memberikan cadangan bagi penambahbaikan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling yang berkaitan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu berkaitan kriteria yang berbaur yang dibenarkan oleh IWK untuk mengalirkan efluen ke dalam sungai.

9. Penguatkuasaan Bersepadu dan tindakan perundangan tegas dilaksanakan bersama agensi teknikal dan juga Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengoptimumkan pelaksanaan Undang-Undang dan Arahan bagi pemeliharaan sumber air daripada aspek kualiti dan juga kuantitinya. Tindakan tegas penguatkuasaan antaranya dengan penyediaan kertas siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di Mahkamah.

10. Operasi Tindakan Penguatkuasaan Bersepadu oleh LUAS dijalankan secara intensif dengan purata 43 operasi setahun daripada tahun 2014 sehingga Oktober 2019 dengan purata pengeluaran notis, iaitu Notis Pemberitahuan Kesalahan Am dan juga amaran sebanyak 432 notis setahun yang merangkumi pelbagai kesalahan berdasarkan Enakmen LUAS 1999 di bawah Seksyen seperti 6 (1), 43 (1), 79, 70 (1), 44 (5) dan juga 96 (1).

11. Sabitan Kesalahan di bawah Seksyen 79 (1) Enakmen LUAS 99 boleh denda tidak melebihi RM100,000.00 ataupun dipenjarakan tidak melebihi tempoh tiga (3) tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya RM5,000.00 setiap hari sekiranya kesalahan diteruskan.

12. Sabitan bagi kesalahan melakukan aktiviti pencerobohan Zon Perlindungan di bawah Seksyen 105 Enakmen LUAS 1999 boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00.

13. Sabitan bagi kesalahan membina struktur ataupun bangunan di dalam 50 meter rizab sungai atau di dalam Zon Perlindungan tanpa kelulusan bertulis daripada LUAS di bawah Seksyen 70 Enakmen LUAS boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000.00 ataupun penjara tidak melebihi tempoh 20 tahun ataupun kedua-duanya sekali.

14. Sabitan bagi kesalahan melakukan aktiviti pengubahan sumber tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah di bawah Seksyen 43 (1) Enakmen LUAS boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak melebihi tempoh dua (2) tahun ataupun kedua-dua sekali. So, ini merupakan isu pencemaran dan tindakan yang kita ambil.

Yang kedua, saya nak menjawab tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Malawati, tentang pencemaran Sungai Buloh. Lembangan Sungai Buloh merupakan antara Lembangan sungai utama di Negeri Selangor yang mengalami penurunan kualiti air tapi masih lagi kelas ketiga berikutan pembangunan perindustrian dan juga komersial yang pesat di kawasan persekitarannya. Anggaran luar kawasan tadahan Lembangan Sungai Buloh ialah 524 m<sup>3</sup> km persegi dengan anggaran panjang sungai ialah 64.1 km. Kawasan



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

muara Sungai Buloh merupakan pusat ekonomi nelayan termasuk kawasan kebun kerang di pesisiran pantainya. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menjalankan kajian kebersihan Lembangan Sungai Buloh pada tahun 2012, dan penyediaan Pelan Tindakan Sungai Buloh (PTSB) pada tahun 2018 bagi meningkatkan kualiti air Sungai Buloh. Pada 14 Ogos 2019, LUAS telah menerima aduan daripada para nelayan dan juga penduduk setempat melalui ADUN Bukit Malawati, Yang Berhormat Bukit Malawati berkaitan berlakunya pencemaran air berwarna hitam mencemari muara Sungai Buloh. Siasatan dilakukan dengan menyusuri Sungai Buloh bermula daripada muara sehingga ke kawasan perindustrian Ijok yang mengambil sebanyak tiga (3) pensampelan iaitu di jeti Sungai Buloh, jambatan Parit Mahang dan juga kilang kertas di kawasan perindustrian Ijok. Sampel tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan analisa hasil bacaan pensampelan menunjukkan jumlah pepejal terampai iaitu *suspended solid* adalah tinggi dan keadaan ini dipercayai turut menyumbang kepada masalah air Sungai Buloh berwarna hitam. Berdasarkan siasatan di lokasi tersebut juga penemuan kepada kandang penternakan lembu dalam anggaran 150 ekor yang beroperasi dan mengalirkan *discharged* efluen tanpa rawatan yang berbau busuk dipercayai daripada sisa najis haiwan yang mengalir ke parit *borrow-pit* dan juga seterusnya ke Sungai Buloh. Jarak lokasi tersebut ke pintu air JPS sebelum memasuki Sungai Buloh adalah anggaran 5km. LUAS telah menjalankan pensampelan di parit *borrow-pit* hulu dan lokasi kandang lembu di saluran efluen penternakan lembu dan di hilir sebelum memasuki Sungai Buloh dan semua sampel dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisis selanjutnya.

LUAS telah mengeluarkan surat arahan kepada pengusaha ternakan lembu di bawah Seksyen 121 Enakmen LUAS 1999 yang mengarahkan pengusaha untuk menghentikan pengaliran efluen daripada premis dan mengambil langkah-langkah litigasi di premis sehingga efluen mematuhi piawaian yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kemasukan ataupun Pelepasan Bahan Pencemar Negeri Selangor 2012. Pengusaha juga diberi tempoh selama 40 hari untuk melaksanakan arahan-arahan yang telah dikeluarkan seterusnya pemantauan dan pematuhan surat arahan akan dijalankan oleh LUAS selepas 14 hari surat dikeluarkan sekiranya ingkar, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000.00 ataupun penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun ataupun kedua-duanya sekali dan denda selanjutnya RM3,000.00 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan sehingga perintah itu ditarik balik.

Bagi tahun 2019, LUAS akan meneruskan kajian kebersihan Lembangan Sungai Buloh bagi memantau status kualiti air terkini, yang telah mengambil inisiatif menjalankan kajian pemetaan dan juga inventori guna tanah dan rizab Sungai Buloh bagi mengenal pasti dan mengawal aktiviti-aktiviti di sepanjang rizab sungai yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan pencemaran di samping itu melaksanakan kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Buloh akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bagi pengurusan Lembangan Sungai yang holistik kelak pada masa hadapan.

Saya nak satu isu lagi, kepada Yang Berhormat Kota Anggerik, yang mana kekhuatiran beliau masalah pembangunan di Bukit Cherakah, so saya rasa perlu menjawab soalan di Dewan. Pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui pejabat saya, Alam Sekitar, bersama-sama Jabatan dan pihak PBT akan sentiasa memantau pembangunan dan juga guna tanah di sekitar kawasan tersebut di Bukit Cherakah di mana isu pemilikan tanah ini dibuat sebelum Pakatan Harapan dan ini berlaku pada tahun 2003 dan kaedah penyelesaian isu pemulangan kawasan tanah hutan di bawah tanah Kerajaan di sekitar Bukit Cherakah.



## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Dan, pihak Kerajaan juga telah pun mengenal pasti pemilik-pemilik tanah yang telah pun diberi pemberimilikan tanah so, pihak Kerajaan juga akan memastikan sebelum pembangunan tanah dilaksanakan, setiap pemaju perlu mendapat satu kelulusan Laporan Penilai Kesan Impak Alam Sekitar (EIA). Yang kedua, mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan yang ketiga, kelulusan Kebenaran Merancang iaitu sebagaimana yang menjadi amalan dan juga prosedur yang ditetapkan bagi setiap kawasan yang hendak dibangunkan untuk pembangunan, perumahan ataupun bercampur. Selain itu, saya juga meminta pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk membuat pengesahan di lapangan bagi mengenal pasti spesies dian pokok bagi setiap kawasan tanah pemilik ataupun ulasan kaedah pengendalian spesies-spesies pokok berstatus *endangered species* dan sebagainya, sekiranya ada. Kerana pokok di sekitar kawasan Bukit Cherakah adalah begitu unik dan ia merupakan kawasan *green land* yang perlu diberikan perhatian. Maklumat asas pokok ini di sekitar Bukit Cherakah adalah berdasarkan rekod inventori yang telah diperoleh daripada pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan pihak konsultan yang telah dilantik oleh pihak Taman Botanik Negeri Shah Alam. Di samping itu, pihak pemaju juga dikehendaki mendapatkan khidmat nasihat dan juga kelulusan terlebih dahulu daripada pihak Jabatan Perhutanan sebelum melakukan penebangan pokok dan menggalakkan kawasan hutan terbuka ataupun lapang. Perkara ini akan memberikan tanggapan negatif masyarakat ke atas kawasan pembangunan yang dahulunya merupakan kawasan hijau, oleh yang demikian, saya akan minta pihak PBT dan juga Jabatan berkaitan perlu memberikan perhatian yang lebih serius kepada perkara ini sebelum memberikan kelulusan pembangunan suatu kawasan khususnya di Bukit Cherakah. So, saya rasa saya telah menjawab soalan yang saya rasa untuk soalan-soalan yang berkaitan dengan tanam pokok plastik, saya akan memberikan jawapan ini secara bertulis kepada semua Yang Berhormat yang telah pun bangkit semasa perbahasan. So, itu sahaja Tuan Speaker. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO daripada Kajang. Saya mempersilakan Yang Berhormat EXCO daripada Paya Jaras.

**Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ada 15 minit untuk rangkum keseluruhan perbahasan sebelas (11) Yang Berhormat yang telah membangkitkan, saya akan memilih tajuk-tajuk ataupun perbahasan-perbahasan yang saya kira perlu dijawab dan selebihnya saya akan jawab dalam bentuk bertulis. Yang pertamanya, secara gambaran kasar kepada Yang Berhormat sekalian, kita Selangor dari segi ukuran infrastruktur Selangor bersedia menjadi tuan rumah SUKMA pada 2022. Kita telah membentangkan dalam mesyuarat tertinggi SUKMA pada 19 September bersama Yang Berhormat Menteri dan mereka sangat berpuas hati dengan kemudahan asas infrastruktur sukan yang kita ada di Negeri Selangor. Dengan sebab itu kita sangat optimis pada 2022, kita dapat menjadi tuan rumah SUKMA yang sekali gus memberi kelebihan kepada pertubuhan ekonomi dan struktur kemudahan sukan yang kita ada. Stadium Shah Alam yang dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar, saya hendak maklumkan ringkasan ini jumlah kos pembaikan Stadium Shah Alam adalah sebanyak RM153 juta. Manakala untuk membaiki Stadium Melawati menelan belanja RM43 juta. Jadi sekarang ini Darul Ehsan Facilities Management sedang dalam proses mencari *smart partner* atau pun mencari sumber-sumber dana untuk membaiki dengan kos yang begitu besar dan *inshaAllah* kita akan pastikan stadium kita itu akan dalam keadaan baik atau pun sempurna.

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Dalam perkara sukan permotoran juga dibangkitkan oleh beberapa ADUN Air Tawar, Bukit Lanjan dan Meru. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kita telah mengenal pasti lot di Mukim Batu, sebesar 40 ekar untuk kita jadikan sebagai Kompleks Litar Lumba dengan dana sekarang ini di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pegawai Pengawal dan Majlis Sukan Negeri Selangor sebagai Pegawai Penyelenggara dan perkara ini sedang dalam proses kajian dan dalam proses untuk kita menuju ke arah pembinaan Litar Lumba yang ada di Gombak.

Selain daripada itu juga, saya hendak maklumkan bahawa sedang dalam proses menaik taraf Litar Lumba Rakyat di Kuala Selangor yang bersebelahan di sebelah Kuala Selangor itu. Dan kita telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM510,300 untuk menaik tarafkan Litar Lumba itu dan saya harapkan perkara ini kita dapat segerakan dan perkara ini dalam proses tender. Bermakna Selangor kita akan ada 2 litar, satu di Gombak dan satu lagi di Kuala Selangor. Manakala litar *track* Sungai Air Tawar yang dibangkitkan dalam perbahasan, kita akan minta Unit Perancang Ekonomi turun dan memberi laporan kepada kita bagaimana kita boleh bantu Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk anak-anak muda kita di sana untuk kita jadikan litar *track* Sungai Air Tawar ini.

Pembangunan sukan bola sepak, saya akan bagi laporan bertulis pada Yang Berhormat tentang penstrukturan semula bola sepak kerana mengambil masa yang panjang tetapi secara umumnya saya hendak maklumkan bahawa kesemua pasukan akan berada di bawah satu syarikat, Syarikat Giant FC Sdn Bhd yang akan dipimpin oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah selaku Pengerusi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan pasukan bola sepak. Dan ini adalah program kita selaraskan di antara pasukan Persatuan Bola Sepak dan PKNS yang kita jadikan di bawah satu bumbung untuk pastikan bahawa dana kita ini dapat kita fokuskan untuk pembangunan pasukan bola sepak di Selangor. Dan sebagai permulaan, sejumlah RM10 juta sebagai modul permulaan telah dipersetujui untuk kita letakkan di bawah syarikat Red Giant FC Sdn Bhd ini.

Ragbi wanita Kampung Tunku, dia kagum dengan kebolehan beliau bermain ragbi dan beliau telah menyebut, memang dahsyat kita tak sangka begitu. Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang Majlis Sukan Negeri, ragbi adalah sukan-sukan yang kita fokus, kita tidak pilih, kita bagi semua sukan di Selangor ini adalah penting pada kita. Tetapi oleh sebab Yang Berhormat ini telah membangkitkan dalam perbahasan ini, saya akan berbincang dengan Majlis Sukan Negeri untuk melantik Yang Berhormat sebagai ADUN angkat kepada ragbi wanita kita. Dan dalam masa sama kita akan mencari jalan bagaimana kita bantu memperkasakan ragbi wanita ini bersama-sama dengan sukan-sukan yang lain.

Dan SUKMA lantikan ADUN angkat oleh Yang Berhormat Jeram tiada hari ini, tetapi *inshaAllah* by Disember sebelum akhir tahun ini kita akan minta Majlis Sukan Negeri memberi cadangan nama-nama Yang Berhormat yang berminat untuk menjadi Yang Berhormat angkat, ADUN angkat dan sempena SUKMA Johor 2020 tahun depan.

Dalam hal belia, penggerak tempatan saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian, Sungai Panjang telah membuat satu kenyataan di luar Dewan semalam mengatakan bahawa PeBT ini hanyalah sekumpulan budak-budak *WhatsApp* atau pun sekumpulan *WhatsApp* tidak lebih dari itu. Saya hendak maklumkan bahawa PeBT di

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Selangor adalah satu-satunya negeri yang mempunyai penggerak belia tempatan. Tidak ada negeri yang lain yang mempunyai struktur belia sebagaimana yang kita ada di Negeri Selangor. Negeri lain kalau hendak buat program dia ada satu persatuan, tetapi di Selangor dia mempunyai penggerak belia tempatan yang dimiliki oleh kita sendiri dan hari ini kita sangat berbangga dengan adanya PeBT. Dan saya hendak memberi jaminan kepada Yang Berhormat Yang Berhormat dari kalangan wanita saya tidak memberi sikap seperti mana Jeram tadi, kita memberi membuka peluang menjadi PeBT kepada semua, lelaki perempuan kerana kita proses melalui interview, temu duga yang di hadiri panel dia adalah Majlis Sukan Negeri, Ahli Majlis, Wakil Rakyat dan PBT, menjadi panel temu duga. Jadi kita buka, kalau perempuan itu atau wanita itu lebih layak daripada lelaki, silakan kita tidak ada masalah daripada mereka menjadi PeBT.

Dan saya hendak menarik perhatian pada ucapan Kampung Tunku yang menyatakan bahawa kita harus audit belanjawan yang kita berikan pada PeBT. Saya hendak maklumkan RM5.26 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bukanlah keseluruhannya pada PeBT semata-mata. Di antara RM5.26 juta ini adalah bajet keseluruhan generasi muda termasuk PeBT, termasuk program teras, termasuk pesta Sukan Generasi Muda, termasuk sukan Selangor Cyber Game, termasuk Hari Belia, termasuk program Diploma di UPM, Kolaborasi NGO dan sebahagian juga digunakan untuk program-program elaun PeBT dan sebagainya adalah untuk program PeBT itu sendiri.

Bukanlah RM5.26 juta adalah keseluruhannya diberikan kepada PeBT dan kita maklumkan bahawa memang kita mempunyai garis panduan yang sangat ketat kepada PeBT kita. Mereka kalau hendak *claim* dana daripada kerajaan, mereka terpaksa membuat program, ada kertas kerja di tandatangi oleh sama ada Ahli Majlis atau pun ADUN dan mereka ini akan diaudit oleh Majlis Sukan Negeri dan kita akan pantau perkembangan mereka. Manamana mereka yang tidak memenuhi syarat sama ada tidak hadir dalam mesyuarat atau pun gagal mengadakan program, maka kita tidak akan memberikan peruntukan pada mereka ke atas kegagalan mereka. Dan kalau kita dapati PeBT kita tidak berfungsi, kita juga tidak akan teragak-agak untuk kita menukar PeBT kita kerana mereka dianggap sebagai sebahagian daripada Kerajaan Negeri. Dan mereka membawa dasar negeri, memang Seri Setia mengatakan bahawa mesti ada PeBT yang memahami dasar Kerajaan Negeri dan memang kita pada setiap tahun kita mengadakan himpunan PeBT-PeBT satu Selangor yang kita bawa mereka pada *retreat* dan kita memberikan penerangan-penerangan dasar. Kalau Yang Berhormat sekalian merasakan ada PeBT kita mempunyai kelemahan, jangan bermusuhan dengan PeBT kita. Mari pada kita Kerajaan Negeri, *inshaAllah* kita akan betulkan, kalau ada kelemahan mereka, kita betulkan, kalau ada kesilapan kita betulkan kalau ada kelebihan bantu mereka dengan memberikan dana-dana kerjasama pada PeBT kita.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Boleh saya celah.

**Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Satu saat sahaja.

**TUAN SPEAKER :** Silakan, silakan boleh, boleh.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Speaker. Tentang pemilihan PeBT, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, apakah pemilihan PeBT ini

## 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

ditentukan oleh ADUN atau pun oleh pihak EXCO itu sendiri. Sebab saya dimaklumkan kawasan saya ada juga yang dipilih oleh pihak kerajaan.

**Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** PeBT melalui proses interview dan akhirnya di pilih dipersetujui oleh ADUN tempatan. Ada ADUN tempatan yang sampai sudah dia tak hendak *sign* pelantikan PeBT kita. Dan ada PeBT kita dah sampai sudah tak hendak dilantik, tidak dipersetujui oleh Ahli Majlis. Jadi Kerajaan Negeri mengambil sikap kalau pergantungan ini terlalu lama berlaku, maka kita akan menggunakan kuasa kita untuk melantik PeBT itu. Maknanya sebab terlalu lama kita tidak boleh lantikan kita, kita mesti berlaku lantikan sebab kita ada belanjawan yang kita kena sempurnakan. Dengan sebab itu, mana-mana ADUN yang tidak boleh bersetuju atau pun Ahli Majlis yang tidak boleh bersetuju yang pada pandangan Majlis Sukan Negeri setelah dia menjalani *interview*, mempunyai merit yang cukup maka kita akan melantik atas sifat kita sebagai Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat sekalian, Persatuan Belia untuk makluman semua ya Sungai Panjang mengatakan tidak perlu PeBT kita apa salahnya jadikan sebagai Persatuan. Saya hendak maklum pada Yang Berhormat semua, bahawa kita dalam Selangor kita ada 1,369 pertubuhan yang aktif. Yang Berhormat tahu tak, di dalam 1,000 persatuan ini hanya ada 100 ribu belia sahaja yang duduk dalam persatuan. Daripada 3.9 juta belia itu, hanya 100 ribu sahaja yang duduk dalam persatuan, yang lain pergi ke mana. Dengan sebab itulah, saya merasakan bahawa PeBT inilah mereka yang berfungsi mencari mereka-mereka yang tidak berminat berpolitik, tidak duduk dalam persatuan, tidak minat duduk dalam pertubuhan, tidak minat dalam penggerak-penggerak ini maka dengan sepatutnyalah Kerajaan mesti mengambil sikap secara eksklusif. Orang persatuan pun kita jaga, orang tak nak persatuan pun kita jaga, orang nak politik pun kita jaga, orang tak nak politik pun kita jaga melalui PeBT kita.

Sangat menggerunkan apabila data yang diberikan oleh Jabatan Belia dan Sukan hanya 100 ribu orang belia kita sahaja yang terlibat dengan persatuan. Daripada 3.9 juta orang yang ada dalam Negeri Selangor kita ini. Yang Berhormat sekalian, kena fikir bagaimana cara hendak tarik belia-belia kita ini dan kita harapkan program PeBT ini terus berjalan dengan lancar. Dan Kuala Kubu menyebut tentang Selangor Cyber Games dan mencadangkan agar masa lanjutan diberikan kepada mereka yang berminat untuk menjalankan sukan atas alasan perbezaan waktu di antara Malaysia dan New York, kata beliau. Tapi kita akan rujuk pada Pihak Berkuasa Tempatan, mencari mengkaji berdasarkan enakmen atau pun peraturan kecil yang ada di PeBT masing-masing. Dan kita akan lihat apakah kebaikan dan keburukan yang ada sebelum kita membenarkan mana-mana kedai menjalankan operasi sehingga 24 jam.

Yang lain daripada itu, perkara tentang Modul Insan dibangkit oleh Bukit Melawati dan Sungai Air Tawar, Sungai Kandis dan tentang penghijrahan anak-anak muda. Secara umumnya *inshaAllah* Kerajaan Negeri akan mengambil inisiatif. Sekarang ini kita buat Job Fair di peringkat negeri. Kalau Yang Berhormat setuju untuk mengurangkan penghijrahan anak-anak muda daripada kampung, kita turun ke kawasan Yang Berhormat, kita buat mini Job Fair, kita panggil *local company*, *local* usahawan, *local intrapreneur* dan kita tengok bagaimana hasil yang akan kita adakan selepas daripada itu. Dan tentang peluang pekerjaan ini memang tidak dinafikan bahawa kita mesti menjalankan lebih banyak Tvet, *inshaAllah* walaupun Tvet ini di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tetapi di

## **6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

peringkat persekutuan Tvet ini duduk di bawah Sumber Manusia dan saya telah menawarkan kerjasama pada Yang Amat Berhormat untuk kita laksanakan pelbagai program. Di antaranya kita ingin menganjurkan World Skill of Selangor di Selangor nanti pada belia-belia atau pun adik-adik kita daripada sekolah-sekolah dan institusi kemahiran supaya mereka menunjukkan *skill* dalam program World Skill of Selangor, *inshaAllah* pada 2020 nanti.

Di samping itu, kita juga terima kasih kepada program-program daripada Selangor Invest yang telah mencipta banyak pekerjaan kepada kita dan sasaran 2.5% pengangguran itu *inshaAllah* kita yakin kita dapat merealisasikan pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang. Dan PEMADAM juga dari segi sosial yang dipakaikan oleh Yang Berhormat tentang gejala sosial memang PEMADAM yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pengerusi PEMADAM memang kita sedang bekerjasama dengan beberapa NGO untuk kita pastikan bahawa tempat-tempat tertentu di baik pulih dari segi senario, *environment* dan pelbagai supaya tempat-tempat ini kita hapuskan segala gejala-gejala dadah atau pun masalah sosial yang ada di tempat tersebut.

Yang Berhormat sekalian, perkara lain yang saya hendak sebut terlalu banyak dan saya akan pastikan soalan bertulis kepada Yang Berhormat sekalian dan apa pun jaminan kita sekiranya ada kelompong dari segi pembangunan infrastruktur atau pun riadah, kita memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa melihat kepada kemudahan ini dan kita bergerak dalam konteks kelayakan kita atau pun konteks kewangan yang kita ada di negeri dan di Pebt kita, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO Paya Jaras. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah menunjukkan jam 6.00 petang, maka saya menangguhkan perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan 2020 ke hari esok 7 November 2019 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 6.00 PETANG)**